



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *BismillahiRahmani Rahim. AssalamualaikumWabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 10 November 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

I. BACAAN DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat Pagi semua. Morib. Tidak hadir. Telok Datok.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 149.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : Penguatkuasaan Kekotoran Kedai Makanan dan Restoran

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Sila nyatakan jumlah unit kedai yang terlibat dan juga tindakan diambil oleh setiap PBT terhadap kekotoran kedai makanan dan restoran pada tahun 2015.
- (b) Apakah langkah diambil oleh PBT untuk memastikan pengusaha perniagaan menyediakan kualiti makanan dan minuman yang bersih?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :Tuan Speaker, terima kasih kepada Telok Datok. Jumlah kedai yang terlibat dan diambil tindakan oleh PBT terhadap kekotoran kedai makanan dan restoran pada tahun 2015 ada lah sebanyak 8,644 unit. Langkah yang diambil oleh PBT untuk memastikan pengusaha perniagaan menyediakan kualiti makanan dan minuman yang bersih adalah seperti berikut :-

- (i) Pemeriksaan dan penggredan kebersihan premis makanan secara rutin dan berjadual pada setiap bulan di mana premis makanan yang layak digredkan mengikut markah penilaian yang diperoleh seperti Gred A (80% ke atas), gred B (65% hingga 79%). Premis boleh ditutup bagi markah 64%

dan ke bawah semasa pemeriksaan ulangan ataupun operasi bersih. Bagi Premis Bergred A, tempoh sah laku adalah enam bulan manakala bagi Gred B dan C sah laku ada lah 3 bulan. Pengusaha premis perlu membaharui nilai gred yang telah yang telah diberikan mengikut tempoh masa yang diberikan dan bayaran sejumlah RM100.00.

- (ii) PBT mensyaratkan pengusaha premis makanan perlu mendapatkan lesen perniagaan daripada pihak Majlis serta mendapatkan suntikan TY2, menghadiri Kursus Pengendalian Makanan dan mendapatkan Kad Pengendalian Makanan yang dikeluarkan oleh PBT.
- (iii) Menjalankan pensampelan makanan secara rutin dan berjadual untuk dianalisis sebagai *surveillance* bagi memastikan pencemaran mikro biologi dan paras kimia di dalam makanan dapat dikawal mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985.
- (iv) Menjalankan dan meningkatkan aktiviti promosi kesihatan ke atas pengusaha premis dan pengendali makanan seperti ceramah kesihatan, mengadakan pameran dan edaran risalah atau poster yang berkaitan kebersihan premis dan keselamatan makanan. Sekian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM :Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan kebersihan, taraf kebersihan restoran dan sebagainya. Setahu saya ada Sijil A – Bersih, B dan C tetapi sekarang baru-baru ini di dapati ada Sijil yang dipalsukan. Apa kah tindakan yang sewajarnya diambil Kerajaan terhadap sindiket demikian?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :Tentang isu Sekinchan tadi sijil palsu ya. Sijil palsu ini ada laporan diterima dan masih tidak begitu serius, tidak begitu serius tetapi kita akan membuat pemeriksaan secara rutin ke atas kedai-kedai ataupun restoran yang berkaitan supaya isu ni boleh kita kawalkan. Kalau Yang Berhormat ada terima laporan sila sampaikan ke PBT masing-masing dan kita akan mengambil tindakan ke atas mereka yang terima ataupun jual sijil tersebut.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER :Batu Tiga.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :Terima kasih Speaker. Saya ingin bertanya kepada pihak EXCO sekarang ini memandangkan penyedia-penyedia makanan disyaratkan untuk mendapatkan *injection* ataupun suntikan TY2 sebenarnya pada pemilik ataupun pada mereka yang memohon tetapi kita lihat

sekarang ramai juga pekerja-pekerja asing yang sekarang juga ataupun pekerja-pekerja pengusaha ini telah pun ditambah pekerjaannya dan sebagainya. Apa kah kita syarat kan juga kepada pekerja-pekerja ini untuk mendapatkan suntikan dan kalau ada macam mana kita dapat mengetahuinya kalau kita pergi ke kedai tersebut apakah yang dipamerkan nama dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih pada Batu Tiga. Kita nampak memang banyak ada restoran mereka mengambil pekerja asing di restoran sebagai pekerja mereka. Kalau mereka mengikut cara yang sah iaitu memang dapat kebenaran atau kelulusan daripada Imigresen untuk masuk ke negara Malaysia untuk menjadi sebagai pekerja di dalam restoran memang mereka perlu mengambil suntikan yang seperti apa yang saya sebutkan tadi kerana bila mereka dapat kelulusan daripada Imigresen ataupun visa pekerja memang disyaratkan mereka perlu mengadakan suntikan yang disyaratkan oleh Kementerian Kesihatan dan sebagainya. Itu yang kita kawal daripada segi pekerja yang sah. Untuk pekerja yang sah itu saya rasa memang susah untuk kita kawal kerana itu bukan di bawah bidang kuasa PBT dan kita memang kalau ada terima laporan kita biasanya akan kerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang mengambil pekerja yang tidak sah.

TUAN SPEAKER : Baiklah Sungai Air Tawar, tidak hadir. Soalan Balakong, tidak hadir. Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 152.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : KRISIS KUALITI AIR SELANGOR

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan krisis kualiti air Selangor?
- (b) Adakah pihak Kerajaan Negeri akan membuat sesuatu perubahan baik pulih kualiti air Selangor.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : *BismillahiRahmani Rahim, Aslamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Serdang yang menanyakan soalan yang dibekalkan oleh Air Selangor sentiasa mematuhi Piawai Kualiti Air Minum Kebangsaan yang dikeluarkan oleh

Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor melalui Air Selangor tidak pernah sekali-kali berkompromi terhadap kualiti air terawat yang diagihkan kepada pengguna Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya dan seperti yang saya maklumkan malah ia melebihi garis panduan yang telah pun dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kolam kualiti air terawat dilakukan tiga peringkat. Yang pertama kawalan kualiti air mentah sebelum dirawat, kawalan kualiti air terawat selepas proses rawatan dan juga kawalan kualiti air terawat dalam sistem agihan kepada pengguna. Ia dilakukan secara dalaman ataupun melalui agensi makmal yang bertauliah dan daripada masa ke masa Kementerian Kesihatan Malaysia turut melakukan pemantauan ke atas air mentah dan juga air terawat yang dihasilkan oleh operator loji rawatan air.

TUAN SPEAKER : Baik lah. Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan Ijok, nombor 153.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : AGIHAN TANAH

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

Agihan tanah-tanah lot kepada peneroka-peneroka di DUN Ijok seperti di Kampung Sri Sentosa, Sri Aman dan kereta api masih belum selesai oleh sebab kelewatan ukuran sempadan lot-lot di situ.

Soalannya :-

(a) Bilakah kerja-kerja ukuran sempadan akan diselesaikan?

TUAN SPEAKER : Y.A.B. Dato' Menteri Besar bersama Tuanku di Majlis Mesyuarat Diraja, jadi saya minta Sijangkang untuk jawab bagi pihak Menteri Besar.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Speaker. Ijok bertanya berkaitan dengan agihan tanah-tanah lot kepada peneroka-peneroka di DUN Ijok serta penduduk Kampung Sri Sentosa, Sri Aman dan kereta api masih belum selesai oleh sebab kelewatan ukuran sempadan lot-lot itu. Untuk makluman Ijok, Kampung Sri Aman pengukuran tapak tanah telah diukur oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor (JUPEM) pada tahun 2013, tetapi Pelan Akui (PA) belum dikeluarkan. Kampung Sri Sentosa pengukuran tapak tanah telah selesai diukur dan dikemukakan pada Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor melalui *e-mail* yang diterima daripada JUPEM pada 5 September 2016. Pengukuran tersebut hanya melibatkan tanah-tanah yang telah selesai pemberimilikan sahaja tetapi Pelan Akui atau PA belum

dikeluarkan. Bagi tanah Rizab Keretapi Bukit Badong, Ijok, status tanah adalah di bawah jagaan dan kawalan Perbadanan Aset Kereta Api (PAK) dan masih belum dilepaskan pegangan kepada Kerajaan Negeri. Keputusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 31/2016 yang diadakan pada 21 September 2016 telah meluluskan secara dasar untuk diproses pemberimilikan. Tindakan seterusnya adalah dalam proses memohon peruntukan untuk kerja-kerja pengukuran tapak dan penyediaan Pelan Pra Hitungan sebelum proses pemberimilikan dilaksanakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF : Terima kasih Speaker, soalan saya nombor 154.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF
(N44 DENGKIL)**

TAJUK : TAPAK MASJID BARU DENGKIL

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah status terkini perkembangan cadangan masjid baru ini?
- (b) Apakah permasalahan yang dihadapi dan apakah jalan penyelesaian untuk mempercepatkan proses ini?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Speaker. Dengkil bertanyakan berkaitan dengan tapak masjid baru Dengkil. Saya kira semalam pun dalam penggulungan saya telah sentuh. Seperti mana yang kita sedia maklum Kerajaan Negeri telah menawarkan pampasan, telah menyediakan pampasan atau sagu hati kepada Orang Asli yang terlibat cuma urusan dengan empat Orang Asli yang pada awalnya tiga orang untuk diselesaikan dalam masa yang singkat. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF : Speaker. Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF : Sikit soalan tambahan untuk Yang Berhormat EXCO. Saya nak kepastian daripada Kerajaan Negeri, tanah yang diperuntukkan itu 10 ekar, adakah dalam perundingan dengan Orang Asli ini tanah itu akan tidak diberikan 10 ekar, saya difahamkan ada yang nak bagi 5 ekar. Saya minta kepastian bahawa 10 ekar tanah itu diberikan kepada milik masjid supaya

boleh dijadikan *expansion program* dengan izin boleh buat Maahad Tahfiz sekolah untuk manfaat penduduk di Dengkil.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Dengkil. Seperti mana juga saya katakan semalam sebenarnya dia lebih kurang 10 ekar itu telah pun diwartakan sebagai tapak kepunyaan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Jadi tawaran yang kita tawarkan kepada penduduk masyarakat Orang Asli ialah 10 ekar. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 155.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : KESIHATAN RAKYAT

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Selangor menyediakan Klinik Bergerak Selangor? Jika tidak, apakah sebabnya.
- b) Apakah 5 penyakit utama Rakyat Selangor tahun ini?
- c) Adakah Kerajaan Selangor mengadakan sebarang pelan tindakan untuk jawapan (b) tersebut?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Terima kasih Tuan Speaker. Teratai bertanya tentang adakah Kerajaan Negeri menyediakan Klinik Bergerak Selangor. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor tidak menyediakan Klinik Bergerak ini kerana perkhidmatan Klinik Bergerak ini disediakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Pada masa ini perkhidmatan Klinik Bergerak tersebut beroperasi di 7 daerah iaitu daerah Hulu Selangor, Gombak, Kelang, Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sabak Bernam. Namun dengan adanya program yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu Skim Peduli Sihat yang baru dibentangkan dalam Bajet 2017 yang mana Skim Peduli Sihat inilah yang akan dinikmati oleh dan memberi manfaat kepada kira-kira 1 juta rakyat Selangor dan saya kira ia pasti lebih baik daripada perkhidmatan Klinik Bergerak yang sedia ada.

b) Daripada maklumat yang diterima daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor 5 jenis penyakit utama di Negeri Selangor bagi tahun 2016 untuk tempoh Januari hingga September mengikut laporan pesakit luar berdasarkan jenis-jenis penyakit bagi tahun 2016 adalah seperti berikut :- yang pertamanya; penyakit akibat jangkitan ataupun *infection* dan jangkitan oleh parasit seperti *TB*, *Meningitis*, *Pneumonia* dan *cysts*. Yang keduanya penyakit berkaitan sistem *respiratory*. Antaranya ialah penyakit *asthma*, *emphysema* dan *bronchitis*. Yang ketiga, kecederaan, keracunan dan kemalangan. Yang ke empat penyakit koronori dan penyakit berkaitan sistem *circulatory* termasuk sakit jantung, *stroke*, *course vein*, *aneurysm* saluran darah dan lain-lain serta yang ke lima penyakit berkaitan sistem perkumuhan ataupun *genetory* seperti batu karang dalam buah pinggang, pundi kencing, penyakit buah pinggang, *ovariansis*, kanser pundi kencing dan kanser buah pinggang.

Selain daripada penyakit-penyakit yang disebutkan di atas, lima (5) jenis penyakit yang sering dihadapi oleh rakyat Malaysia dan juga rakyat Selangor adalah penyakit-penyakit yang disebut sebagai *non communicable diseases* atau pun penyakit yang tidak berjangkit yang disebabkan oleh amalan gaya hidup kita. Antaranya adalah penyakit tekanan darah tinggi, diabetes, kerosakan buah pinggang, berlebihan berat badan atau obesiti dan juga penyakit kanser.

c) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat keadaan yang agak membimbangkan ini. Justeru, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa program kesihatan bagi menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Antaranya adalah program yang telah dijalankan sejak tiga (3) tahun sehingga kini iaitu program kempen berjalan 10,000 langkah dan Program Kayuhan Jantungku yang mana ia dilaksanakan dengan jayanya di 12 Pihak Berkuasa Tempatan melalui program Karnival Sihat Selangor. Kerajaan Negeri juga telah meminta kepada pihak PBT untuk mengangkat mana-mana taman rekreasi sebagai trek 10,000 langkah yang mana ia hanya perlu tambahan untuk meletakkan papan tanda bilangan langkah dan kalori yang dibakar. Ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat mendapat pendidikan tentang kesihatan ini dan juga lebih ramai masyarakat membuat aktiviti fizikal seperti senaman. Kerajaan Negeri sedang merangka satu program gaya hidup sihat yang meliputi segala aspek yang boleh mencegah masyarakat daripada penyakit *non communicable diseases* tadi yang saya sebut dan program ini akan merangkumi aspek seperti pemeriksaan awal kesihatan, pengamalan senaman ringan, pemakanan sihat dan pengurangan tabiat merokok.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih, Tuan Speaker. Tadi EXCO mengatakan Kerajaan Negeri Selangor tidak ada rancangan untuk mewujudkan klinik bergerak. Saya nak tanya EXCO sebab fungsi klinik bergerak dengan kemudahan yang diberi di Skim Peduli Sihat berbeza di situ sebab kemudahan kesihatan yang kita yang prihatin dalam soalan ini adalah membawa khidmat kesihatan kepada yang

terlantar di rumah-rumah. Itu berbeza. Klinik Peduli Sihat, mereka pergi ke Pusat Kesihatan. Jadi ini saya haraplah Kerajaan Negeri Selangor prihatin kepada orang yang duduk di kampung-kampung, yang terlantar sakit kronik sebab cara kita memberi kemudahan berbeza.

TUAN SPEAKER :Ijok, soalan tambahan. Tak ada soalan?

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan ya. Saya nak tanya Kerajaan Negeri Selangor memberi prihatin kepada wujudkan klinik bergerak. Saya ingat itu satu-satu inisiatif yang boleh menonjolkan Negeri. Saya harap Kerajaan Negeri Selangor *consider this*, klinik bergerak.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih, Ijok. Berkenaan klinik bergerak yang disebut oleh Ijok dan juga apa yang sering diambil prihatin oleh Ijok ialah tentang para pesakit terlantar yang berada di rumah, yang tidak boleh keluar atau pun doktor perlu datang untuk merawat. Jadi untuk program ini iaitu menziarahi pesakit yang terlantar, pihak Kerajaan Negeri akan melaksanakan satu program yang kita namakan Program Ziarah *Medic*. Jadi dari segi permintaan Ijok untuk melaksanakan klinik bergerak ini, buat masa ini pihak Kerajaan Negeri belum ada apa-apa cadangan. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER :Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO dengan mengenal pasti lima (5) jenis penyakit utama. Teratai ingin tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan apakah langkah-langkah Kerajaan yang akan dilakukan untuk memastikan Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengamalkan gaya hidup yang sihat yang mana Teratai selalunya nampak ada banyak program yang telah dianjurkan di peringkat Kerajaan Selangor untuk menggalakkan Pegawai untuk menjalankan pelbagai aktiviti. Jadi Teratai nak tanya adakah apa-apa program yang telah dirancang atau pun telah dijalankan oleh pejabat Yang Berhormat EXCO bagi menangani atau pun mengatasi atau pun menggalakkan rakyat kita hidup dengan sihat. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih, Teratai. Teratai bertanya apakah Program-program Kesihatan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang ini bagi saya, setiap kali program Karnival Sihat Selangor di semua PBT sememangnya kita menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut serta dalam program ini yang mana kita melaksanakan program berjalan 10,000 langkah. Jadi ini satu aktiviti yang baik dan juga satu aktiviti yang seharusnya kita bersama-sama dengan rakyat untuk berjalan bersama dan menjadikan kita sihat. Selain daripada itu, Teratai bertanya

apakah lagi perkara-perkara yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Seperti yang saya sebut dalam jawapan saya semalam bahawa kita pihak Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan satu program Saringan Sihat Selangor. Jadi di sini kita boleh memberikan pemeriksaan kesihatan kepada sama ada Pegawai dan juga masyarakat di Negeri Selangor ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER :Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO kerana memberi banyak *information* yang baru. Tetapi saya nampak ada jawapan b) yang lima (5) penyakit utama di Negeri Selangor ini. Saya nampak, saya ada sedikit bimbang kerana antara satu penyakit yang sekarang menjadi satu *trend* di mana yang diutarakan oleh Damansara Utama iaitu penyakit mental di mana ada tiga (3) orang, ada satu (1) orang sakit. Maknanya, itu serius tetapi dalam lima (5) penyakit utama ini tidak dimasukkan. Apakah puncanya, satu. Yang kedua kerana memandangkan tiga (3) orang itu ada satu (1), macam semalam di Dewan ini pun adalah ada simptom-simptom. Macam di sebelah sana pun, belum ditanya sudah nak dijawab. Jadi ini semua simptom-simptom ini Yang Berhormat. Ya, jadi saya minta ini adakah ini antara lima (5) kategori dan apakah cara rawatannya. Ini penting supaya kita sentiasa sihat, jangan ada yang banyak menafikan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih, Sekinchan. Berkenaan penyakit yang disebutkan tadi iaitu penyakit *stress* dan juga penyakit mental. Ianya tidak disebutkan daripada jawapan yang saya terima daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Namun, kita semua maklum bahawa apa yang disebut oleh Damansara Utama adalah benar dan kita akan meneliti perkara tersebut. Pihak Kerajaan Negeri, kita akan melihat apakah yang kita boleh laksanakan bagi memastikan rakyat Selangor sihat tubuh badan, sihat fizikal dan sihat mental. *Insyaa-Allah*.

TUAN SPEAKER :Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASHIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan nombor 156.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASHIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : BAS PERCUMA

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah laluan perkhidmatan bas percuma yang telah diperkenalkan berhasil menepati sasaran penubuhannya?
- b) Adakah laluan tersebut perlu ditambah ke kawasan-kawasan lain?
- c) Berapakah kos bulanan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dalam merealisasikan perkhidmatan yang sangat baik ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, soalan ini juga telah pun saya jawab secara panjang lebar semasa penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan. Maka, saya tidak ada penambahan, melainkan ada soalan tambahan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER :Baiklah, Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :Tuan Speaker, soalan 157.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PEMERIKSAAN HAK KANAK-KANAK

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Memandangkan terlalu banyak kes kanak-kanak seperti penculikan, pemerdagangan juga penderaan, apakah usaha Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan hak jaminan keselamatan kanak-kanak?
- b) Berapakah peruntukan khusus untuk program memperkasakan kanak-kanak yang disediakan setiap tahun? Nyatakan.
- c) Nyatakan program yang dilaksanakan setiap tahun?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih, Batu Tiga. Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun ini Kerajaan Negeri telah merangka beberapa program berkaitan kanak-kanak. Ini kerana golongan kanak-kanak antara kumpulan masyarakat yang perlu diberi perhatian dan merupakan aset masa depan negara. Antara program yang telah dilaksanakan adalah :-

- i) Seminar Literasi Media Untuk Perlindungan Kanak-kanak yang telah dihadiri 400 orang peserta daripada kalangan pengasuh dan juga Guru Taska di seluruh Negeri Selangor yang mana ia adalah berkenaan dengan kesan teknologi dan media sosial dalam perkembangan kanak-kanak serta isu *phedophilia*.

- ii) Program peningkatan kesedaran terhadap gejala sosial di kalangan remaja perempuan Negeri Selangor melalui program yang dinamakan *Big Girls Talk* yang telah dihadiri lebih 400 orang remaja perempuan daripada seluruh Selangor. Program ini memberikan pendedahan kepada para remaja perempuan akan risiko-risiko gejala sosial serta pencegahannya.
- iii) Seminar Hak Dan Keselamatan Kanak-kanak. Ini adalah satu program melibatkan 600 orang peserta daripada kalangan ibu bapa, para guru dan pengasuh Taska. Program ini memberi pendedahan kepada para peserta akan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan kanak-kanak agar jenayah yang melibatkan kanak-kanak dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, satu lagi program iaitu Program Selangor *Kids Volunteerisme* yang telah dilancarkan pada 28 Ogos 2016 yang merupakan satu platform kesedaran sifat tolong-menolong serta prihatin kepada masyarakat selain mencungkil potensi diri kanak-kanak agar dapat membina keyakinan dan membentuk keperibadian yang mulia dalam kalangan kanak-kanak di Negeri Selangor. Seterusnya yang mana kita akan melaksanakan sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia peringkat Negeri Selangor 2016 yang akan diadakan pada 26 November yang akan datang, satu acara berjalan iaitu yang dinamakan Syoknya Jalan di Dataran Kemerdekaan melibatkan lebih daripada 1,000 penyertaan kanak-kanak bersama tambahan 2,000 ibu bapa daripada seluruh Negeri Selangor.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah merangka dan melaksanakan program-program bagi menangani kes penculikan, pemerdagangan dan penderaan kanak-kanak melalui program-program berikut :-

- i) Kempen Keselamatan Kanak-kanak di Sekolah, Sahabat Bijak, *Safe and Protect*. Bagi tahun 2016, Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor telah merancang untuk mengadakan Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah yang dinamakan Sahabat Bijak, *Safe and Protect*. Kempen ini bagi tujuan :-
 - a) Menyebar luas maklumat berkaitan keselamatan kanak-kanak.
 - b) Memberi kesedaran kepada ibu bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang pentingnya untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.
 - c) Memberi pendedahan literasi undang-undang semua pihak.

- d) Memberikan pendedahan kepada kanak-kanak, ibu bapa, guru-guru serta masyarakat tentang bentuk-bentuk bantuan berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak.
- ii) Program Kecerdasan Emosi. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor melalui Bahagian Kaunseling dan Psikologi telah menganjurkan Program Kecerdasan Emosi Kanak-kanak pada tahun 2015 dan 2016. Objektif program adalah mendedahkan kanak-kanak kepada isu sosial dan perlindungan kanak-kanak, seterusnya meningkatkan sendiri mereka supaya dapat menghadapi isu sosial dan keselamatan.
- iii) Rondaan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga dalam perancangan bekerjasama dengan pihak PDRM agar dapat membuat rondaan berkala di premis yang memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak seperti Taska, Tadika dan Pusat Jagaan Kanak-kanak.
- iv) Talian Kasih 15999. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menyediakan satu talian *hotline* iaitu Talian Kasih 15999 bagi mana-mana pihak membuat sebarang aduan berkenaan penderaan kanak-kanak pada bila-bila masa.

Untuk soalan b), berapakah peruntukan yang digunakan untuk memperkasakan kanak-kanak. Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat sebanyak RM214,000.00 telah dibelanjakan bagi tujuan program memperkasakan kanak-kanak pada tahun 2014 dan sebanyak RM174,095.00 pada tahun 2015, manakala sebanyak RM623,796.00 bagi tahun 2016. Perincian akan saya berikan kepada Yang Berhormat Batu Tiga.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER :Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Masih belum habis lagi. Jadi untuk C Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan dan perkembangan kanak-kanak di negeri ini. Oleh itu, setiap tahun Kerajaan Negeri akan melaksanakan program-program tertentu mengikut isu dan perkembangan semasa berkaitan kanak-kanak. Selain daripada itu, Program Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia diadakan setiap tahun. Mengikut tema yang ditetapkan bagi meraikan, menghargai serta memberi pendedahan yang berkaitan akan peranan penting kanak-kanak sebagai aset dan harapan masa depan negara. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER :Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih saya ingin bertanya dan sebelum itu saya hendak mengucapkan Tahniah kepada EXCO kerana banyak program yang telah dilaksanakan tapi saya ingin bertanya dan ingin memastikan apakah sebenar program-program ini sekadar di peringkat negeri tetapi tidak dibawa kepada peringkat *grass root* sebab saya tengok program-program ini kalau diberikan pendedahan sehingga ke *grass root* itu sebenarnya ia impaknya lebih baik. Jadi adakah cadangan pihak kerajaan untuk membawa program-program yang disebutkan tadi itu kepada *grass root* dan melibatkan ADN-ADN untuk melibatkan sekali di kawasan masing-masing. Selain daripada itu Sekolah yang sebenarnya kita tahu kita pun tidak boleh masuk ke dalam Sekolah tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Program-program yang disebutkan selain daripada ia dilaksanakan di peringkat negeri ia juga kita akan pastikan untuk dilaksanakan di peringkat sama ada PBT ataupun melalui Pejabat Daerah. Contoh Seminar Lestari Media untuk perlindungan kanak-kanak kita akan bawakan dilaksanakan di peringkat PBT juga Seminar *Big Girls Shop* yang mana sekarang kita telah juga bawa kepada PBT dan juga Pejabat Daerah untuk melaksanakannya supaya ia boleh sampai ke peringkat akar umbi.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER :Batu Tiga dulu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya tanya tentang pelibatan ADN ia bagus kalau ada PBT kalau ada Pejabat Daerah tetapi kita tidak nampak ada ADN-ADN tidak tahu ada program ini dan apakah rancangan di pihak EXCO kalau boleh untuk kita pastikan ada ADN juga dimasukkan sebahagian daripada individu yang bertanggungjawab untuk memastikan Program Jaminan Keselamatan Kanak-kanak ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Saya amat mengalu-alukan pelibatan ADN dalam program-program seperti ini dan juga setiap kali program-program yang kita laksanakan memang sebenarnya kita menjemput ADN-ADN untuk turut serta. Mungkin ada putus di mana-mana tidak ramai ADUN yang hadir dalam program-program yang kita laksanakan. Namun kita akan minta kepada pihak PBT dan juga Pejabat Daerah apabila melaksanakan program ini di peringkat masing-masing perlu melibatkan ADN di kawasan masing-masing. Saya juga amat berterima kasih sekiranya ADN-ADN dapat turut serta dalam program-program yang seperti ini.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER :Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO sebab sekarang apa yang berlaku ialah kita selalunya menerima bantuan SMS di mana kehilangan kanak-kanak berlaku. Apa yang kita nampak ialah selalunya kanak-kanak telah ditinggalkan oleh ibu bapa ataupun penjaga yang mana sama ada di dalam kereta ke atau di dalam rumah. Jadi saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada Yang Berhormat akan mengadakan dasar ataupun keputusan supaya menggariskan satu peraturan atau enakmen supaya bagi ibu bapa atau penjaga yang mereka harus menjaga anak-anak mereka tidak biarkan kanak-kanak mereka tinggal dalam kereta semata-mata. Sebagai contohnya kemungkinan kita boleh

TUAN SPEAKER :Teratai ringkaskan soalan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Ia. Saya ini menanyakan sama ada kerajaan Selangor bersedia untuk membuat satu keputusan seperti menampal satu stiker di pasar raya atau *shopping Mall* yang mengingatkan ibu bapa supaya jangan membiarkan anak berseorangan dalam kereta ataupun di dalam rumah. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Teratai. Saya menyambut baik cadangan daripada Teratai dan perkara ini perlu diperbincangkan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER :Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat EXCO saya melihatkan apa yang bentangkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi ialah macam *sailor* Jabatan Kebajikan Masyarakat buat begini ada satu perancangan *all* di mana seluruh pimpinan, seluruh di tadika dan nurseri dan sebagainya. Adalah orang yang memahami tentang masalah ini. Sebab ini tidak boleh diatasi melalui Jabatan Kebajikan sahaja dibawa EXCO dan sebagainya. Ia memerlukan semua orang. Jadi adakah itu telah dibuat ataupun belum. Kerana yang lain adalah tindakan-tindakan *action* pelan tapi kita pun *blue print* ataupun *master* pelan konsep *master* pelan adakah itu telah dibuat ataupun tidak. Itu sebab daripada dia punya tindakan fasa demi fasa itu tidak boleh *chef very sing one the full in one go*. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Selat Klang. Kita ambil maklumat pandang dan daripada Selat Klang dan kita akan bincangkan perkara tersebut bersama pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kita melihat apakah

yang kita boleh lakukan melaksanakan dari terhadap apa yang dikemukakan oleh Selat Klang. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN :Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Adakah kerajaan ada satu KPI bahawa berapakah *reach* kita untuk setiap kempen setiap tahun. Adakah *reach* dan berapa orang yang kita hendak sebarkan mesej ini untuk memperkasakan kanak-kanak.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih. Damansara Utama. Buat masa ini kita belum ada apa-apa KPI untuk memastikan berapa yang telah kita *reach* tetapi atas cadangan tersebut mungkin kita akan cuma untuk ke arah tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuang. Tidak hadir. Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN :Terima kasih Tuan Speaker Soalan saya 159.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: MEMANDANGKAN KOS RUMAH YANG KIAN MENINGKAT DAN
TERDAPAT RAMAI RAKYAT YANG TIDAK DAPAT PINJAMAN
DARI BANK**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sedia membantu golongan anak Selangor untuk mendapat pinjaman?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih. *Assalamualaikum WarahmatullahiWabarakatuh*. Salam sejahtera. *BismillahiRahmani Rahim*. Untuk maklumat Yang Berhormat Kerajaan Negeri sedia membantu golongan anak Selangor mahupun bukan anak Selangor untuk mendapatkan pinjaman perumahan di atas kegagalan mendapatkan pinjaman bank. Ia berdasarkan kepada beberapa program-program kita iaitu pertama Kerajaan Negeri telah menyediakan satu skim membiayai Perumahan SelangorKu ataupun DanaSel yang berkonsepkan sewa milik bagi membantu rakyat Selangor membeli Rumah SelangorKu jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu Syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. iaitu PHSSB akan menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon

bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dari tempoh yang dipersetujui dengan mematuhi terma-terma peminjam dan penyewaan pemilikan. Terdapat juga rundingan di antara Kerajaan Negeri dan pihak bank di mana kita ada satu projek iaitu Projek Bukit Botak atau Projek Selayang Mutiara di mana penduduk ataupun membeli yang tidak dapat pinjaman ataupun pembiayaan daripada bank telah kami masukkan dalam satu program di mana Kerajaan Negeri telah meletakkan satu jumlah dana di bank untuk menjamin akan pembeli-pembeli tersebut dan akhirnya walaupun mereka tidak sepatutnya tidak boleh dapat pinjaman tetapi akhirnya mendapat pinjaman. Kita mungkin akan meluaskan program ini ke projek-projek yang lain. Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri menawarkan skim pembiayaan Selangor Smart Home *buyers* kepada pembeli rumah pertama yang ditawarkan rumah SelangorKu melalui skim ini Kerajaan Negeri akan menyediakan bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada harga rumah. Dan pembeli perlu mendapat pembiayaan selebih daripada pihak bank. Peruntukan sebanyak RM100 juta setahun yang dijangkakan akan melibatkan 50% sehingga 80% seorang pemohon. Berdasarkan harga Rumah SelangorKu yang ditawarkan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri dalam peringkat akhir untuk pelaksanaan program ini kerana mereka mekanismenya masih sedang dimuktamadkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Tuan Speaker soalan saya 160.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK: KEPERLUAN MENAIKTARAF KLINIK-KLINIK DESA DI Selangor

160. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar bahawa sebahagian besar klinik desa di Selangor masih kekurangan daripada segi kapasiti, kepakaran dan peralatan berbanding negeri maju dan perlu di naik taraf dengan segera.
- b) Jika ya, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dan kekangan yang dihadapi?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :Terima kasih Dusun Tua. Kerajaan Negeri sedar sebahagian besar klinik desa di Negeri Selangor masih kekurangan daripada segi kapasiti kepakaran dan peralatan. Berbanding dengan negara maju dan perlu di naik taraf. Walau bagaimanapun tanggungjawab untuk menyediakan keperluan-keperluan dan kemudahan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia. Namun untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat perkhidmatan

yang ditawarkan di klinik desa adalah khusus kepada perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Skop perkhidmatan adalah untuk melihat kes-kes bertipe putih dan berisiko rendah sahaja. Serta pemeriksaan biasa secara berkala. Perkhidmatan kebanyakan dikendalikan oleh Jururawat Kesihatan dan Jururawat Masyarakat. Kes-kes yang berisiko tinggi akan dirujuk ke Klinik Kesihatan induk bagi Klinik Desa tersebut. Oleh itu kemudahan dan peralatan yang disediakan di Klinik Desa adalah bersesuaian dengan skop perkhidmatan yang disediakan untuk pelanggan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan 161 telah dijawab bersekali dengan soalan 163. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker. Sikit soalan saya berulang-ulang. Soalan saya

TUAN SPEAKER : Apa dia Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan saya perkataan berulang-ulang saya rasa Kerajaan Negeri kena jawab yang ini bukan perkara baru. Sudah berulang-ulang banyak kali. Ada perkataan berulang-ulang. Tuan Speaker kena jawab EXCO kena jawab.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker Kota Anggerik saya telah jawab soalan ini panjang lebar berulang-ulang juga. Bersekali dengan soalan 21.

TUAN SPEAKER : 23 Bukit Lanjan. Soalan 23.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Sekali dengan soalan 23.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik. Ok.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker saya sebut ini ialah masalah pencemaran di Sungai Semenyih bukan pada tahun ini sahaja. Sejak 2008 tiap-tiap tahun berlaku. Jadi saya nampak tidak ada tindakan yang berikutan mantap dan dibawa oleh kerajaan masih tidak berulang lagi. Adakah jaminan kerajaan yang ia tidak berulang lagi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker. Kota Anggerik sepatutnya berada dalam Dewan bila saya menggulung semalam. Mana Kota Anggerik tak dengar pun apa yang kita telah buat. Kita telah pasang *additional* equipment kita dah pasang kita dah tambah satu dengan (dengan izin)

attested carbon, filter RM1.2 juta. Hadir dalam Dewan kalau hendak dengar jawapan kalau tidak jangan hantar soalan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Apakah supaya tidak berulang lagi..apakah

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya ingat EXCO pun tidak boleh marahlah..jangan macam itu ya..orang tanya-tanya...baik-baik...

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Stres-stres...

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kita telah...

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Jangan bagi marah

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kita telah jawab..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Kita tanya soalan sebab kita ADUN. Sikap pun kena jaga juga

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ini bukan sikap. Nombor *one* bila hendak

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Kalau hendak gaduh Tuan Speaker kita boleh gaduh tiada masalah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Bila hendak bawa isu.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Duduk.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas tolong duduk dulu. Kota Anggerik dengar Bukit Lanjan dulu.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Bila hendak bawa isu hendak masuk dalam bahas perbahasan hadir. Hadir untuk dengar penggulungan hadir untuk dengar jawapan. 45 minit.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Panjang sesi Dewan ini. Saya tidak ada

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Bila hendak isu kita jawapan atas sampai bawah Utara Sampai Selatan. Timur sampai Barat. Kita semua jawab semua.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Nampaknya EXCO jadi stres

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Bila hendak isu bukan stres.

TUAN SPEAKER :Baiklah Kota Anggerik tolong duduk.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker saya bukan stres Cuma saya rasa bila kerajaan jawab ambil nota beri sedikit perhatian kita sedia semua jawapan semasa sesi jawapan semasa sesi penggulungan. Semua pegawai-pegawai di sini bertungkus lumus memberi jawapan yang tepat. Jawapan telah diberi sejak hari kedua kalau saya tidak silap. Minggu lepas 45 minit. Apa yang Kerajaan Negeri buat, apa masalahnya macam mana kita boleh menangani isu itu. Semalam kita juga jelaskan apa *induction sector* yang kita telah pasang. Dua loji air yang bermasalah jadi Kota Anggerik kalau memang betul-betul nak tahu jawapan boleh tanya bila-bila masalah lepas pun boleh sekarang pun boleh. Ok. Tapi saya telah jawab soalan 22 bersekali dengan soalan 23.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Sikit *last chance* saya adakah teknologi yang sedia ada juga tidak memastikan ia tidak berulang lagi kejadian pencemaran Sungai Semenyih.

TUAN SPEAKER : Baiklah Kota Anggerik. Bukit Lanjan telah berkata bahawa soalan ini telah dijawab semasa penggulungan semalam jadi, kalau nak nanti boleh *check hansard*, ya Kota Anggerik. Saya minta pihak *researcher* bagikan sesalinan *hansard* kepada Kota Anggerik. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan saya belum pernah ditanya di dalam dewan ini. Soalan 162.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : MEMBINA BUDAYA POLITIK BEBAS EPRKAUMAN SEMPIT

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar dan pendirian kerajaan terhadap budaya politik perkauman sempit?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilakukan untuk menghapuskan politik sempit ini di Selangor?

- c) Apakah langkah-langkah yang dilakukan untuk menghapuskan politik sempit ini di Selangor?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Hulu Kelang dan saya mewakili Dato' Menteri Besar sebab beliau berada di dalam satu tugas yang sangat penting. Pertamanya, politik perkauman sempit sememangnya satu keadaan politik yang pernah wujud dalam dunia politik Nasional dan juga di antarabangsa. Dunia politik perkauman sempit ini memang sangat memukau dan mudah untuk menarik perhatian sesuatu bangsa dan kaum. Namun akibat daripada politik perkauman sempit ini akan menyebabkan masalah-masalah yang besar baik sejarah Hitler di Jerman ataupun pembunuhan dan pembersihan kaum oleh *Slobodan Milosevic* dan *Radovan Karadzic* di Bosnia. Jadi, tuan-tuan, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, sememangnya ini adalah menjadi dasar kepada kita untuk menolak politik perkauman sempit yang melihat mana-mana supremasi bagi satu-satu bangsa itu sahaja lebih-lebih lagi untuk tinggal di Negeri Selangor yang majmuk, pelbagai kaum, fahaman dan juga daripada golongan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya kasihi sekalian, semenjak dari pada tahun 2008 lagi, Kerajaan Negeri sememangnya cuba untuk mengatasi pandangan dan perspektif perkauman dan supremasi mana-mana kaum ini dengan mengetengahkan program-program kita yang *inclusive*, dengan izin, ataupun yang mampu untuk memberi manfaat kepada golongan ramai. Lihatlah semua Program-program Merakyatkan Ekonomi kita yang tidak hanya mempelopori ataupun cuba untuk memfokuskan kepada mana-mana kaum dan juga kepada mana-mana bangsa sahaja. Namun begitu, beberapa fokus juga kita berikan kepada kelompok-kelompok tertentu jika ia memerlukan. Sebagai contoh, program untuk pekerja ladang, sebagai contoh, yang sudah pasti majoritinya di kalangan masyarakat India tetapi ada juga daripada bangsa Cina dan juga bangsa Melayu dan kita dapat lihat juga melalui program-program pembangunan lain yang fokusnya ingin memberi tujuan dan meningkatkan kepada satu bangsa tetapi dalam masa yang sama dan pada waktu yang sama kita tidak mengabaikan mana-mana kaum dan juga mana-mana bangsa. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, itu langkah pertama.

Langkah kedua, kita juga mengetengahkan dan berulang kali ditonjolkan melalui pimpinan, melalui kursus-kursus, melalui pemahaman-pemahaman dan bengkel-bengkel yang kita ketengahkan supaya semua pandangan baik, pandangan politik moden, hatta pandangan Islam seperti *Piagam Madinah* dapat difahami dengan benar-benar dan dapat dijelaskan dengan cukup jelas bahawa politik, sama ada fahaman berdasarkan politik moden ataupun pandangan Islam menolak politik perkauman yang sempit walaupun telah menang semalam di Amerika. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Adakah tentangan dan halangan terhadap Bersih yang akan diadakan 19hb ini berpunca daripada sikap politik perkauman yang sempit?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Kalau kita melihat satu kelompok tertentu dalam negeri kita dan negara kita, memang inilah modal politik mereka. Kita masih ingat selepas 2008 untuk menangani isu penempatan semula penempatan masyarakat dan keharmonian masyarakat, mereka yang kononnya jaguh untuk membela politik dalam negara kita ini, mengheret kepala lembu yang tidak ada kena mengena dengan perkara tersebut dan juga timbul isu-isu yang sama yang dikaitkan dan dihubungkan dengan isu perkauman. Kalau isu kenegaraan, isu perlembagaan, isu kebajikan, kita harus hujahkan dengan isu kebajikan dan jangan cuba untuk mengheret sama sekali isu perkauman dan juga merosakkan keharmonian yang ada dalam Negeri Selangor sebagaimana yang ditegaskan oleh kerajaan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya ingin mencelah.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong. Nak tanya soalan tambahan?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan lah kalau macam itu. Ingatkan nak minta penjelasan tadi. (ketawa). Ok terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya adakah terdapat golongan-golongan yang memijak gambar-gambar kepala pemimpin, ini juga dianggap sebagai fahaman yang sempit?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sifat kebencian dan juga ke..*hatred*, dengan izin ataupun sifat benci kepada mana-mana ini harus kita elakkan di antara satu sama lain. Kalau saya nak hurai tentang semangat kebencian yang dihuraikan oleh lawan-lawan politik, kita tidak akan selesai. Ketika Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor sebagai contoh, jentera satu-satu parti yang memakai lambang dacing menunjukkan air kencing mereka kepada pemimpin, saya boleh hurai benda ini. Tapi kalau kita sama-sama ada kesepakatan untuk menolak perkara ini, tidak mengulang-ulang perkara ini, saya anggap kita boleh tolak mana-mana sikap melampau di pada mana-mana pihak dan *Insyah-Allah* kita berada dalam kesederhanaan yang sebenar mengamalkan konsep perpaduan kaum yang sebenar, *Insyah-Allah* negeri kita akan kekal dengan aman dan sejahtera. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :Tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Apakah EXCO setuju bahawa pelopor fahaman sempit perkauman ini ialah kepada UMNO yang dilatih melalui Biro Tatanegara?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab itu tahun 2008 berlaku perubahan kerana rakyat ingin menolak politik perkauman sempit dan kita harus mengekalkan tradisi ini dengan memberi pemahaman. Saya ingin tegaskan sekali lagi, politik, menolak politik perkauman sempit ini bukan bererti kita menolak pemahaman tentang bangsa dan kaum, malahan, untuk kita menolak politik perkauman sempit ini, kita harus lebih faham dan lebih dalam kepada satu kaum itu supaya tidak timbul ke 'prejudis' an dan juga semangat kebencian antara satu sama lain. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan. Terakhir.

TUAN SPEAKER :Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih. Saya nak tanya kepada EXCO mengenai soalan yang dikemukakan oleh Hulu Kelang. Apakah cetusan daripada tragedi 13 Mei yang diasaskan oleh DAP itu sebagai satu contoh perkauman sempit yang dibawa oleh parti dia? Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : 36 (6). Ya, saya rasa ini satu tuduhan lagi, dan saya bagi amaran..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tadi dah sebut fasal UMNO

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bantah lah! Itu *you* yang tak nak bantah, itu masalah *you*. Masalah kamu!

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini bukan masalah bantah, isu tersebut. Jadi, Speaker kena buat *ruling*. Kalau tak boleh, buat semua. Kalau tak nak jawab tak apa, tapi saya nak tanya, itu soalan dia. Sungai Pinang tak boleh jawab. Tak ada mengatakan..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya bangkitkan Peraturan Tetap

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Berapa?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : 36(6).

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Apa dia?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Duduk

TUAN SPEAKER : Permatang, Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker boleh jawab. Tak payah..jangan nak tengking-tengking.

TUAN SPEAKER :Permatang, Permatang. Duduk dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Baca..baca.. apa dia 36(6) tu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Duduk! Duduk!

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : 36(6), bacakan! Bacakan apa dia 36(6).

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tak tahu ke, tak faham ke?

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bodoh! Ini bodoh!

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Baca 36(6) itu apa? Baca! Bangang! Apa lah, cakap orang boleh. Cakap

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bodoh! Bodoh!

TUAN SPEAKER : Sungai Pinang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kurang ajar..kurang ajar.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :Kurang ajar tu! Biadab!

TUAN SPEAKER :Sungai Pinang...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bodoh, Bodoh..

TUAN SPEAKER : Minta bertenang!

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bodoh, Bodoh...

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Sungai Pinang...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Bekas Speaker lagi tu. Cakap macam itu, apa, Cakap orang boleh, cakap..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bodoh, Bodoh....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bangang...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :Sangat kurang ajar...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bodoh, Bodoh...

TUAN SPEAKER : Sungai Pinang! Sungai Burong, duduk dulu,Sungai Pinang duduk....

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bodoh, Bodoh...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sempit..

TUAN SPEAKER : Sungai Burong,Sungai Burong,saya kata duduk Sungai Burong,Sungai Pinang tolong duduk,SungaiBurong tolong duduk....

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Kita tak puas hati Puan Speaker

TUAN SPEAKER : Batang Kali, tolong duduk. Batang Kali..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Perangai macam ini.

TUAN SPEAKER : Duduk dulu. Dengkil duduk dulu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya bangkitkan Peraturan Tetap 36 (6).

TUAN SPEAKER : Sungai Pinang, biar saya bertenang dulu. Saya pun kena bertenang. (Ahli dewan ketawa). Baiklah, perkara pertama, soalan tambahan..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya pun nak cakap tentang 36(6) juga.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, duduk dulu. Biar saya jelaskan. Baiklah. Sungai Burong Sungai Burong..Sungai Burong,biar..Sungai Burong, Saya kata biar Speaker cakap dulu boleh? Boleh?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh, saya hormat tapi siapa yang mulakan?

TUAN SPEAKER: Semua diam, tolong, biar saya jelaskan. Baiklah, soalan tambahan Permatang tidak mematuhi kandungan pertanyaan Peraturan Tetap 23 dan Sungai Pinang juga tidak harus menggunakan perkataan bodoh terhadap Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di bahagian pembangkang. Jadi, saya berharap semua boleh.. Permatang..Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker, saya minta tarik perkataan itu.

TUAN SPEAKER : Sungai Pinang, nak bangkitkan Peraturan Tetap?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, tadi dibangkitkan bahawa dia menuduh pihak DAP. Ahli DAP berada di sini, jadi saya minta dia tarik balik.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sebab, dia tidak berkenaan dengan soalan.

TUAN SPEAKER : Memang tidak..

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Yang Berhormat Speaker..

TUAN SPEAKER : Batang Kali, tolong duduk dulu, biar saya *settle* Permatang dengan Sungai Pinang dulu. Permatang tolong tarik balik bahawa DAP telah mengakibatkan rusuhan kaum 13 Mei.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat Speaker..

TUAN SPEAKER : Yang itu saya rasa tidak tepat..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya rasa soalan saya jelas. Ada dalam *hansard* Dewan, boleh tengok. Kalau tadi Speaker dah letakkan *ruling* mengatakan soalan itu tidak berkaitan dan tak boleh dikemukakan, saya boleh terima. Bukan masalah menarik soalan. Tadi, Kota Anggerik dah memulakan pertanyaan mengenai UMNO dan dijawab oleh EXCO. Jadi, tak ada bantah..bukan masalah tak ada bantahan. Soalan yang sama juga berunsur perkauman mengenai menyebut parti. Jadi, saya nak minta kalau boleh soalan saya kalau tak berkaitan ataupun bertentangan dengan peraturan yang Speaker sebut, tak payah jawab. Speaker boleh beritahu *ruling* kata soalan ok soalan ni tak perlu dijawab

TUAN SPEAKER : Baiklah..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tapi dimulakan oleh Kota Anggerik.

TUAN SPEAKER : Baiklah, ok. Baiklah..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta Kota Anggerik juga tarik perkataan itu

TUAN SPEAKER : Permatang..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sungai Pinang pun tarik. Kalau boleh..saya pun boleh setuju.

TUAN SPEAKER : Baik.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Tuan Speaker, soalan saya mudah saja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Keadaan saya, apabila disebut UMNO, tidak ada bantahan di situ. Tapi bila disebut DAP yang menimbulkan rusuhan 13 Mei, saya bantah mengikut Peraturan Tetap. Itu perlu ditarik balik walaupun tak perlu jawab, kenyataan itu sudah di rekod. Kena tarik balik dulu.

TUAN SPEAKER : Dan Permatang juga..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Permatang juga..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Speaker yang buat *ruling*. Bukan Sungai Pinang.

TUAN SPEAKER : Permatang, Permatang juga, Sungai Pinang sebagai pihak kerajaan, sebenarnya sesiapa EXCO berhak mengambil soalan bagi pihak Menteri Besar jadi memang Sungai Pinang ada hak untuk bangun menjawab. Jadi, sekarang saya minta Permatang tarik balik dulu sebelum saya minta Sungai Pinang tarik balik perkataan bodoh. Permatang jalan dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak tanya Yang Berhormat Speaker, apakah soalan saya itu bersalahan dari segi apa?

TUAN SPEAKER : Memang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Peraturan mana?

TUAN SPEAKER : Tuduhan yang salah

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak tanya peraturan mana? Peraturan yang mana? Sama-sama kita tengok peraturan yang mana Speaker gunakan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : 36(6) Niat Jahat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : 36(6) menyebut mengenai anggota dewan. Saya tak menyebut nama Yang Berhormat Sungai Pinang. Saya tak menyebut nama. Saya menyebut nama..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dia sedar diri dia DAP.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ada 15 wakil DAP.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : UMNO juga mewakili 12 wakil di sini yang disebut oleh Kota Anggerik.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Dia tak bantah. Dia tak bantah masalah dia!

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan masalah bantah tak bantah sekarang siapa yang mulakan? Ini pertanyaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang mulakan bukan DAP, ok?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekarang, saya nak minta Kota Anggerik pun tarik balik semula kalau boleh.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Soalan saya kepada EXCO ialah, adakah fahaman politik sempit ini seperti dipelopori oleh UMNO sebagaimana dibawa dalam latihan-latihan BTN. Kepada EXCO, biar EXCO yang jawab.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Betul. Saya pun tanya pada EXCO, biar EXCO jawab. Apa ada masalah?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Speaker, tambahan. Tambahan kepada 36 (6)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu nak ada Speaker. Kalau tak nak tarik, semua tak payah tarik. Biar kekal dalam *hansard*.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tambahan kepada 36 (6), kenyataan daripada Permatang tadi juga menyalahi Peraturan 36 (6) Sub 10 (b) Adalah menyalahi Peraturan untuk menggunakan perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan dan (c) Perkataan yang harus menaikkan perasaan sakit hati atau bermusuhan antara satu kaum dengan kaum yang lain dalam Malaysia.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya juga menggunakan peraturan yang sama Yang Berhormat Sungai Pinang mulakan perkataan bodoh tadi kepada ADN-ADN Permatang.

TUAN SPEAKER : Itu sebab..Permatang, saya minta..Sungai Burong..Sungai Burong..Sungai Burong, tunggu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : *Order, order.* Saya nak tunggu *order*.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, tunggu dulu. Tunggu dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Peraturan 36 (6). Benda yang sama juga. Itu pun perkara yang juga menyakitkan hati dan permusuhan antara kaum. Kita pun kaum juga di bawah 36 10(c). Kalau dia boleh bawa peraturan itu mengapa kita tak bawa peraturan itu. Saya pun tadi nak bacakan Peraturan 36 (6) Tak niat jahat.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Sungai Burong, duduk dulu. Permatang, nak tarik balik atau tidak?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya, saya boleh tarik balik Yang Berhormat Speaker.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan, tidak mematuhi Peraturan Tetap 23 (C).

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, Tuan Speaker boleh gugurkan soalan itu. Saya boleh terima, itu saja.

TUAN SPEAKER : Saya gugurkan. Sungai Pinang, boleh tarik balik perkataan bodoh?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tapi, kalau begitu Tuan Speaker,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Jangan dolak-dalik. Awak Yang Berhormat mulakan. Tarik saja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tengok, tengok, tengok dia! Tengok perangai dia! (Ahli dewan ketawa) Bila dia cakap saya tak ganggu, bila saya cakap dia ganggu.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : 36 (6) jelas. Sangkaan jahat.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tengok. Tengok dia, perangai dia.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tengok perangai dia, tengok perangai dia.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ha lagi, satu..satu.. dia tunjuk perangai! Belum orang cakap dia dah nak mencelah! Dah, dengarlah. Ha, tengok perangai.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, Sungai Burong..Sungai Burong. Sungai Burong. Ya, Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, bila saya menggunakan perkataan tersebut, yang lain, Sungai Burong, Jeram, Permatang, Dengkil, Batang Kali, semua bangun juga gunakan perkataan yang sama. Kalau nak tarik balik, semua tarik balik sekali. Takkan saya tarik balik, dia tak tarik balik.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Yang mulakan. Tuan Speaker, dia guna dulu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sebab penggunaan, lebih banyak dia guna. Saya seorang cakap tapi berapa orang yang cakap di sebelah sana.

TUAN SPEAKER : Baiklah, bahagian sini, siapakah yang guna perkataan bodoh? (Ahli dewan ketawa)

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sungai Pinang tarik balik perkataan bodoh, saya tarik balik perkataan bodoh. *You* tunjuk saya tadi, bodoh..

TUAN SPEAKER : Ok Dengkil. Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: *You* tarik balik, saya tarik balik.

TUAN SPEAKER : Dengkil pun, baik..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tarik dulu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Dia janji, dia janji, ok..

TUAN SPEAKER : Baik, Sungai Pinang..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya boleh tapi yang lain belum janji.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, tarik dulu! Dia yang mulakan sangkaan jahat!

TUAN SPEAKER : Tunggu dulu. Sungai Burong..Sungai Burong..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sungai Pinang yang mulakan sangkaan jahat.

TUAN SPEAKER :Tunggu dulu Sungai Burong. Sungai Burong .

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :Sungai Pinang mulakan cakap jahat.

TUAN SPEAKER :Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :Dia tarik dulu.

TUAN SPEAKER :Sungai Burong. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semua Ahli-ahli Yang Berhormat dilantik oleh rakyat ok.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :Tahu.

TUAN SPEAKER :Kita tidak payah tuduh macam kanak-kanak di sini siapa yang mulakan dulu. Tunggu dulu Sungai Burong.

Y.B. DATUK HALIMATUN SAADIAH BINTI BOHAN:Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :Sungai Pinang kata, tunggu dulu Kota Damansara, Sungai Pinang berkata bahawa beliau bukan seorang sahaja yang menggunakan perkataan bodoh ada juga Ahli Yang Berhormat yang menggunakan perkataan bodoh. Yang Berhormat Dengkil sudah mengakui siapa lagi yang saya tanya.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:Dia yang *start* dulu. Sungai Pinang dia *start* dulu.

TUAN SPEAKER :Dengkil.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :Tuan Speaker minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Yang masalah dia yang memulakan tidak tarik dulu Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Speaker.

TUAN SPEAKER :Ya Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker minta penjelasan. Isunya sekarang ini Sungai Pinang telah memulakan sangkaan jahat di bawah perkara 36(6), Tuan Speaker boleh *ruling* dia suruh dia tarik balik. Kemudian Tuan Speaker pergi kepada tiap-tiap ADN berkenaan suruh tarik balik juga. Ini bukan mesyuarat, ini bukan *negotiation* Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER :Sungai Pinang boleh mulakan dulu. Saya akan pastikan sana pun menarik balik perkataan bodoh.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:Saya boleh tarik balik Tuan Speaker kalau itu diperintahkan sebagai perkataan yang tidak digunakan tapi kalau saya tarik balik yang bodoh tetap bodoh.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang bodoh itu saya tukar bangang lah.

TUAN SPEAKER :Tengok sudah mula. Ada lagi yang nak digunakan dalam Dewan ini.

Y.B. PUAN HALIMATN SAADIAH BINTI BOHAN :Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER :Baiklah saya buat *ruling* semasa pertanyaan lebih baik kita semua elakkan menggunakan perkataan seperti bodoh dan bangang terhadap Ahli-Ahli Dewan Negeri sesama kita ya. Boleh. Sungai Pinang. Boleh kata tarik balik perkataan bodoh.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menarik balik perkataan bodoh yang saya gunakan dan saya akan memaafkan sesiapa yang menggunakan perkataan itu tetapi tidak mahu menarik balik.

TUAN SPEAKER :Baiklah terima kasih Sungai Pinang. Baiklah saya dengar Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :Baiklah saya mulakan. Saya menarik balik perkataan bodoh juga sebab yang mulakan Sungai Pinang saya maafkan Sungai Pinang kerana perkataan itu.

TUAN SPEAKER :Baiklah Permatang perkataan bangang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Bila Sungai Pinang dah insaf, sedar saya boleh tarik balik.

TUAN SPEAKER :Ada lagi.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ada lagi Sungai Burong, Jeram, Batang Kali.

TUAN SPEAKER :Tunggu , tunggu Sekinchan. Sungai Burong ada atau tidak menggunakan perkataan seperti itu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:Tuan Speaker tanya saya, saya gunakan kepala bapak bodoh itu yang saya gunakan kepada Sungai Pinang kerana dia mengatakan suka sangat.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong boleh tarik balik kalau.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :Saya tarik balik dan saya maafkan.

TUAN SPEAKER :Baiklah Sungai Burong tolong duduk.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER :Kalau nak marah, kalau nak marah Ahli Dewan marah Ahli Dewan jangan marah sampai ahli keluarga Ahli Dewan Sungai Burong. Ya, Sungai Air Tawar saya sudah nak pergi ke soalan yang lagi satu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:Batang Kali, Jeram belum minta maaf lagi.

TUAN SPEAKER :Batang Kali dan Jeram ada lagi. Baik cepat-cepat mengaku. Sungai Air Tawar.

Y.B. KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :Tuan Speaker kita semua sudah mengaku.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Dah buat tidak mahu mengaku.

Y.B. KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Kita ini dalam proses soal jawab oleh itu kita teruskan soal jawab Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER :Baik Sungai Air Tawar.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Belum habis lagi.

TUAN SPEAKER :Batang Kali Ada tak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Ada, ada.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Kejujuran itu sebahagian daripada keimanan, jujur lah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tidak apalah Tuan Speaker saya dah kata saya maafkan mereka yang tidak mahu mengaku yang tak nak tarik balik.

TUAN SPEAKER :Baiklah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Asalkan dia bertaubat sudah lah.

TUAN SPEAKER : Terima kasih semua. Baiklah kita terus ke soalan Teluk Datuk dah tidak payah dah Batu Caves, Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG :Terima kasih kepada Tuan Speaker yang cerdik pandai. Soalan saya 163.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PENGGUNAAN STADIUM JUGRA TELUK DATUK

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila menyatakan jumlah kos belanja untuk menaik taraf kemudahan di Stadium Jugra Teluk Datuk.
- b) Sila menyatakan berapa kali Stadium berjaya disewa keluar dan berapakah hasil pendapatan dikutip pada tahun 2015.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker beberapa projek telah menaik taraf kemudahan di Stadium Jugra, Teluk Datuk satu cadangan membaik pulih Bangunan Astaka berserta infrastruktur berkaitan di Stadium Jugra, Banting Kuala Langat dan dengan kos RM1,657,622.00. Kedua kerja-kerja penyelenggaraan Lampu *High Mast* dan lampu di kawasan Stadium Jugra, Teluk Datuk kos adalah RM139,630.00. Tiga cadangan menurap semula dataran kejut dan kerja-kerja yang berkaitan Stadium Jugra, Teluk Datuk adalah berkos RM107,041.98. Stadium ini mula dibuka untuk sewaan setelah baik pulih siap adalah pada 11 Mei 2015 dan

telah terima 32 permohonan dan kutipan sewaan sebanyak RM11,950.00. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER :Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH :Tuan Speaker Soalan 164.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : LADANG BERTEKNOLOGI TINGGI

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah dan lokasi ladang berteknologi tinggi di Selangor?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menambah jumlah ladang berteknologi tinggi di Selangor?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :Tuan Speaker. Terima kasih pada Bukit Melawati. Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah membangun dan mengesyorkan teknologi tanaman yang kita secara *fertigasi* yang boleh istilahkan ladang berteknologi tinggi. Dengan memberi tumpuan kepada beberapa jenis tanaman seperti cili, timun, *rock malon* dan beberapa tanaman yang lain. Sehingga kini terdapat seramai 490 usahawan yang melaksanakan tanaman menggunakan teknologi *fertigasi* secara *commercial* dengan keluasan 1,088 hektar. Selain itu terdapat 10 buah ladang ternakan ayam penelur dan pedaging berteknologi tinggi terdapat di Negeri Selangor. Ladang ayam ini menggunakan sistem penternakan tertutup yang dapat menghindarkan pencemaran bau dan pembiakan lalat. Usaha yang dijalankan dengan mempergiatkan tanaman yang menggunakan teknologi *fertigasi* dengan itu Jabatan Pertanian menyediakan jumlah peruntukan sebanyak RM960,000.00 setahun bagi membangunkan teknologi ini.

TUAN SPEAKER :Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Terima kasih Tuan Speaker soalan No.165.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PREMIUM TANAH KAMPUNG BARU

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila senaraikan jumlah kampung Baru yang telah sampai tarikh luput pajakan tanah?
- b) Apakah punca utama peningkatan premium lanjutan pajakan tanah Kampung Baru khususnya Sekinchan?
- c) Sila perjelaskan apakah insentif tambahan yang akan diberikan kepada pemilik bagi meringankan bebanan mereka?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker. Terima kasih pada Sekinchan. Untuk maklumat Sekinchan terdapat 77 buah kampung baru bagan kampung tersusun di seluruh Negeri Selangor. Berdasarkan semakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor di berapa daerah iaitu Klang, Hulu Selangor, Kuala Langat, Kuala Selangor, Gombak, Sabak bernam didapati 60 hak milik tanah di kampung-kampung baru yang akan luput tempoh pajakan dalam tahun 2016. Kadar premium bagi melanjutkan tempoh pajakan adalah berdasarkan kepada nilai pasaran hartanah di sesebuah kawasan sebagaimana Yang Berhormat ketahui nilai pasaran akan meningkat pada setiap tahun dan begitu juga tanah-tanah di kampung baru. Untuk maklumat Yang Berhormat penentuan kadar premium untuk melanjutkan tempoh pajakan adalah berdasar penilaian harga tanah semasa yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Sebagai contoh harga pasaran tanah di Kampung Baru *Site* (A) Sekinchan untuk kediaman semasa ini adalah sebanyak RM140.00 semeter persegi. Kerajaan Negeri melalui PTG telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2016 bertajuk Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Di Negeri Selangor. Melalui skim tersebut pemilik-pemilik tanah bagi tujuan kediaman ia termasuk Kampung Baru Bagan Tersusun boleh lanjut tempoh pajakan dengan pilihan bayaran premium dominan pada kadar RM1,000.00 dengan sekatan kepentingan tambahan atau *discount* 30% sekiranya bayar secara sekali gus dalam tempoh masa yang ditetapkan. Terbaru Kerajaan Negeri melalui PTG telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2016 Bertajuk Kaedah Pembayaran Peminum Dan Premium Ke Atas Permohonan Pemberi Milikan Dan Pembangunan Tanah Di Negeri Selangor. Melalui pekeliling ini pemilik tanah boleh memohon mengurangkan lanjutan pajakan daripada 99 tahun kepada 60 tahun sahaja. Ini akan menyebabkan jumlah premium yang perlu dibayar berkurang hampir 40% sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER :Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Terima kasih Tuan Speaker berkenaan dengan Premium Tanah Kampung Baru ini memandangkan dia mengikut kaedah harga semasa jadi bernilai daripada jabatan JPPH setiap tahun dia naik jadi oleh keranakampung baru

ini ada sejarah tersendiri seperti pernah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya minta kerajaan bersedia kah untuk menimbang semula, menyemak supaya kadar itu kembali kepada satu kaki persegi RM2.50 paling kurang supaya dapat membebaskan bebanan penduduk Kampung Baru terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada cadangan dan juga keprihatinan daripada Yang Berhormat Sekinchan tentang isu premium tanah ini kerana memang sebahagian penduduk di kampung baru mereka memang tidak mampu untuk bayar premium dengan harga semasa. Walau bagaimanapun sebelum kita mengadakan satu dasar yang baru untuk kembalikan cadangan yang di kemukakan oleh Yang Berhormat tadi saya cadangkan supaya penduduk boleh menggunakan kaedah yang khas iaitu membayar RM1,000.00 dahulu untuk mendapatkan hak milik tanah.

TUAN SPEAKER :Baiklah soalan 166 telah dijawab bersekali dengan soalan 23 dan 142. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan 167.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: MASALAH RUMAH TERBENGKALAI YANG GAGAL DISIAPKAN
OLEH PEMAJU PERUMAHAN**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa banyak Pemaju Perumahan yang gagal menyiapkan rumah mengikut jadual yang ditetapkan?
- b) Berapa banyak unit rumah yang gagal disiapkan oleh Pemaju Perumahan mengikut jadual?
- c) Senaraikan nama Pemaju dan nama projek yang gagal disiapkan sehingga 30 Jun 2016?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah pemaju perumahan yang gagal menyiapkan rumah mengikut jadual yang telah ditetapkan adalah sebanyak 78 Syarikat Pemaju Perumahan yang melibatkan 10 projek perumahan di Negeri Selangor. Untuk makluman yang Berhormat Jun 2016 terdapat 24,067 unit rumah yang terlibat dengan pemaju yang gagal menyiapkan rumah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Statistik unit rumah yang terlibat mengikut pecahan Pihak

Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut. Di kawasan MBSA terdapat 10 projek yang merangkumi 3,358 unit, di kawasan MBPJ terdapat 2 projek yang merangkumi 1,582 unit, di kawasan MPSJ terdapat 1 projek yang merangkumi 149 unit, di kawasan MPAJ terdapat 4 projek yang merangkumi 2,521 unit, di kawasan MPK terdapat 26 projek yang merangkumi 2,292, di kawasan MPKJ terdapat 12 projek yang merangkumi 3,885 unit, di kawasan MPS terdapat 8 projek yang merangkumi 1,994 unit, di kawasan MPSP terdapat 7 projek yang merangkumi 243 unit, di kawasan MDKS terdapat 8 projek yang merangkumi 3,249, di kawasan MDHS terdapat 13 projek yang merangkumi 4,291, di kawasan MDKL 13 projek unit yang merangkumi 477 unit dan di kawasan MDSB terdapat 1 projek yang merangkumi sebanyak 26 unit dan keseluruhannya adalah 105 projek merangkumi 24,067 unit. Untuk *detail* ataupun senarai terperinci mengikut PBT projek-projek yang terbengkalai saya akan edarkan secara bertulis terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker saya ada satu masalah projek dari PKNS di kawasan Setia Alam. Sampai sekarang tidak dapat kerjasama yang baik. Apa nasihat EXCO untuk kita membantu untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita ada satu jawatankuasa usaha khas iaitu jawatankuasa penyelesaian projek perumahan terbengkalai, projek-projek terbengkalai dan kalau ada di mana Kerajaan Negeri bertindak sebagai fasilitator untuk mempertemukan pemaju, pihak bank dan juga penduduk. Saya mencadangkan projek ini dimasukkan sebagai salah satu agenda akan datang jawatankuasa tersebut di mana kita boleh membincangkan cara-cara penyelesaian tersebut. Sebelum ini memang ada masalah kadangkala di mana susah pihak pembeli hendak berbincang dengan bank ataupun pemaju tidak boleh duduk semeja dengan penduduk tetapi dengan jawatankuasa ini kita boleh mempertemukan semua pihak yang terlibat dan mencari satu penyelesaian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SETRO : Tuan Speaker soalan nombor 168.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PENGUSAHA INDUSTRI KECIL SEDERHANA (IKS)

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha IKS pada tahun 2016?
- b) Senaraikan bantuan yang telah diberikan kepada pengusaha IKS pada tahun 2016?

TUAN SPEAKER :Pihak kerajaan 168.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Jeram di atas soalan yang telah di kemukakan. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian saban tahun kita memperuntukkan sebanyak 1.8 juta untuk Program Dana Usahawan Mikro dan kita ada lagi satu program yang dinamakan Program Hijrah yang memperuntukkan pinjaman-pinjaman kepada Pengusaha-pengusaha Industri Kecil Dan Mikro dalam negeri kita, yang dijumlahkan sebanyak RM144 juta. Daripada program-program ini bolehlah saya pecahkan bahawa kita telah membantu daripada segi bantuan barangan dan perkhidmatan untuk Program-program Dana Usahawan Mikro. Dan di samping pinjaman-pinjaman yang mencecah sampai ke RM50,000.00 untuk membantu pengusaha-pengusaha usahawan IKS untuk diangkat menjadi usahawan yang berjaya. Di samping itu, kita juga memperuntukkan untuk program latihan sebanyak RM400,000.00 dan program-program latihan ini akan mengetengahkan beberapa isu-isu terkini. Di antaranya pada waktu ini kita sedang giat untuk melatih mereka membantu mereka untuk merapatkan latihan bagaimana menyasarkan produk-produk dan juga perkhidmatan mereka melalui atas talian atau pun secara *online*. Sementara itu melalui beberapa agensi yang lain sebagai *Syntex* sebagai contoh kita memperkenalkan untuk 100 usahawan di Negeri Selangor membina *platform* mereka sendiri melalui *Syntex100* usahawan-usahawan mikro dan usahawan-usahawan IKS memperkenalkan *form* atau pun platform mereka sama ada dalam bentuk *apps* atau pun dalam bentuk-bentuk yang lain yang boleh digunakan secara *online*. Ini adalah antara program-program untuk membantu usahawan di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Baiklah Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, soalan saya ke 169.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : SELGATE CORP SDN BHD

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah misi, visi dan rancangan pembangunan dan perniagaan anak syarikat PKNS, Selgate Corp Sdn Bhd dalam menceburi bidang kesihatan melalui usahawan dengan syarikat swasta?
- b) Bagaimana rakyat Selangor secara amnya boleh bermanfaat daripada usaha sama ini?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat. Selgate Corporation merupakan anak syarikat milik penuh PKNS yang bercadang untuk membangunkan 3 buah hospital dalam tempoh 10 tahun akan datang. Dalam fasa awal Selgate telah mengenal pasti beberapa tapak milik PKNS untuk dibangunkan hospital iaitu di Rawang, di Shah Alam, di *Cybervalley* di Cyberjaya. Berikut merupakan beberapa perancangan Selgate di kesemua kawasan yang telah dikenal pasti. Yang pertamanya adalah di Rawang, Selgate akan membina sebuah hospital dengan jumlah bilangan katil sebanyak 200 buah. Yang kedua adalah Shah Alam, Selgate bercadang untuk membina sebuah hospital dengan anggaran bilangan katil sebanyak 200 buah di atas tanah seluas 11 ekar di Seksyen 13, Shah Alam dengan anggaran RM150 juta. Usaha sama ini akan melibatkan penyertaan daripada peneraju bilangan kesihatan utama yang terkenal di Malaysia dengan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik serta pegawai dan kakitangan perubatannya yang berwibawa. Yang ketiga adalah di Cyberjaya di mana Selgate bercadang untuk membina sebuah hospital 200 katil di kawasan seluas 10 ekar di *Cybervalley* di Cyberjaya dilengkapi dengan teknologi pintar. Hospital akan dibina dengan anggaran kos sebanyak RM150 juta dalam bandar pintar yang akan dibangunkan oleh syarikat induk iaitu PKNS. Selgate akan bekerjasama dengan gergasi penjagaan kesihatan tempatan atau antarabangsa untuk bersama-sama untuk melaksanakan projek ini. Rakyat yang terdiri daripada golongan kelas menengah menuntut penjagaan kesihatan yang boleh diakses dan berkualiti dengan kos berpatutan. Sehubungan dengan itu, Selgate menceburi sektor dan industri ini dengan matlamat untuk menjadikan kos perkhidmatan kesihatan yang berpatutan tanpa membebankan rakyat. Selgate juga akan mengambil bahagian secara aktif dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang mampu dibiayai tanpa menjejaskan kualiti.

Sebagai inisiatif awal, Selgate akan diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan Skim Peduli Sihat untuk golongan sasaran B40 yang memerlukan *primary health care* terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN:Apakah tujuan atau pun objektif Kerajaan Negeri melalui Selgate melalui PKNS melibatkan diri dalam sektor perubatan ini. Adakah satu *facilities* atau pun jangkaan terhadap *returns on basemen* yang telah pun dilakukan dan apakah kita akan menandatangani perjanjian-perjanjian usaha sama dengan *health care of operator* yang lain di Malaysia. Apakah perjanjian ini sudah pun ditandatangani?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Seperti yang diumumkan adalah memangnya ada usaha sama akan dilakukan dan sudah tentu apabila suatu bidang perniagaan yang hendak diceburi sudah ada sudah tentu ia telah dilakukan *facilities study* sama ada boleh mendapat pulangan. Antara sebab atau pun pada kita atau pun pihak PKNS menubuhkan ataupun menceburi bidang perubatan ini adalah untuk kita *diversify* akan aktiviti ekonomi PKNS. Kalau kita lihat bagaimana kemajuan hal tanah ini adalah suatu kemajuan yang mungkin menguntungkan tetapi ia juga adalah bergantung pada keadaan semasa *speculation* dan sebagainya. Jadi bermakna bahawa perlu juga PKNS *diversify* kepada perubatan sebab kalau kita lihat di Negeri Selangor ini *supplier* atau pun *provider health care provider* seperti dari luar Negeri Selangor atau pun seperti JACOB dan sebagainya. Jadi bermakna inilah satu strategi jangka panjang Selgate untuk kita memberikan pulangan kepada PKNS dan kita *diversify* atau pun kita mempelbagaikan akan aktiviti perniagaan PKNS, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya apakah strategi atau pun daya tarikan utama ini dalam Selgate ini dalam bidang perubatan. Maksudnya *what is the positioning* dengan izin Selgate dalam bidang perubatan ini untuk saing dengan hospital-hospital swasta yang sedia ada. Kita punya sasaran macam mana maksudnya dia punya perubatan lebih murah atau macam mana?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Seperti yang saya umumkan atau pun saya beritahu tadi adalah itu merupakan salah satu daripada kelebihan atau pun sasaran kita adalah supaya kita hendak menjadi kompetitif. Sebab dalam apa saja ruang atau pun bidang perniagaan kita perlu menjadi kompetitif dan ini kita sekarang ini dalam *private health care* yang ada dalam Negeri Selangor adalah oleh operator-operator yang lain. Sekarang ini kita operator yang terlibat terus dengan kerajaan, maka sudah tentu kerajaan dapat mengawal akan aktiviti tersebut sekiranya ia dilaksanakan oleh satu syarikat yang mempunyai hubungan dengan kerajaan. Seperti mana air dulu di mana air sebelum kita menstrukturkan semula air, ia di bawah SYABAS di mana kita tidak ada langsung kawalan ke atasnya. Tetapi sekarang ini apabila kita struktur semula kita ada air Selangor, ianya dapat dikawal oleh kerajaan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak tahu dari pihak kerajaan tentang penubuhan hospital bawah PKNS sebab untuk mendapat keuntungan atau pun memberi khidmat kesihatan kepada rakyat, macam CSR sebab dengan izin *return of investment* kebiasaannya *from health care* secepat-cepatnya 5 tahun. Jadi banyak *health care provider* yang saya tahu di Selangor dari luar pun ada masalah kewangan. Jadi kalaulah ini saya hendak tahu apa sebab untuk menubuhkan hospital di Selangor ini. *What is the motif, what is the agenda?*

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat sama ada ianya CSR atau pun semata-mata untuk mendapat pulangan, ianya bukan CSR, kalau-kalau kita CSR sudah tentulah ianya akan merugikan PKNS yang perlu bertanggungjawab dan perlu membuat keuntungan atau pun *return*. Jadi bermakna ianya kedua-dua, jadi bermakna kita berpeluang memberi satu kadar atau pun perkhidmatan yang mungkin kompetitif dan juga ianya akan memberi pulangan kepada PKNS, dua sekali.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya hendak tanya apakah kriteria yang PKNS menggunakan untuk mencari siapa yang kita hendak mendapatkan usaha sama. Tadi Y.B. EXCO ada kata kita membuat usaha sama dengan *partner-partner* lain, so apakah kriteria adakah *request of proposal has been done* untuk mencari *partner* rakan usaha sama, *thank you*.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sudah tentu bahawa kajian telah dilakukan oleh PKNS. Saya boleh secara *detail* secara kemudian, secara bertulis tetapi sudah tentu apa yang dilakukan adalah sudah tentu dilakukan dengan teliti. Dan perkara ini mungkin kalau selepas ini saya boleh memberikan jawapan bertulis dengan lebih terperinci tentang usaha sama yang akan dilakukan dan juga usaha sama itu bagaimana kita mengambil keputusan untuk menjalankan usaha sama atau pun memeterai usaha sama tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ya saya ingintanya pihak kerajaan apakah pengalaman yang Selgate ada untuk menguruskan sesebuah hospital dan adakah PKNS bersedia untuk rugi sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang hospital.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Seperti mana yang Selgate ini sebenarnya ada berapa kepakaran-kepakaran dia pernah menandatangani usaha sama dengan Gombak Medical Hospital pada Disember 2015 di mana Selgate memegang ekuiti sebanyak 30% dan di antara lainnya adalah Ahli Lembaga Pengarahnya adalah terdiri daripada mereka yang telah mempunyai pengalaman di

dalam urusan atau pun di dalam perniagaan atau dalam bidang tersebut, terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan sebab kerajaan Selangor seingat saya ada satu pengalaman yang lepas di mana kerajaan Selangor pernah membuka satu hospital di kawasan saya iaitu namanya Shah Alam Medical Centre. Dan akhirnya ia menjadi KPJ yang menguruskan hospital yang ada sehingga sekarang. Jadi saya juga ada kebimbangan sebagaimana rakan-rakan, saya hendak tanya kepada pihak EXCO, apakah jumlah kewangan yang akan diletakkan contohnya yang disebut tadi Shah Alam 200 buah katil yang akan disediakan di Seksyen 13, Shah Alam. Kos yang terlibat RM150 juta itu, apakah ada kos yang akan dikeluarkan tahunan dan kalau ada sebenarnya berapa sebenarnya pihak PKNS terpaksa meletakkan dana tersebut ke tepi untuk pastikan ianya *substance* dan kompetitif dengan hospital-hospital yang lain, terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita bercakap tentang kapasiti atau pun yang diumumkan tadi adalah tentang modal yang perlu dikeluarkan untuk membina. Saya akan memberi jawapan secara bertulis tentang *operational cost* *operational cost* akan hospital-hospital yang telah kita diumumkan tadi, terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER:Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin memohon sama ada mungkin kerajaan boleh beri penjelasan sama ada dalam jawapan lisan sekarang atau pun bertulis. Memandangkan kerajaan telah pun melakukan rasionalisasi GLC-GLC dan anak-anak syarikat kerajaan melalui MBI dan DIG khususnya. Jadi apakah rasionalnya untuk kita wujudkan *conglomerate* DIG ini dan pada masa yang sama PKNS dan anak-anak syarikatnya dikecualikan daripada *exercise* ini. Adakah mungkin atau pun lebih mudah sabar kalau kedua-duanya digabungkan sebagai satu *conglomerate* yang lebih besar di mana saya percaya ini pastinya akan melibatkan pindaan terhadap enakmen PKNS.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat, itu adalah satu cadangan yang kita lihat dan saya akan memberi jawapan bertulis kepada cadangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat, terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker, Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas penjelasan tadi. Saya tertarik dengan satu penjelasan dengan berkenaan hotel, eh hotel pula, hospital yang akan dibina di Cyberjaya di *Cyber valley*. Saya ingin tahu saya boleh jelaskan semula sama ada perkara ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri sendiri atau pun *join venture partner* kerana ia kalau membina hospital ini ia melibatkan satu katil lebih kurang RM1 juta dan apakah Yang Berhormat EXCO maklum yang Kementerian Kesihatan bakal membina hospital 500 katil di Cyberview. Jadi kalau Kerajaan Negeri membangunkan di tempat yang sama juga adakah kajian menyeluruh telah pun dibuat.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya yakin bahawa pihak PKNS sebelum kita membuat keputusan untuk membina di Cyberjaya ini di *Cyber valley* ini sudah tentu keseluruhan kajian telah dilakukan, saya akan maklumkan seterusnya bermakna bahawa tentang kajian tersebut bahawa terdapat hospital yang akan dibina oleh pihak kerajaan tetapi sekarang ini kalau kita lihat memang dari segi keperluan hospital atau keperluan *medical care* dengan izin sekarang ini adalah amat-amat kritikal diperlukan oleh rakyat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli YB, jam telah menunjukkan 11.30 pagi, maka saya tangguhkan sesi pertanyaan dan Ahli-ahli Y.B. sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa pada bila-bila masa hari ini, akan diadakan satu sesi latihan kebakaran. Saya mohon agar semua Ahli-ahli YB, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil Jabatan, pihak media serta semua petugas yang berada di bangunan Dewan Negeri dan Bangunan Annex supaya memberi kerjasama dan perhatian semasa sesi ini dijalankan. Baiklah, aturan urusan seterusnya.

III. USUL

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul No.12, Tahun 2016, Usul Peruntukan Pembangunan 2017.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya persilakan pihak kerajaan untuk menyambung penjelasan terhadap apa-apa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Y.B. semalam. Ya, Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya menyambung penggulungan saya. Tuan Speaker, Y.B. Gombak Setia telah memohon pencerahan berkenaan prosedur permohonan dan juga syarat-syarat bagi sumbangan, bantuan kepada bukan badan-badan kerajaan. Untuk makluman Y.B. Gombak Setia, program pemberian sumbangan kepada badan-badan bukan kerajaan adalah inisiatif dan usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu

badan-badan kerajaan yang telah berdaftar di bawah *Registrar of Society* untuk melakukan aktiviti-aktiviti kebajikan. Sumbangan akan diberikan di dalam bentuk cek setelah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian, minta maaf, daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Sumbangan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan. Permohonan daripada Badan-badan Bukan Kerajaan boleh dihantar terus kepada pejabat EXCO untuk semakan sebelum dipanjangkan kepada Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor untuk di selaras dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Sumbangan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan. Had maksimum bagi setiap permohonan NGO adalah sebanyak RM5,000.00 bagi tempoh setahun bergantung kepada objektif pelaksanaan program yang dianjurkan bagi tujuan pengawalan peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kelulusan sesuatu permohonan adalah berdasarkan kelayakan berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan dan dipersetujui Ahli Jawatankuasa dan juga permohonan sumbangan oleh NGO di bawah program ini haruslah mengemukakan Sijil Daftar Pertubuhan atau Persatuan dan penyata bank atas nama Persatuan itu sendiri. Bagi tahun 2017, pecahan peruntukan badan-badan bukan kerajaan akan dipecahkan mengikut portfolio masing-masing seperti berikut :

a) Kerajaan Prihatin	-	RM100,000.00
b) Kebajikan	-	RM100,000.00
c) Pembangunan Generasi Muda	-	RM100,000.00
d) Pendidikan	-	RM100,000.00
e) Hal ehwal Agama Islam	-	RM100,000.00

Garis panduan pemberian sumbangan kepada NGO adalah seperti berikut, peraturan am yang dikenakan :-

- 1) Tujuan penubuhan badan kerajaan mestilah bertujuan kebajikan dan tidak berorientasikan keuntungan
- 2) Sumbangan oleh Kerajaan Negeri kepada NGO tidak melebihi RM5,000.00 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- 3) Permohonan yang melibatkan kepentingan NGO dan kurang memberi manfaat kepada masyarakat setempat akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan, contohnya lawatan sambil belajar ataupun majlis makan malam hanya untuk ahli NGO sahaja.
- 4) Setiap Badan Bukan Kerajaan hanya layak untuk membuat satu permohonan sahaja dalam tempoh setahun.
- 5) Segala bentuk permohonan yang melibatkan aktiviti keagamaan adalah tidak layak untuk dipohon sebab ada peruntukan sendiri.

- 6) Pemohon oleh Kelab-kelab atau Universiti yang menggunakan satu akaun yang sama adalah layak untuk memohon.
- 7) Permohonan yang dikemukakan oleh DUN, Parlimen, JKKK, Pembangunan Luar Bandar (PLB) adalah tidak layak untuk dipertimbangkan memandangkan mereka ada peruntukan sendiri.
- 8) Dokumen sokongan perlu dibekalkan adalah seperti, setiap permohonan oleh Badan Bukan Kerajaan perlu disertakan salinan sijil daftar pertubuhan dan penyata akaun bank.
- 9) Program atau aktiviti yang akan dilaksanakan oleh badan bukan kerajaan yang mendapat sokongan bertulis dan pengesahan daripada Ahli Majlis atau kakitangan, Ketua Kampung atau Ahli Parlimen atau JKKK atau ADUN kawasan berkenaan adalah satu kelebihan.
- 10) Permohonan berbentuk program kertas kerja dan kos keseluruhan perlu dikepilkan bersama permohonan.

Itu adalah untuk bantuan Program NGO.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Sekinchan minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Timbalan Speaker, berkenaan dengan bantuan-bantuan NGO ini, dia terbuka saya nak pastikan ya sama ada dia terbuka kepada semua NGO-NGO yang daftar mesti berdaftar atau di semua kawasan boleh kemukakan atau tidak. Saya nak tau, nak pasti.

Y.B.TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Y.B. Sekinchan, seperti yang telah saya nyatakan ia terbuka kepada NGO-NGO yang berdaftar di Negeri Selangor sahaja dan NGO-NGO tersebut patut kepilkan dokumen-dokumen yang telah saya nyatakan tadi dan juga ada seperti NGO-NGO berdaftar di bawah Universiti yang mempunyai hanya satu akaun juga boleh diterima pakai hanya sebab mereka gunakan satu akaun yang berbeza daripada NGO-NGO yang lain sebab ada pertelingkahan yang dikatakan sebab kita melayan untuk NGO yang berkaitan, mereka mempunyai beberapa NGO tetapi mereka mempunyai satu akaun dan mereka cuba memohon seperti yang berkaitan tentang seniman dan sebagainya. Namun di Universiti sebenarnya kelab-kelab mereka berdaftar dan mereka mengguna pakai akaun yang sama untuk menerima. Namun begitu, untuk seperti yang saya telah nyatakan secara jelas khususnya ada aduan daripada permohonan daripada kawasan seperti JKKK, ADN, Ahli Parlimen dan juga mana-mana agensi yang berkait rapat dengan Kerajaan Negeri yang mempunyai peruntukan sendiri, tidak dapat permohonan daripada peruntukan di bawah NGO ini ya. Tuan Timbalan Speaker, Y.B. Teratai bertanyakan peruntukan, Y.B. Ijok bertanyakan peruntukan

SJK(T) Ladang Desa Coalfield adalah hanya RM10.00 adakah ini mencukupi. Untuk makluman Y.B. Ijok, peruntukan bagi PK 17, Vot 17009, SJK(T) Ladang Desa Coalfield hanya diperuntukkan sebanyak RM10.00. Ini kerana peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak sebenarnya RM4,000,000.00 dengan pecahan RM2,000,000.00 yang tersedia daripada Kerajaan Negeri Selangor akan dibiayai melalui Tabung Amanah SJK(T) Ladang Desa Coalfield. Manakala RM2,000,000.00 lagi adalah daripada sumbangan KL-Kepong Sendirian Berhad.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER :Ya, Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Y.B.EXCO, walaupun rancangan untuk nak membina sekolah ini dah lama, sejak saya masuk di kawasan Ijok, tapi dengar sahaja, lebih khabar dari rupa. Bila akan mula dibina, satu, yang nombor 2, apa hal tentang pembinaan sebelah sekolah itu asrama untuk anak-anak ladang itu.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Y.B. Ijok yang sangat prihatin tentang masalah SJK(T) Ladang Desa Coalfield. Seperti perkara ini telah di banyak kali telah diulang kan dalam dewan yang mulia ini juga saya pernah menjelaskan perkara-perkara ini masalah yang telah dihadapi dari semenjak 2012 lagi ya. Pada ketika tahun 2013 apabila saya diberi tanggungjawab sebagai EXCO Perladangan, saya telah memanggil mesyuarat dan telah mendapati bahawa pada ketika itu tiada KM walaupun kita ada membuat pecah tanah, tapi tiada KM dan juga masalah isu berhubung dengan tapak tersebut tidak diselesaikan. Saya, beberapa melalui beberapa-beberapa mesyuarat bersama dengan Pejabat-pejabat dan *Authority-Authority* yang berkaitan telah membuat mesyuarat dan akhirnya kami dapat selesaikan isu tapak sekolah tersebut dalam tahun 2014 dan hanya digazet kan pada tahun 2015 dan kini memang isu ini telah saya akui memang ada kelewatan dalam pembinaan sekolah SJK(T) yang sangat memerlukan kerana keadaan sekolah yang sedia ada pun memang hadapi masalah yang seperti isu banjir, lumpur yang setiap kali apabila hujan lebat. Sedar bahawa isu-isu yang begitu, keadaan yang begitu genting. Beberapa mesyuarat telah diadakan dan akhirnya Kerajaan Negeri telah putuskan supaya JKR melantik kontraktor dengan secara *open tender system*. Saya percaya mesyuarat terakhir yang bulan lalu yang telah dihadiri bersama dengan saya, saya difahamkan bahawa JKR telah pun membawa pelan dan juga telah mengenal pasti skop kerja yang perlu dilakukan dan mereka akan buka tender dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, saya sedar hal-hal ini setiap kali berlaku kelewatan dan saya telah membawa perkara ini juga dalam MMKN, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor saya percaya dengan adanya Y.A.B. Menteri Besar telah pun menyatakan dalam Belanjawan 2017 sekali lagi. Maka saya percaya kita ada kita akan unjurkan perkara ini secara seberapa yang cepat yang mungkin supaya perkara sekolah ini dapat dibina dalam keadaan

segera. Itu perkara pertama. Berhubung tentang asrama yang sepatutnya dibina di Desa Coalfield berdekatan dengan sekolah saya baru-baru ini difahamkan kemungkinan besar ladang tersebut, perkara ini telah dibawa bincang bersama dengan Y.A.B. Menteri Besar cadangan untuk dibina di kawasan SJK(T) Mitland di Shah Alam. Walau bagaimanapun, saya percaya perkara ini masih di dalam perbincangan yang mana saya tidak dilibatkan, saya sukar untuk saya memberi jawapan yang secara *what we said* dengan pasti bagaimanapun saya percaya. Ya.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan. Kalaulah begitu setiap rancangan banyak kadang-kadang rancangan lain di Negeri Selangor ini kadang-kadang ADN sendiri pun tak tahu apa yang telah terjadi, yang dapat berita dari penduduk kan memalukan kepada ADN kalau benda-benda yang berlaku kami semua tak tahu. Jadi kalau nak pindah pun kena bagi alasan-alasan yang baik, yang boleh diterima oleh penduduk sebab banyak kali telah diulangkan tentang masalah ini. Tanah diberi ya, tanah pun saya dengar telah diwartakan tapi sekarang bangunan yang macam bangunan hantu pun tak nampak. Jadi, saya harap Y.B.EXCO membuat satu kajian dan penjelasan yang boleh diterima oleh penduduk-penduduk di situ.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Y.B. Ijok, saya sedar sekiranya ADUN tidak dilibatkan dalam pembangunan kawasan tersebut ataupun sebarang projek yang dialihkan daripada kawasan tersebut. Sebab itu daripada 2013 sehingga 2015 sewaktu saya melibatkan diri saya dipertanggungjawabkan dalam pembinaan sekolah SJK(T) hanya SJK(T) saya sering menulis surat dan juga memanggil Y.B. atau wakil Y.B. daripada Ijok supaya menghadiri tapi namun begitu tentang projek ini, saya percaya masih lagi dalam perbincangan dan tiada kepastian ataupun kita menunggu lagi tentang tapak perubahan tapak dan sebagainya. Sekiranya beberapa perubahan saya percaya Y.B. akan dipanggil dan melibatkan diri dalam mesyuarat yang akan datang. Itu untuk bagi sekolah SJK(T) Ladang Coalfield, Tuan Timbalan Speaker, Y.B. Hulu Kelang telah menanyakan adakah peluang untuk menggariskan semula paras garis kemiskinan untuk meninggikan menaikkan paras garis kemiskinan yang sedia ada dalam dewan yang mulia ini daripada awal memang ini adalah topik yang sangat popular sebenarnya telah saya menjawab. Kita ada kajian yang khusus yang dibuat oleh UNISEL dan UTAR yang telah dibentangkan di dalam MTES maka kita menunggu seperti yang telah saya janjikan kita masih Kerajaan Negeri sedang menunggu daripada keputusan dan juga kajian yang secara yang lebih kepada menumpukan dan menimbang dan meneliti supaya kajian tersebut yang dapat diguna pakai oleh Kerajaan Negeri tanpa was-was lagi perlu menunjukkan kadar yang menyeluruh juga komprehensif kepada semua penggunaan paras kemiskinan yang terbaru nanti. Maka kita masih lagi menunggu daripada UPEN dalam membuat keputusan. Itu untuk paras kemiskinan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Sekinchan minta .

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertariklah dengan soal paras kemiskinan ini di mana kita sedia maklum Negeri Selangor kita guna pakai 1,500 dan sekarang kajian dibuat dan saya nak tahu boleh tak Yang Berhormat EXCO bagi satu tempoh masa yang lebih jelas berapa lama kajian tersebut boleh disiapkan supaya kita ada satu KPI, terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan yang sangat prihatin terhadap masalah warga kemiskinan di Negeri Selangor. Memang yang sedia ada RM1,500 antara yang tertinggi di Malaysia, tiada negeri yang khusus mana-mana negeri menetapkan RM1,500 sebagai paras garis kemiskinan. Kerajaan Pusat pun yang tertinggi RM930 sahaja. Bagaimanapun kita sedar kita Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar sekarang kita sedar untuk mengenal pasti bagaimana lagi kita membantu dengan cara yang lebih komprehensif, lebih cara yang boleh mengenal pasti sasaran masyarakat yang perlu dibantu maka kajian telah dilakukan bagaimanapun saya berjanji di sini saya akan membawa perkara ini sekali lagi utarakan dalam MMKN supaya perkara ini dapat ada keputusan dalam masa yang terdekat sebab keputusan di bawah bukan sahaja sebagai seorang EXCO yang bertanggungjawab seorang diri namun begitu itu perlu di bawa keputusan bersama dalam MMKN dan juga kajian yang telah diputuskan oleh UPEN bagaimanapun perkara ini akan dibangkitkan di dalam MMKN, itu tentang di paras garis kemiskinan. Isu yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak Setia, Kerajaan Negeri sedar akan permasalahan yang dibangkitkan oleh ADN Yang Berhormat Gombak Setia berkaitan cadangan untuk menyediakan rumah penyimpanan mayat atau secara sementara di kawasan berkepadatan tinggi, ianya buka sekadar tempat penyimpanan sementara tetapi termasuk juga upacara-upacara lain bagi agama lain selain Islam seperti Buddha, Kristian dan Hindu. Saya percaya isu ini memang hangat ramai mungkin banyak pihak lagi bukan sahaja di Gombak Setia kadang seperti di DUN saya sendiri ataupun di mana-mana sebab sekarang ini kebanyakan penduduk pembangunan kita ada rumah pangsa termasuk kondominium. Apabila upacara tentang keagamaan khususnya kematian dilakukan di dalam dewan-dewan yang sedia ada ia menimbulkan keresahan yang selain yang satu lagi. Kita dapati ini adalah satu isu yang perlu diberi perhatian yang segera. Perkara ini saya akan bawa dalam Hal Ehwal Selain Islam, Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam untuk dibincangkan dan juga supaya kita dapat membuat satu *task* ataupun kajian di bawah jawatankuasa-jawatankuasa yang lain supaya perkara ini dapat diberikan perhatian yang sewajarnya. Itu sahaja, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Rawang minta penjelasan, sila.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tapi ini saya nak tentang *crematorium* boleh? *Crematorium* di bawah Yang Berhormat..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini perkara baru Yang Berhormat.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI:Dia mengangguk boleh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila, sila.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI:Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya nak tanya Yang Berhormat EXCO sama ada perancangan untuk membuat *crematorium* sebelum ini Rawang ada mohon tapi ada tak perancangan di tempat-tempat lain yang akan diuruskan oleh PBT sendiri.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :Terima kasih Yang Berhormat Rawang sebenarnya permohonan daripada setiap majlis mereka yang bertanggungjawab dalam pembinaan sebenarnya kita sepatutnya ada tabung untuk membantu di bawah Dato' SS kalau sekiranya ada permohonan. Yang terbaru adalah daripada Hal Ehwal Selain Islam ada juga meminta menasihati supaya Majlis Perbandaran Kajang menulis untuk membina *crematorium* so maka saya rasa percaya perkara ini dapat dibawa tetapi walau bagaimanapun ia perlu melalui Majlis di kawasan untuk menulis kepada Kerajaan Negeri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Kota Alam Shah. Chempaka.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :*BismillahiRahmani Rahim.* Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah menyentuh tentang isu-isu *Insyah-Allah* yang akan saya jawab. Yang pertama adalah tentang peruntukan RM1,000,000.00 untuk Kehidupan Bandar Komuniti Sejahtera, Yang Berhormat Selat Klang menyatakan ianya tidak mencukupi. Untuk maklumat Yang Berhormat bahawa RM1,000,000 ini digunakan untuk beberapa program. Di antaranya ialah Program SEROJA, Program KLIK, Program FOKUS dan Program Pangsapuriku Bersih, Ceria dan Harmoni. Tetapi kita ada peruntukan-peruntukan lain sebenarnya yang boleh membina masyarakat kita menjadi lebih sejahtera di antaranya adalah semalam kita telah melancarkan Perpustakaan Bergerak sebanyak 2 buah yang akan disiapkan, satu dah siap, satu lagi akan disiapkan. Kita membelanjakan untuk program-program ini adalah lebih kurang RM1,000,000.00 dan juga kita ada program-program lain seperti Program Ceria juga terdapat peruntukan untuk menganjurkan selain daripada baik pulih majlis-majlis seperti mana untuk mendidik penduduk supaya menjaga harta awam mereka, juga boleh diletakkan di bawah Ceria. Jadi untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Selat Klang bahawa bukan sahaja RM1,000,000.00 kita peruntukan untuk Kehidupan Bandar Dan Komuniti Sejahtera tetapi terdapat peruntukan-peruntukan yang lain yang boleh kita manfaatkan ke arah membina komuniti yang lebih ceria. Untuk maklumat Yang Berhormat bahawa terdapat lebih kurang 19 produk ataupun program untuk kita membedayakan komuniti kita. Seterusnya adalah berkenaan dengan kes Kampung Sungai Sireh. Status isu 262 penduduk di tapak tanah milik 1204 dan 1210 dan Lot 1216 dan 1222 Kampung Sungai Sireh adalah seperti

berikut. Dua mesyuarat terkini telah diadakan pada 23 Ogos dan 17 Oktober 2016. Unit Pengurusan Ekonomi Negeri Selangor ataupun UPEN telah mengeluarkan surat tawaran kepada 14 pemilik tanah termasuk warga Singapura dengan nilai yang sama seperti tawaran 2009. UPEN telah menetapkan maklum balas perlu diterima pada 2016 dan akan memaklumkan hasilnya kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Masalahnya adalah kita belum pernah menawarkan satu jumlah bayaran ataupun pampasan kepada pemilik tanah pada tahun 2009 dan mengikut perancangannya kita membeli tanah tersebut dan kita menjual balik kepada mereka yang 262 penduduk yang duduk di atas tanah. Memang pada mulanya apabila kita membuat *collection* ataupun pungutan pembayaran ketika itu ramai yang tidak bayar sebab ada yang mengatakan bahawa kalau kita tunggu lepas pilihan raya ada Kerajaan baru, Kerajaan baru akan memberikan RM1.00 sahaja kepada mereka tetapi kerajaan baru pun tak tiba-tiba jadi bermakna bahawa mereka tak bayar dan akhirnya harga nilai tanah tersebut telah meningkat berkali-kali ganda dan harga tawaran pada 2009 itu tidak boleh terpakai lagi sebabnya harga lebih tinggi walau bagaimanapun pihak UPEN telah mengadakan rundingan dengan pemilik tanah dan kita nak tawarkan juga harga 2009 sebab setakat ini tanah tersebut walaupun harganya tinggi tetapi dengan peneroka bandar di atasnya dengan bangunan yang kekal seolah-olah macam taman macam kampung adalah mustahil bagi pemilik-pemilik tanah ini untuk mengeluarkan mereka yang duduk di atas kampung ataupun tanah tersebut. Itu sebab kita memberi tawaran kepada pemilik tanah kalau dia boleh terima tawaran 2009 kita akan membantu atau mengeluarkan kita akan membantu menyelesaikan masalah tersebut. Yang Berhormat Seri Serdang telah menyentuh masalah Lestari Perdana iaitu status bagi mendapatkan hak milik bagi pembeli-pembeli projek tersebut. Terdapat beberapa fasa kemajuan terhadap pembeli teres dan pangsapuri dan Kerajaan Negeri telah menawarkan pembayaran premium untuk hak milik rumah teres dengan tawaran RM1,000.00, bagi pangsapuri pula ada 2,000 unit yang telah diserahkan kepada Menteri Besar Incorporated ataupun MBI, MBI di dalam proses mengeluarkan hak milik strata. Berkenaan dengan keselamatan di kampung-kampung atau pun di taman-taman sama ada dia boleh dirangkumkan menggunakan peruntukan Kehidupan Bandar Komuniti Sejahtera. Ini telah dibangkitkan oleh Gombak Setia. Sekarang ini apa yang kita ada adalah program SEROJA. Program SEROJA adalah Skim Rondaan Keselamatan dan Kejiranan ataupun SEROJA. SEROJA ini adalah khusus untuk pangsapuri-pangsapuri kos rendah. Sebelum ini kita menghadapi masalah untuk meminta mereka membuat rondaan tetapi kita telah menambah baik akan program ini di mana kita telah menawarkan sebanyak RM5,000.00 kepada pangsapuri-pangsapuri untuk memasang kamera litar tertutup ataupun CCTV dan *Alhamdulillah* kita hampir mencapai *target* 50 kawasan dan sekarang ini bajet ataupun belanjawan ataupun peruntukan yang ada hanyalah untuk pangsapuri-pangsapuri kos rendah tetapi bermakna kita perlu ada program lain kalau kita nak melebarkan atau nak meluaskan program ini kepada taman-taman. Sekarang ini kita buat di pangsapuri-pangsapuri kos rendah.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI: Tuan Speaker, boleh saya celah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI: Nak minta pencerahan kepada Y.B. EXCO. CCTV kos rendah ini sebab kita banyak pangsapuri kos rendah yang banyak terlibat dalam masalah-masalah kerosakan lif, vandalisme dan sebagainya. Jadi saya nak tanya kepada EXCO boleh tak tahun 2017 ini kita *settle* CCTV untuk pangsapuri kos rendah ini di seluruh Selangor.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Yang Berhormat kesemuanya ada 199,000 penduduk di unit kos rendah. Kita akan ada beratus-ratus pembangunan. Kita fokus ada yang berkata kita fokus kepada yang tidak bermasalah tapi saya suka kalau kita fokus di tempat bermasalah dulu dan kita pergi kepada fasa demi fasa. *Insy Allah* kepada yang bermasalah kepada yang tidak ada masalah. Kita bermula dengan yang bermasalah dahulu kita nak menyelesaikan masalah di pangsapuri-pangsapuri kos rendah. Seterusnya Gombak Setia..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas minta.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya nak tanya EXCO sekarang di Negeri Selangor ya rumah kos rendah *what is the availability?* Adakah masih kosong belum didirikan lagi, adakah orang boleh mohon dan berapa yang dijangka masa depan agak untuk satu tahun ke satu tahun, berapa akan ditawarkan untuk di Negeri Selangor? *What is the availability? Any available* yang rumah kos rendah di Selangor?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ini soalan yang tak berkaitan sebenarnya tapi tak apalah saya jawab. Dia memang ada kita bina tetapi masalah sekarang ini bukan kita bina saja tapi kita ada juga baki-baki yang daripada yang telah dibina sebelum ini daripada Kerajaan yang lepas. Ada masih lagi baki sebab ia dibina di tempat yang salah tetapi sekarang ini saya tak ada *details* sekarang tetapi *Insy Allah* akan maklumkan dalam soalan bertulis tentang *details* berapa yang masih tertinggal dan berapa yang telah mohon untuk duduk di sana dari segi *availability*. Memang ada lagi tapi kadang kala orang tak nak sebab dia tidak sesuai dengan tempat atau kehendak mereka tempat tinggal mereka. Seterusnya Gombak Setia ..

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI: Tuan Speaker,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan dan Selat Klang, Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Kita nak kaitkan masalah tadi kos pangsapuri ini dengan masalah kegawatan ekonomi, pengangguran belia, bahkan graduan pun banyak menganggur, bahkan graduan perubatan pun banyak menganggur. Jadi untuk menyelesaikan masalah vandalisme, kerosakan lif dan sebagainya boleh tak kerajaan mungkin multi fungsi ataupun jaringan di antara jawatankuasa tetap. Mungkin EXCO Pembangunan Modal Insan, dan sebagainya. Jadi boleh tak selain daripada kita letak CCTV tu, bila kita letak CCTV ada pulak yang mungkin akan merosakkan CCTV itu selain daripada lif yang nak dipulihkan. Jadi apa kata kerajaan memikirkan mungkin belia yang sedang menganggur ini diberikan latihan. Ada yang tegap-tegap, ada yang *muscle* banyak sikit dan sebagainya menjadi penjaga kepada lif dan CCTV ini sekurang-kurangnya mereka ada kebertanggungjawaban dan juga mendidik, mendidik penghuni pangsapuri itu sendiri supaya *Insyallah* seperti yang berlaku di Pandamaran tu. Lif yang nak dibaiki tetapi belum sempat dibaiki dah habis dah hilang dan sebagainya kan. Jadi apa kata *multi function, multifaceted* daripada pelbagai apa....daripada pelbagai segi, kerajaan pastikan pangsapuri kos rendah ini memang boleh ditranformasikan kualiti hidup mereka.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Boleh saya jelaskan. Yang tadi flat itu sebenarnya ada dalam Pandamaran Jaya. Dia dibawah DUN Pelabuhan Klang, bukan dalam....(ketawa)

TUAN SPEAKER : Sila Chempaka jawab dulu.

Y.B. DATO'ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD:Memang kita perlu satu strategi yang menyeluruhlah di kawasan-kawasan pangsapuri ini. Diantaranya adalah kita mula mendidik daripada kecil. Di mana kita ada program CLIC iaitu *Club Interactive Community* di mana kita menubuhkan kelab *Club Interactive Community* kita menubuhkan kelab-kelab ini di beberapa kawasan pangsapuri sebab masa kita punya masa kita mula-mula mengambil alih kita pergi kepada satu kempen besar-besaran bersih, ceria dan harmoni. Di mana kita *focus* kepada dewasa dan kita buat macam-macam program tapi masalahnya ialah bila dah liat susah kita nak ubahkan masyarakat tersebut. Kita buat program masa makan dia datang lepas tu bila kita ceramah dia tak ada. Jadi apa yang kita buat sekarang ini kita fokus kepada anak-anak muda atau remaja-remaja. Itu yang kita buat skim *Club Interactive Community*. Kemudian juga kita ada program untuk kanak-kanak atau pelajar-pelajar sekolah. Iaitu kita dapat masuk sekolah. Kita panggil SKORA yang mana kita mendidik mereka yang tinggal di rumah pangsa tapi dia punya syaratnya Lembaga Perumahan boleh masuk sekolah, tapi EXCO Perumahan tak boleh masuk. Haa...tu macam gitulah...dia punya....tapi tak pa lah, Mesej kita sampai. Jadi maknanya Lembaga Perumahan boleh buat program di sekolah-sekolah rendah. Disitu kita akan didik kanak-kanak atau pelajar-pelajar tentang cara untuk hidup berk komuniti . Nak....dia nak *block* kita tidak apalah, janji kita punya mesej tu sampai masuk ke dalam.

Jadi selain daripada tu kita ada juga kerjasama dengan EXCO ataupun dengan jawatankuasa tetap lain. Semalam kita telah melancarkan dua *library* ataupun dua perpustakaan bergerak dan ini juga saya juga semalam kita melihat bersama-sama turut adalah EXCO Pendidikan juga. Jadi memang saya melihat untuk kita menyelesaikan masalah di pangsapuri ini rendah ataupun menengah perlu satu penyelesaian holistik bermakna di bawah jawatankuasa tetap saya sebagai *anchor* dan kita akan minta input daripada jawatankuasa-jawatankuasa tetap yang lain tentang program. Kita ada banyak program. Kita ada 19 program perumahan banyak, untuk pangsapuri je....kita ada 19 program untuk kita menyelesaikan masalah.

TUAN SPEAKER:Rawang minta penjelasan

Y.B. PUAN GAN PEI NEI:Mohon Penjelasan. Ini tentang punca-punca yang kat mungkin masalah sosial kepada sesebuah kawasan perumahan pangsapuri itu. Sebenarnya saya rasa kalau kita tengok rekabentuk-rekabentuk rumah pangsapuri itu sendiri sebenarnya saya dapati ia mungkin satu punca. Maksudnya kalau kita tengok ruang yang untuk rekreasi, ruang untuk rumah, ruang itu adalah amat kecil dan sempit. Jadi macam mana kita sebagai Kerajaan Negeri dalam perancangan kita ataupun perancangan rumah Selangorku kita boleh ambil kira semua aspek ini supaya kita tidak mahu keadaan yang sama berulang lagi.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD: Untuk rumah Selangorku kita telah menetapkan akan kemudahan-kemudahan yang wajib ada di situlah. Diantaranya pejabat dan kemudahan-kemudahan lain sepertimana Y.B. Kota Alam Shah tadi mencadangkan supaya kita ada satu tempat untuk kita untuk menyimpan mayat atau pun jenazah sebelum ianya dibawa ke kuburan ataupun dibakar. Kalau nak ubah kita boleh meletakkan suatu ruang serba guna khas di rumah-rumah Selangorku supaya boleh, tak boleh kita guna khusus tapi untuk multi untuk digunakan untuk beberapa fungsi yang lainlah. Jadi bermakna bahawa *design* kita, memang kita cadangkan supaya kita masukkan sekali kemudahan-kemudahan. Selain daripada itu dari segi landskap dan sebagainya memang ada satu *guideline* daripada Jabatan Perancangan Bandar Negeri Selangor bahawa perlu ada perimeter *planting* bermakna keliling tu perlu ada *landscape*, tak boleh sampai ke hujung lagi. Jadi bermakna inilah di antara perkara-perkara yang kita nak memastikan bahawa pangsapuri-pangsapuri ini cerialah. Saya pernah buat kajian sebenarnya tentang pangsapuri ini masa saya belajar dulu pada tahun 19....lama dah. 1988 dulu dan beberapa pangsapuri yang saya buat kajian dalam kajian saya ketika itu dan tidak ada pertukaranlah daripada sekarang sama je *design* dia. Sebab kekangan kewangan tu. Sebab kita punya kos tu tinggi. Sekarang ini untuk pangsapuri kos rendah 42,000 yang kita jual atau 35,000. Kos untuk bina adalah 70 – 80,000. Bermakna hampir 2 kali ganda. Bermakna terpaksa pemaju presubsidies pembangunan tersebut. Yang seterusnya

TUAN SPEAKER: Sekinchan minta....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Timbalan Speaker. Saya berminat tentang Pangsapuri Ceria. Rumah Flat di Bangsar yang lifnya asyik rosak dan sebagainya. Kerajaan memperuntukkan untuk Pangsapuri Ceria, membaiki, memperbaharui dan sebagainya. Ini satu bebanan kewangan yang cukup besar. Kalau saban hari ini berterusan bagaimana kerajaan merancang untuk mengutip sebahagian bayaran mendidik mereka supaya bayar untuk menampung mengurangkan kos kerajaan, tanggungan kerajaan terhadap kos Pangsapuri kerana mereka ada pengguna, *inuser*, bagaimana kita nak buat.

Y.B. DATO'ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD : Kita mengharapkan sokongan atau kerjasama daripada ahli Dewan Negeri lah. Sebab apabila kita kata atau kerajaan atau MMKN membuat keputusan supaya ADN sekiranya penduduk tidak bayar Maknanya ADN kena bayarkan. Kita potong RM20,000.00 maksimum. Sebenarnya bukan kita nak potong, sebenarnya kita nak menggesa ADN supaya turun bincang dan bukan paksa lah merayu kepada penduduk supaya dapat membayar baki tersebut. Bukan kita nak potong terus tapi kita bagi notis kepada ADN supaya bincang. Haa ini bukan di semua, tidak terkecuali. Kawasan saya pun kena juga. Saya pun kena potong juga. Jadi saya kena turun bawah bincang dengan penduduk merayu dengan dia bagi dia pendidikan supaya bayar.

TUAN SPEAKER: Saya bagi Balakong, Balakong dulu

Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mencelah

TUAN SPEAKER: Balakong, Balakong

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Haa...saya...

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Saya rasa, saya rasa semua Ahli-ahli Dewan Negeri akan bersetuju dengan cadangan saya. Kami menerima cadangan tersebut tetapi dengan syarat Kerajaan Negeri baiki semua kerosakan dahulu. Baru kita mulakan cadangan tersebut. Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD: Sebenarnya bukan semua. Contohnya ada pangsapuri yang minta untuk dibaiki bumbung atau dibaiki lif. Jadi sebenarnya kita *last resolve* dengan izin, kita pergi kepada ADN. Dah bertahun-tahun tak bayar barulah kita pergi kepada ADN. Bermakna dah siap. Bukan baru nak bina. Yang dah siap tak bayar juga ingat dah bertahun-tahun tak bayar barulah kita minta daripada ADN untuk....sebenarnya bukan kita minta ADN nak potong terus, bincang dulu dengan penduduk. Sebab *rate* atau kadar yang kita minta adalah satu unit bayar RM5.00 sebulan. Duit rokok pun lebih mahal daripada tu. Jadi....Astro...saya tak tau, saya tak ada Astro di rumah. Jadi bermakna bahawa

kita bukan nak membebankan penduduk. Kita memang bagi RM5.00 satu unit sebulan. Tetapi ada penduduk yang tak mahu bayar juga RM5.00 satu unit sebulan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Mencilah. Saya nampak kalau kita terus meletakkan atau mengatakan kalau penduduk gagal bayar jadi ADN akan membuat bayaran tersebut. Ni bagi isyarat yang tak betul. Sebab benarkan saya jelaskan. Sebab bila penduduk tahu bahawa ADN yang akan membayar bagi bayaran yang tertunggak tu dia akan mengambil sikap tak akan membayar. Ini memang sikap orang yang tinggal di Flat kos rendahlah. Sebab kita dah biasa hadapi masalah ini. Apa yang ingin saya cadangkan adalah perbincangan bersama penduduk tu jangan sampai ke akhir di pinggir di hujung tu baru libatkan Wakil Rakyat kawasan tersebut. Libatkan Wakil Rakyat bersama-sama *a long the way* proses perbincangan tu libatkan Wakil Rakyat supaya mereka tahu bahawa tidak boleh tidak mereka mesti bayar sebab semua orang tahu, ADUN tahu, pihak Kerajaan Negeri tahu, jadi mereka tidak boleh mengelak daripada bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri. Itu satu.

Yang keduanya, saya nampak bila ada kawasan-kawasan awam ya kalau flat kos rendah ni ada kawasan yang boleh diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Selalunya isu untuk selenggara dan sebagainya mereka tidak akan, apa tu, mereka akan katakana mereka tak ada wang untuk menjalankan tugas tersebut. Jadi cadangan saya sebelum ini adalah bila siap sahaja flat-flat kos rendah ini jangan tinggal mengambil masa untuk menyerahkan kawasan umum ni kepada pihak berkuasa tempatan. Bila dah rosak, bila dah apa....dah mengalami penggunaan *here and there* baru nak serah. Jadi ni tak memenuhi syarat PBT. Mereka tak akan sanggup untuk menerimanya. Jadi saya cadangkan penyerahan tu dibuat awal supaya tak ada rosak lagi. Masih elok jadi PBT masih ambil dan bertanggungjawab dari segi selenggara kawasan tersebut.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Topik yang sama juga.

TUAN SPEAKER: Bagi EXCO jawab dulu sebab Batu Tiga menunggu lama dah tu.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD: Saya menerimalah akan pandangan daripada, cadangan daripada Y.B. bahawa kita melibatkan ADN ataupun Ahli Dewan Negeri Y.B. daripada awal lah. Bermakna saya nak, mungkin, kita ada dia punya prosedur dia tu ataupun SOP dia. Jadi bermakna sebahagian daripada SOP nya apabila kita tawarkan kepada penduduk, apabila kita bagi penerangan kepada penduduk, maka kita akan panggil ADN sekali. Bahawa kerja-kerja ini akan dilakukan.

Yang keduanya adalah tentang serahan. Dia sebenarnya ada berbeza-beza. Terpulang kepada bagaimana pembangunan tersebut. Ada pembangunan yang menyerahkan jalan, menyerahkan *amenities* atau kawasan lapang kepada PBT.

Tapi ada yang tidak serah. Ada yang tidak serah, *parking* tidak serah, semua tidak serah. Sebab dia ada *pros and cons*. Kalau penduduk itu, kalau pihak pembangunan itu diserahkan semua kepada PBT, jalan serah kepada PBT, *parking* serah pada PBT, memang ada masalah, bermakna orang luar bebas masuk, orang luar bebas untuk meletak kereta dan mengguna *amenities* ataupun kemudahan di situ. Tetapi kalau ianya tidak diserahkan, ada pembangunan yang memang tidak diserahkan, iaitu dia ada, boleh mereka pagar, bermakna mereka kontrol kawasan tu. Parking mereka, mereka tak boleh benarkan orang masuk, jalan pun mereka tak boleh benarkan orang masuk, semua tu milik mereka, tapi masalahnya mereka kena *maintain* ataupun mereka kena menyelenggarakan kawasan tersebut. Jadi bermakna ada dua cara, ada dua pembangunan yang ada dua pembangunan lah. Ada yang diserahkan daripada, dari *meter drain* tu, longkang parit di bangunan tu, yang tu semua diserahkan. Ada yang pagar luar, lepas daripada pagar luar diserahkan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya rasa, EXCO bila cakap ramai yang tak menyerahkan tu mesti berdasarkan fakta. Sebab rata-rata kalau kawasan saya flat yang kos rendah ni memang mereka, mereka kalau boleh nak serah semua pada ni sebab mereka menelan belanja yang besar. Kalau kata kala Pihak Berkuasa Tempatan nak ambil alih juga, kalau mereka jagapun selalunya memang ada orang luar juga akan menggunakan kawasan meletak kereta sebab dia tidak ada pagar ataupun bumbung dan sebagainya

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Dia dua pembangunanlah sama ada dia serah daripada blok itu daripada perimeter *drain* tu semua dia serah ataupun dia serahkan daripada *boundary* atau sempadan yang di luar. Memang ada dua. Dia berdasarkan pada bagaimana pembangunan itu mendapat kebenaran merancang. Ianya bukan, bukan bermakna bahawa tiba-tiba penduduk kata nak serahkan, terus serahkan. Bukan begitu tetapi ianya daripada buat kebenaran merancang. Tapi itulah bermakna ada cadangan bahawa kita kaji sama ada jalan-jalan ini boleh kita serahkan kepada PBT terutamanya untuk rumah-rumah kos rendah.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Batu Tiga minta penjelasan. Batu Tiga, Batu Tiga. Bagi Batu Tiga dulu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Timbalan Speaker sebab Timbalan Speaker saja nampak saya. Sebab Chempaka tak nampak sebab di belakang. Dia nampak mungkin di depan sajalah Kota Damansara. Ok. Saya ingin bertanya kepada Pihak EXCO, sebenarnya apa yang kita bincangkan di bawah isu pengurusan flat kos rendah ini sebenarnya isu yang utama adalah isu keupayaan. Ya, keupayaan penduduk-penduduk ataupun JMB menguruskan kawasan mereka. Kita buatlah program apa, cerialah, klik lah, apa ke, kita nampak impaknya terlalu sedikit sangat kepada, kepada wujudnya satu kawasan pendudukan yang lebih baik. Saya ada banyak rumah apa ni, pangsapuri kos rendah di kawasan saya yang kita

support program 100% program Kerajaan Negeri. Tetapi kita nampak pendekatan yang kita buat ini lebih reaktif ya, untuk memperbetulkan balik apa yang ada tetapi tidak proaktif dalam memastikan isu asas yang saya sebut tadi keupayaan itu ditangani. Jadi saya ingin mencadangkan sekali gus memberikan satu pandangan bahawa kalaulah kita tengok kos yang telah kita peruntukan dalam semua program baik ceria, seroja, klik dan sebagainya. Sampai saya tak terkiralah sebenarnya programnya. Berjuta ringgit yang kita keluar, apatah kiranya kalau kita mengambil contoh di PPR HICOM seksyen 26, saya rasa agak berjaya kerana pengurusan ya, pengurusan JMB tu diambil alih oleh Pihak Kerajaan. Kita tahu PPR HICOM itu adalah milik Kerajaan tetapi saya ingin mencadangkan supaya semua kos-kos pangsapuri, apa ni, seluruhnya pangsapuri kos rendah ini diambil pengurusannya oleh Pihak Kerajaan ya. Memang kita tengok, sehinggalah ia boleh kita pastikan ianya dapat dibuat apa ni diberikan satu orang kata.. Satu budaya ya, kepada masyarakat di situ untuk mereka boleh menguruskan ataupun boleh mengikuti undang-undang kita buat. Jadi saya inginlah, sangat-sangat pada Pihak Kerajaan supaya memikirkan supaya semua ya, *maintenance*, *community* atau *company* ataupun JMB-JMB di pangsapuri kos rendah ini kita ambil alih, kita peruntukkan sekian.....

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Nak mencelah boleh?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Nak mencelah saya?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Ya, nak mencelah. Bersetuju ke Batu Tiga yang saya cadangkan ada Perbadanan Pengurusan Bangunan di bawah Kerajaan Negeri yang akan menganak-angkatkan pangsapuri kos rendah ini secara menyeluruhnya, secara holistik.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Bagi saya itu terpulang pada Pihak Kerajaan sama ada ingin membuat perbadanan ataupun ingin di bawa ataupun diambil alih oleh pihak yang sedia ada seperti anak syarikat yang di bawah Lembaga Perumahan itu. Tetapi persoalan asasnya adalah yang kita bincangkan tentang semua isu-isu pangsapuri kos rendah. Ini adalah isu keupayaan penduduk tersebut untuk menguruskan dan memastikan ianya tidak ianya tidak berlaku perkara-perkara negatif yang akhirnya jutaan dan ratus juta kita sediakan tetapi akhirnya *back to the square* dengan izin ianya tidak berjaya. Sebab saya kalau, kalau betul boleh berjaya saya mohon Pihak Kerajaan beri saya satu contoh ya, pangsapuri kos rendah yang tanpa bantuan Kerajaan dia boleh *survive*. Terima kasih. Itu saja celahan saya.

TUAN SPEAKER : Sekejap, sekejap sebelum Chempaka memberikan penjelasan ada dua EXCO lagi yang belum jawab ya. Saya hendakkan yang itu. Jadi kita bagi masa yang sesuai untuk Chempaka. Silakan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Ini tentang pengurusan....

TUAN SPEAKER : Biar Chempaka habis jawab dulu.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Batu Tiga, Peraturan 36(6), sangkaan jahat. Dia kata, Batu Tiga kata saya tak nampak dia. Saya nampak kat depan je. Peraturan Tetap 36(6).

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya tarik balik.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ok. Terima kasih cadangan. Memangnya secara adil, secara adil adalah kita perlu ada satu perbadanan pengurusan bangunan untuk kita *manage* semualah untuk uruskan semua tetapi saya boleh bagi banyak contoh, di mana pangsapuri kos rendah yang berjaya ditadbirkan dengan baik seperti mana yang Dewan tahu bahawa saya tak umumkan bahawa pada hari Sabtu yang lepas kita telah ada satu program. Di mana program tersebut adalah program Himpunan JMB dan JMC Negeri Selangor di mana kita telah memberikan, memberikan hadiah kepada JMB yang berjaya, MC yang berjaya. Dan kita juga bagi hadiah untuk inovasi-inovasi dan banyak inovasi contohnya dia ada buat rumah sampah yang lain daripada yang lain. Ada yang buat laman hijau. Ada macam-macam. Ada yang buat kitar semula di mana ada satu pangsapuri yang dia jual, dia terima akan barang-barang kitar semula ni dan diberikan mereka yang menjual kepada JMB ni diberikan kupon. Kupon ini boleh beli barang di kedai di JMB yang ada di bangunan tersebut dan Kupon ini boleh digunakan untuk potong daripada harga daripada yuran *maintenance*. Memang, memang berjaya. Jadi saya tidak setuju mengatakan program kita tidak berjaya dan program ceria ini memang membantu sebab pangsapuri-pangsapuri yang dibina sebelum ini dalam keadaan yang menyedihkan dan tambah ceria ataupun program-program kita membaik pulih lif, bumbung dan juga tangki air dan sebagainya, mereka memang tidak akan ada sebarang sumber untuk membaikinya. Jadi memang, memang program kita ini berjaya tetapi kalau kita nak menyelesaikan keseluruhan memang pernah. Saya bersetuju sangat kalau kita ada satu perbadanan tetapi kita kena tengok akan kemampuan tersebut. Kita tidak mahulah apabila kita ada perbadanan orang mengatakan bahawa ini kerajaan, lagi orang tak bayar. Tapi berdasarkan kepada apa yang kita telah laksanakan di PPR HICOM memang berjaya di sana. Jadi bermakna bahawa Kerajaan Negeri akan melakukan kajian akan *feasibility study* dengan izin untuk mewujudkan perbadanan tersebut

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Timbalan Speaker, pengurusan pangsapuri ini memang satu masalah besar dan lama. Tetapi ada negara yang telah mengendalikan pangsapuri macam di Singapura. HDB. Pangsapuri bersih, beri efisien. Jadi apa salahnya kalau buat satu inisiatif Kerajaan sendiri, atau PBT sendiri yang mengendalikan pangsa-pangsapuri yang ada sekarang.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Apa yang dicadangkan oleh Ijok itu sama seperti Batu Tiga dan memang benar di Singapura yang mengendalikannya adalah PBTlah atau HTB dengan PBT. Jadi bermakna itulah saya mengatakan bahawa kita akan kaji dari segi pelaksanaan dan dari segi kos yang terlibat. Seterusnya adalah Gombak Setia telah meminta supaya kalau kita tawarkan ataupun apabila ada projek rumah Selangorku yang tidak dapat dijual. Ianya dibuka kepada pembeli-pembeli daripada kawasan-kawasan yang lain. Sekarang ni bagi mereka yang hendak membeli rumah membeli Selangorku kena mengisi borang dan kemudian mereka perlu menamakan mukim dan daerah di mana mereka hendak beli. Jadi bermakna cadangan Gombak Setia supaya kita memperluaskan. Mungkin kita akan meletakkan beberapa mukim dan beberapa daerah dan boleh *transfer* daripada satu daerah ke satu daerah dari segi permohonan. Dan *Insyallah* perkara ini akan dilakukan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada beza Yang Berhormat eh.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Ijok nak mencelah ya. Ini tentang memiliki Selangorku. Katakan senario seorang tu baru berkahwin, mereka keperluan Selangorku, rumah Selangorku itu mungkin satu atau dua bilik. Adakah rancangan ataupun skim katakan sepuluh tahun selepas itu, dia dah ada empat atau lima anak, memerlukan bilik tidur ataupun pangsapuri yang besar sikit. Boleh ke mereka jual balik rumah yang ada di kerajaan sebagai modal dan beli pangsapuri yang lebih besar dan selesa untuk keluarga?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih Ijok. Kita ada moratorium iaitu lima tahun tak boleh jual. Jadi bermakna bahawa selepas lima tahun mereka boleh jual. Saya rasa untuk mendapatkan empat anak mereka perlu lebih dari lima tahun.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Chempaka.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Sudah habis dah?

TUAN SPEAKER : Sudah habis. Silakan Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Pembangunan Belanjawan 2017 Negeri Selangor dalam Vot PK6, Wanita dan Kebajikan serta Vot PK18, Inisiatif Peduli Rakyat. Sesungguhnya keprihatinan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian amat dihargai dan diambil kira dalam merangka dasar-dasar serta program-program Kerajaan Negeri. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan, Taman Medan, Batu Tiga, Damansara Utama, Teratai, Ijok, Seri Serdang, Hulu

Klang, Rawang dan Hulu Bernam. Banyak yang disentuh tentang isu kesihatan terutamanya Skim Peduli Sihat seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa pembentangan Belanjawan 2017 sejumlah RM136 ribu. Maaf, sejumlah RM136,100,000.00 telah diperuntukkan untuk kesihatan rakyat. Dan ini adalah satu jumlah yang besar dan ia adalah sejumlah 7.7% daripada belanja pembangunan dan ini adalah sejajar dengan saranan WHO iaitu sebanyak 5% daripada belanja pembangunan. Manakala Kerajaan Pusat hanya berbelanja 4.2% sahaja untuk kesihatan dan dalam masa yang sama mengurangkan peruntukan kesihatan rakyat. Namun rakyat Selangor bersyukur di atas keprihatinan Kerajaan Negeri. Dan inilah satu-satu negeri di Malaysia yang mengambil berat tentang isu kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Program ini memberikan manfaat yang besar kepada rakyat terutamanya yang berpendapatan 40% terendah ataupun B40. Iaitu kelompok yang paling tertekan berikutan kenaikan kos sara hidup bagi tujuan perlindungan perubatan dan kesihatan keluarga. Skim Peduli Rakyat ini adalah untuk manfaat seisi keluarga termasuk golongan wanita suri rumah, ibu tunggal, anak-anak serta warga emas. Berkenaan dengan peruntukan kesihatan yang berjumlah RM136.1 juta ini pecahannya adalah seperti berikut:-

PECAHAN PERUNTUKAN KESIHATAN YANG BERJUMLAH RM136.1 JUTA	
Skim Peduli Sihat	125 Juta
Panel Dialisis Sihat Selangor	5 Juta
Program Bantuan Sihat Selangor	500 Ribu
Program Kawalan Dan Pencegahan Denggi Serta Zika	5 Juta
Program Gaya Hidup Sihat	600 Ribu

Untuk Skim Peduli Sihat ini menyediakan perkhidmatan percuma penjagaan kesihatan ataupun *primary care* untuk 250 ribu keluarga atau 1 juta rakyat Selangor yang berpendapatan isi rumah RM3000.00 ke bawah. Selain itu, skim ini juga diberi kepada individu yang berusia 21 tahun ke atas yang berpendapatan RM1500 ke bawah. Setiap keluarga yang layak akan menerima sehingga RM500.00 setahun dan bagi kategori individu akan menerima sebanyak RM200.00 setahun. Penerima skim ini boleh mendapatkan rawatan di seribu buah klinik berdaftar di Negeri Selangor. Ijok ada menyoalkan tentang adakah sekiranya keluarga tersebut telah menghabiskan peruntukan penggunaan sebanyak RM500.00 itu di pertengahan tahun apakah ada peruntukan tambahan? Maka jawapannya adalah tiada peruntukan tambahan kerana ia adalah peruntukan untuk setahun sahaja. Sementara untuk kedua iaitu sebanyak RM5 juta di peruntuk untuk aktiviti kawalan Denggi serta Zika. Kerajaan Negeri telah menambah peruntukan daripada RM1.5 juta pada tahun 2016 kepada RM5 juta ringgit bagi menangani wabak Denggi dan Zika. Dan ini adalah satu perkara yang ingin Kerajaan Negeri ingin laksanakan secara holistik pada tahun 2017 dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri begitu serius dalam menangani dan juga membuat kawalan terhadap Denggi inidan peruntukan ini akan digunakan untuk menambahkan aktiviti kawalan dengan

menambah penggunaan PCO (*Pest Control Operator*) di PBT-PBT. Sementara ketiga atas dasar kepedulian yang tinggi terhadap kos rawatan dialisis yang membebankan pesakit, maka Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kos membiayai rawatan dialisis sebanyak RM5 juta yang mana ianya dinaikkan berbanding 2016 yang hanya diperuntukkan sebanyak RM1.7 juta. Kerajaan Negeri juga untuk yang keempat bantuan kesihatan Sihat Selangor di mana Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM500,000.00 untuk memberikan kemudahan ataupun meringankan beban kewangan perbelanjaan menjalani pembedahan dan juga merawat kepada pesakit-pesakit yang memerlukan dan ini adalah untuk beberapa penyakit-penyakit ya, untuk membiayai kos perbelanjaan seperti pembedahan katarak mata, pembedahan anggota badan, pemberian kaki palsu serta bantuan perubatan. Program yang terakhir adalah di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, kita akan melaksanakan dan juga meningkatkan Amalan Gaya Hidup Sihat ataupun Kempen Amalan Gaya Hidup Sihat di kalangan rakyat Negeri Selangor. Program ini akan diteruskan pada tahun 2017 dengan program seperti Kempen Berjalan 10,000 Langkah, Kayuhan Jantungku, Pengamalan Pemakanan Sihat dan juga diteruskan Karnival Sihat Selangor di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program yang dinamakan Program Saringan Sihat Selangor yang mana di antara Program Saringan Sihat Selangor ini adalah melaksanakan ujian PSA iaitu ujian pengesanan *Prostate Specific Antigen* untuk kaum lelaki untuk mengesan kanser prostat. Inilah juga yang diutarakan oleh Y.B. Andalas ya, yang mana kita akan memulakan program tersebut. Seterusnya, Sekinchan bertanya tentang Insurans Kesihatan ADN. Insurans kesihatan untuk Ahli-ahli Dewan, untuk makluman semua program ini baru saja dilaksanakan selama setahun. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan Negeri bersedia menilai keberkesanan program tersebut dan mengalu-alukan cadangan penambahbaikan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dipertimbangkan. Namun, kita berdoa agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa sihat sejahtera agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaiknya. Taman Medan bertanya tentang peruntukan wanita...

TUAN TIMBALAN SPEAKER :Y.B. Seri Andalas minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tuan Speaker. So cadangan dari EXCO ialah untuk dapatkan *feedback* dari ADN kan, ya? So, kita BBC boleh tulislah dengan kita punya *suggestions* ya, untuk ADN, untuk EXCO ambil. Bukan buat kajian, pertimbangan dan luluskan apa yang kita nak minta tu, ya. Boleh ya?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Andalas. Kita pihak kerajaan menunggu cadangan, kertas cadangan daripada pihak BBC tentang program insurans kesihatan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat ini.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER :Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :Nak minta pencerahan daripada EXCO, daripada kerajaan. Kalau daripada Skim Peduli Rakyat ada peruntukan untuk rakyat pergi ke klinik swasta, di dalam skim untuk ADUN adakah ia hanya untuk *warded* sahaja dengan izin, masuk hospital dah sakit baru masuk apa boleh, baru boleh *claim* ataupun nak mencegah sebab Wakil Rakyat ni sebaiknya dia dijaga tahap kesihatannya. Makna cegah adalah lebih baik dan lebih murah daripada merawat. Bukan masuk hospital dah *transplant* itu dah ini baru nak *claim*. Jadi, saya bertanya kepada kerajaan adakah pencegahan ataupun *monitoring* tahap kesihatan ADUN ini masuk dalam skim itu?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker, masalah mental pun satu dari tiga ini ADN katakan mental juga. Tapi saya ingat bolehlah, kita bagi *suggestions* lah yang *primary health care* dengan *equity healthcare* juga.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Andalas dan juga Selat Klang. Perkara itu kita terima dan kita akan perbincangkan tentang berapakah nilai untuk ADN, untuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Seterusnya, saya terus kepada peruntukan daripada wanita daripada Taman Medan yang mana Taman Medan begitu prihatin dengan program-program pembangunan wanita. Berikut adalah pecahan bagi peruntukan Pemberdayaan Wanita dan Keluarga bernilai RM14.87 juta. Yang pertama, Pusat Wanita Berdaya sebanyak RM2 juta. Yang kedua, Institut Wanita Berdaya sebanyak RM1 juta. Seterusnya, Program Khas Pemberdayaan Ekonomi, Pendidikan dan Kerjaya RM9 juta dan yang keempat, Program-program Pembangunan Wanita sebanyak RM10 juta. Seterusnya, untuk P.K 18, di bawah Inisiatif Peduli Rakyat di bawah Skim Kesihatan Wanita untuk Mamogram sebanyak RM1 juta dan juga Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) 50,000, RM50,000.00 dan untuk Elaun Anak Ke Nurseri atau Si Kembar sebanyak RM820,000.00. Seri Serdang dan Batu Tiga

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :Sebelum itu ingin nak mencelah sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER :Baru sebut Batu Tiga dah...

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Haah, ya lah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER :Belum tanya dah jawab.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Bukan. Ni tak de 36,6. Tak ada. Yang saya nak tanya sebenarnya Tuan Timbalan Speaker pecahan bajet yang telah ditunjukkan tu ada sedikit saya ingin kepastian ya, sebab PWB dinyatakan hanya

RM2 juta akan diperuntukkan sedangkan tahun lepas tak silap saya hampir RM3 juta, ya. Jadi, apakah ada pengurangan dan kenapa pengurangan ini berlaku? Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Untuk tahun lepas, sebanyak RM3 juta adalah RM1 juta untuk Program-program Pembangunan Wanita dan RM2 juta adalah untuk PWB. Jadi, kita meneruskan dengan amaun yang sama sebanyak RM2 juta untuk PWB yang mana ia adalah pemberian ataupun peruntukan sebanyak RM30,000.00 kepada kesemua 56 DUN, PWB di seluruh Negeri Selangor. Untuk Pembangunan adalah sejumlah RM1 juta. Seri Serdang dan Batu Tiga bertanya tentang Institut Wanita Berdaya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Seri Serdang dan Batu Tiga yang memberikan saranan dan pandangan berkenaan Institut Wanita Berdaya yang akan kita laksanakan pada 2017. Kerajaan Negeri sentiasa mengiktiraf peranan wanita di Selangor dan inilah di antaranya kita akan melaksanakan penubuhan Institut Wanita Berdaya bagi menyediakan wanita-wanita ini membantu dan Institut ini adalah berperanan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menggubal polisi dan dasar-dasar serta kajian khusus berkaitan wanita untuk menambah baik kemaslahatan yang sedia wujud. Saranan daripada Y.B. Seri Serdang dan Batu Tiga agar pewujudan IWB ini mengambil kira akan cabaran dan isu wanita masa kini yang disenaraikan ya, oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat semalam amat saya hargai dan usaha-usaha ini akan kita sama-sama menanganinya dalam kita mengoptimalkan fungsi IWB ini di masa depan. Sementara Rawang bertanya tentang Skim Mesra Usia Emas, yang mana keperluan untuk menambahbaikkan program Skim Mesra Usia Emas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hasrat awal program SMUE ini diwujudkan adalah bagi tujuan manfaat khairat kematian. Namun demikian, cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memberikan manfaat kepada golongan warga emas masih hidup akan dipertimbangkan untuk penambahbaikkan program ini. Sementara Batu Tiga bertanya tentang Portal Ibu...

Y.B. PUAN GAN PEI NEI :Tuan Timbalan Speaker, saya nak mohon sedikit penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER :Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI :Saya difahamkan Y.B. EXCO telah berjumpa dengan dan sebelum ini Jawatankuasa ada memberi cadangan untuk penambahbaikkan khasnya untuk Skim Mesra Usia Emas ini. Jadi, boleh saya tahu bila agaknya kita boleh dapat satu maklum balas yang *confirm* tentang apa program yang akan dilaksanakan? Sebab ramai usia, warga usia emas nak tanya dengan kita. Mereka sudah daftar lama, bila mereka boleh dapat juga manfaat seperti golongan yang lain?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Rawang. Kita akan

maklumkan kepada Rawang selepas, dengan bertulis. Tentang Portal Ibu yang dikemukakan oleh Batu Tiga, sebenarnya Portal Ibu itu telah pun diintegrasikan dan dikemas kini kepada sebuah portal baru yang dinamakan '*wanita.selangor.gov.my*' yang mana di dalam portal baru ini mengandungi informasi dan maklumat berkaitan program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri Selangor termasuklah pendaftaran dan semakan untuk ibu tunggal ini. Sementara tentang pertanyaan Batu Tiga tentang peruntukan Si Kembar yang mana Batu Tiga melihat bahawa Si Kembar telah diturunkan kepada RM820,000.00, sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan program ini daripada RM500,000.00 pada tahun 2015 dan 2016 kepada RM820,000.00 bagi tahun 2017 agar lebih ramai lagi ibu bapa dapat memohon dan menerima bantuan Elaun Anak Masuk Nurseri ini. Hulu Bernam pula menyinggung ya, menyinggung tentang PWB ya, saya kira Hulu Bernam juga menyinggung perasaan para Penyelia PWB kita yang ada di merata seluruh Negeri Selangor ini, 56 orang daripada mereka seolah-olah menafikan sumbangan dan usaha gigih para Penyelia PWB dan wanita secara amnya yang telah terlibat secara langsung dalam Program-program PWB di seluruh Negeri Selangor. Ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sehingga kini sebanyak 56 Pusat Wanita Berdaya telah berjaya diwujudkan dan ianya benar-benar *visible*, benar-benar kewujudannya dapat dirasakan dan ia menjadi pemangkin kepada wanita setempat untuk mencari ilmu, kemahiran dan meningkatkan jati diri serta mencungkil potensi wanita sama ada dari segi kemahiran dan juga membantu mereka menjana pendapatan sampingan keluarga. Jadi, saya kira apa yang disebut oleh Hulu Bernam adalah tidak benar dan saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada bersama dengan kita pada hari ini juga boleh memberikan *compliment* terhadap perkara tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER :Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ucapkan tahniahlah kepada Y.B. EXCO kerana dalam soal PWB ini kita mesra wanita, kita memang banyak membantu ya. Jadi, saya nak tanya sama ada Y.B. Hulu Bernam dia cuba singgung usaha baik kita yang cuba perjuangkan naikkan martabat wanita ini. Beliau cuba singgung, adakah beliau cemburu dengan kejayaan Negeri Selangor ini?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Sekinchan. Saya kira itulah sebenarnya yang dirasakan oleh Hulu Bernam kerana PWB di Hulu Bernam juga begitu aktif dan begitu banyak program-program yang dilaksanakan untuk wanita-wanita di Hulu Bernam. Kursus dan program PWB...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER :Bukit Gasing minta.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Silakan, silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :Memang seperti Yang Berhormat EXCO kata banyak sumbangan PWB jadi saya nak sarankanlah hari ini kita naikkanlah elaun mereka RM1,500.00 ni memang terlalu sedikitlah untuk mereka yang bekerja begitu keras. Naikkanlah sekurang-kurangnya RM2,000.00 kalau tak RM2,500.00.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Bukit Gasing. Itu adalah satu saranan yang amat dihargai oleh para Penyelia PWB kita. Namun, ia perlu diperbincangkan dulu di peringkat Kerajaan Negeri.

Seterusnya di peringkat PWB pelbagai kursus-kursus dan bukan hanya masakan dan jahitan seperti yang dinyatakan oleh Hulu Bernam tetapi setiap Penyelia PWB juga perlu merangka program-program keilmuan untuk mempertingkatkan jati diri wanita. Antaranya beberapa kursus-kursus yang kita laksanakan iaitu kursus kefahaman gender, keusahawanan, pengurusan kewangan berkhemah kursus nutrisi pemakanan dan kesihatan serta aktiviti kecergasan dan kesihatan untuk wanita. Jadi memang pelbagai program-program yang kita laksanakan. Merujuk kepada data kita, sepanjang

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta penjelasan sikit, minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Tuan Timbalan Speaker. Saya nampak tadi Yang Berhormat EXCO dah jawab soalan kepada Yang Berhormat Hulu Bernam dan sebagainya tetapi saya sedih. Hulu Bernam, wakil-wakil daripada Pembangkang apabila EXCO gulung, EXCO bagi jawapan mereka tak hadir, mereka tak datang tetapi mereka bagi tuduhan, bagi serangan macam-macam dan sekarang mereka buat PC. PC di luar Dewan. Ini bukan tanggungjawab kerja sebenarnya Ahli Dewan Negeri. Mereka sepatut bahas, kemudian tunggu kerajaan gulung, tunggu jawab dan mereka boleh tanya balik tetapi sekarang mereka tak mahu. Lepas soalan mereka hantam sahaja, mereka serang sahaja. Ini wajah sebenar Barisan Nasional, UMNO Pembangkang yang tidak bertanggungjawab, kita tolak dia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Seri Muda sokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teruskan Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:Terima kasih Sekinchan. Benar, ya, memang inilah bagaimana mereka

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nanti Y.B. Saya juga kena tambah lagi satu, belum cukup. Saya betul, saya dah lama, dari dua minggu ini, dua minggu hari yang ke 10 ini saya tengok termasuk Pelabuhan Klang, Yang Berhormat Pelabuhan Klang tuduh air di luar. *Surprise lah* Twiter. Kalau nak guna twiter jangan jadi ADN. Jadi ADN Twiter sudah. Tak payah guna twiter, datang ke sini tunggu jawapan, tak datang. Lebih seminggu tak balik kawasan dan sebagainya. Ini apa punya kerja ni. Sekian, terima kasih. Mohon pencerahan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Saya sokong.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sekinchan. Saya benar-benar setujulah dengan pandangan daripada Sekinchan tersebut. Jadi saya teruskan kepada pembentangan ini. Merujuk kepada data kita sepanjang tahun 2015 sebanyak 735 program telah dilaksanakan oleh PWB dan ianya melibatkan penglibatan lebih daripada 30,846 orang wanita manakala untuk tahun 2016, sebanyak 611 program telah dilaksanakan dan penglibatan lebih daripada 80,000 orang wanita. Dan ini bermakna Hulu Bernam juga telah ketinggalan zaman kerana merujuk kepada portal *facebook* PWB yang lama yang disebutkan ianya tidak *update* sejak 2014 yang mana ia adalah portal yang lama manakala kita telah ada portal ataupun *fan page* PWB Selangor yang baru dan juga kita mahu supaya Hulu Bernam juga menjadi rakan kepada *fan page* PWB Selangor ini supaya boleh tahu apakah aktiviti-aktiviti dan program-program yang dilaksanakan oleh para Penyelia PWB kita di seluruh Negeri Selangor.

Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya sebut tadi 10 bidang fokus yang saya gariskan dalam PWB iaitu Program untuk memberdayakan wanita seperti latihan-latihan serta kursus-kursus seperti kepimpinan, pendidikan, ekonomi hawa, hak dan undang-undang wanita serta 10, maknanya 10 bidang fokus ini kita laksanakan di peringkat DUN-DUN melalui PWB-PWB kita. Jadi, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil, mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Sebelum tu

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Batu Tiga minta sebelum Sementa duduk.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:*Alhamdulillah.* Terima kasih, saya ucapkan terima kasih sebab EXCO Sementa, eh EXCO Sementa pulak. Daripada Sementa telah pun menjawab isu yang saya bangkitkan. Tinggal lagi saya ingin memberi saranan, tadi saya sempat buka portal yang berkaitan dengan ibu tunggal, saya tidak nampak apa-apa informasi tambahan, hanya sekadar borang. Jadi saya

mencadangkan supaya Alhamdulillah, bila adanya portal ini, kita cadangkan supaya muat turunkan banyak perkara-perkara yang ada manfaat kepada ibu tunggal supaya mereka boleh lihat, boleh *refer* dan ambil maklum apa program-program kerajaan telah buat, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Kita ambil maklum saranan daripada Batu Tiga. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sementa. Sekarang saya persilakan Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan dari Dewan yang telah pun mengambil perbahasan dalam Usul Bajet Peruntukan Pembangunan 2017. Sebagai permulaan, saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu bekalan air yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan khususnya Yang Berhormat Damansara Utama, Yang Berhormat Dengkil, Yang Berhormat Bukit Gasing, Yang Berhormat Balakong, Yang Berhormat Gombak Setia yang mana telah pun membangkitkan berkenaan bekalan sumber air di Negeri Selangor termasuklah kempen jimat air, pemberian rebet dan juga insentif serta pelbagai isu pengagihan air yang saya kira sebahagian besarnya telah pun diperjelaskan oleh Bukit Antarabangsa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, air merupakan keperluan asas kepada rakyat. Oleh itu Kerajaan Negeri memandang serius dan sedar bahawa keselamatan berkenaan air *water security* dengan izin masa kini adalah merupakan satu perkara yang perlu ditangani melalui perancangan yang bijaksana.

Berkaitan dengan penambahbaikan Sistem Agihan Bekalan Air, Kerajaan Negeri telah pun mempertingkatkan Sistem Bekalan Air di Negeri Selangor bermula sejak tahun 2012 di mana Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek Integrasi Satu iaitu Projek Menaik taraf Skim Sungai Selangor Fasa Satu sebagai projek mitigasi kekurangan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Projek Mitigrasi Satu menelan belanja sebanyak RM50 juta bertujuan meningkatkan kapasiti bekalan air di Loji Sungai Selangor Fasa Satu dari 764 glh ke 955 glh. Projek ini telah siap dan dioperasikan oleh SPLASH pada 31 Mac 2013.

Seterusnya Kerajaan Negeri telah melaksanakan Projek Mitigrasi Dua bagi tujuan untuk menambahbaikkan sistem agihan sedia ada dalam usaha untuk mengagihkan kapasiti pengeluaran oleh Loji Rawatan Air kepada pengguna. Projek ini menelan belanja sebanyak RM327 juta dan siap sepenuhnya pada 28 April 2016. Dengan siapnya Mitigrasi Dua tersebut sejumlah 227 juta liter air terawat dapat ditambahkan kepada sistem agihan kepada pengguna. Selain daripada itu, Projek Mitigrasi Dua bertujuan untuk memastikan semua sistem agihan sedia ada dapat berfungsi dalam

merealisasikan matlamat untuk mewujudkan keterhubungan sistem agihan *interconnectivity* dengan izin.

Pembekalan air loji yang henti tugas boleh ditampung oleh bekalan air daripada loji rawatan air yang lain. Pada ketika ini Kerajaan Negeri Selangor sedang melaksanakan projek Mitigasi Tiga yang terdiri dari projek penggantian aset dan menaik taraf loji pembersihan air Sungai Langat yang melibatkan kos sebanyak RM48.2 juta dan Projek Menaik Taraf 8 Rumah Pam Air Terawat yang beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk dengan kos sebanyak RM49.1 juta.

Sebaik saya mengambil pengurusan dan operasi SYABAS, Air Selangor juga telah membuat pengauditan ke atas aset-aset bekalan seperti tangki air, kolam air, dari aspek struktur dan keupayaan teknikal dan mendapati terdapat lebih kurang 50 kolam dan 40 rumah pam yang tidak diguna pakai disebabkan pelbagai masalah seperti kebocoran kepada kolam, kerosakan kepada peralatan dan perkakasan, pencerobohan, kecurian dan juga vandalisme. Jumlah kapasiti simpanan air dari sejumlah 50 kolam ini adalah sebanyak 239 juta liter. Kolam dan tangki air ini termasuk yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil. Dalam usaha ini, Air Selangor telah memperuntukkan bajet CAPAX sejumlah RM27 juta untuk membaiki dan mengguna pakai semula kolam-kolam ini. Namun demikian, ia tertakluk kepada Belanjawan 2017 dan pelan perniagaan 2017/2019.

Bagi isu rumah pam Taman Bukit Belimbing. Peralatan mekanikal dan elektrik perlu dibaiki sebelum tangki air di Bukit Belimbing boleh digunakan semula. Bajet telah diperuntukkan pada tahun ini untuk menjalan kerja-kerja pembaikan dan penggantian peralatan mekanikal dan elektrik di rumah pam tersebut. Kita difahamkan oleh Air Selangor tender untuk kerja-kerja untuk pembaikan telah dikeluarkan dan kerja-kerja pembaikan dijadualkan akan bermula pada akhir tahun ini.

Berkenaan dengan status projek menambah baik dan menaik taraf struktur air di Empangan Sungai Tinggi sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama, projek ini telah pun siap pada 20 Jun 2016. Tempoh tanggungan kecacatan adalah selama 24 bulan sehingga 19 Jun 2018. Pada ketika ini, pengepaman air ke Empangan Sungai Tinggi boleh dibuat tertakluk kepada keadaan paras sungai. Seperti hari ini, paras Sungai Selangor mencapai 19 meter maka pengepaman air ke Empangan Sungai Tinggi telah dijalankan. Sekiranya paras sungai bergantung

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Damansara Utama minta penjelasan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Sebab saya, apa yang saya tidak faham ialah peruntukan telah diperuntukkan di bajet yang 2016 dan projek sudah siap tetapi sekarang kita ada 30,000 lagi yang kita kena belanja. Apakah ini 30,000 ini perbelanjaan ini.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Damansara Utama. Seperti yang saya maklum tadi bahawa projek ini telah pun siap, RM30,000.00 saya akan membuat semakan. Walau bagaimanapun, seperti mana yang kita faham, bahawa dia masih lagi dalam proses tanggungan kecacatan, bermakna *claim* atau tuntutan tidak boleh dilakukan *hundred percent*.

Cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama juga berkenaan dengan Kempen Jimat Air, Rebet Kepada Pengguna dan Insentif kepada industri adalah merupakan satu cadangan yang sangat baik. Kerajaan Negeri pada masa ini telah pun memberikan tumpuan untuk menerapkan Falsafah Hijau dalam konservasi air dan penggunaan semula air. Umpamanya industri yang tidak perlu menggunakan air terawat boleh menggunakan *recycle water* atau air tidak terawat. Sementara itu, pengguna isi rumah juga harus bertanggungjawab memastikan supaya penggunaan air terawat tidak dibazirkan dengan aktiviti yang tidak memerlukan penggunaan air terawat. Seperti mana yang kita tahu bahawa penggunaan air per kapita *per day* sangat tinggi bagi rakyat Malaysia sebanyak 250 liter itu perlu diberikan perhatian yang jumlah ini merupakan antara yang tertinggi di Asia Tenggara.

Oleh yang demikian, bagi memastikan anjakan paradigma dalam trend penggunaan dan juga perubahan sikap masyarakat ke atas kepentingan penggunaan bekalan air, maka Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan kempen jimat air secara yang lebih agresif dalam usaha untuk menggalakkan penjimatan air dalam usaha untuk mencipta keseimbangan antara permintaan dan bekalan. Pengguna isi rumah juga harus bertanggungjawab untuk memastikan supaya penggunaan air terawat tidak dibazirkan dengan aktiviti yang tidak memerlukan penggunaan air terawat seperti menyiram pokok bunga, membasuh kereta dan sebagainya.

Dalam usaha untuk memastikan menggunakan air yang lebih efisien untuk menjamin bekalan air di masa hadapan, Kerajaan Negeri bersedia untuk mengkaji dan meneliti cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Damansara Utama mengenai pemberian rebet dan insentif kepada pengguna yang menggunakan peranti ataupun peralatan jimat air atau kepada industri yang menggunakan air terawat tetapi menggunakan *recycle water* ataupun air yang tidak terawat ataupun melalui sumber-sumber yang lain.

Bukit Gasing ada membangkitkan berkenaan dengan projek HORAS Tiga Ribu yang mana ia dicadangkan untuk dibangunkan di Bestari Jaya dan dalam peringkat akhir kajian yang sedang dikendalikan oleh pihak LUAS. Tarikh siap HORAS Tiga Ribu belum dapat ditentukan lagi. Namun demikian, pelaksanaan HORAS Tiga Ribu telah disenaraikan di dalam projek pembangunan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas sebagai salah satu langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan kecukupan air mentah sehingga tahun 2050. Dan kawasan ini yang

berjumlah 4,200 hektar ini telah pun di wartakan sebagai Zon Perlindungan Kolam Sumber Air Alternatif di bawah Seksyen 8 Enakmen LUAS 1999. Seterusnya Dengkil.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Mana Dengkil. PC. ADUN patut masuk ke sini, betul tak. Patut masuk di sini, tunggu jawapan daripada EXCO. EXCO sediakan jawapan dengan pegawai-pegawai dua, tiga hari sediakan jawapan. Tetapi Dengkil tak dengar, entah ke mana, buat PC kat luar. Inilah wajah sebenar Wakil Rakyat Pembangkang yang ada hari ini. Lagi teruk dan yang paling teruk. Kalau kita di peringkat Parlimen, kita minta jawapan daripada kerajaan, minta Perdana Menteri datang jawab, tak datang, nombor *one* tak datang, Perdana Menteri tak datang, tak berani datang tetapi Menteri Besar kita Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tahniahlah, EXCO, semua ada, tunggu, bersedia bila-bila masa untuk jawab, nak jawab Pelabuhan Klang ke, isu air ke, pembangkang ke boleh jawab. Tetapi tengok, tengok sekarang nak jawab, Dengkil tak ada. Saya puji sedikitlah yang jujur tu, Air Tawar dan Malawati dan Yang Berhormat Damansara.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan 1.00 petang, saya tangguh sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER :Dewan disambung semula. Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyambung ulasan berkenaan dengan perbahasan oleh Dewan berkaitan dengan usul bajet peruntukan pembangunan 2017.

Dengkil, saya kira saya akan bagi jawapan secara bertulis. Sekinchan ada membangkitkan berkenaan dengan lampu isyarat. Lampu isyarat yang dimaksudkan oleh Sekinchan adalah sebenarnya berada di Jalan Persekutuan FT5 di bawah seliaan JKR Malaysia. Pada masa ini, terdapat projek menaik taraf jalan persekutuan FT5 dan penyeliaan lampu isyarat tersebut adalah di bawah kontraktor Mangku Bumi Sdn. Bhd. Tindakan untuk menutup lampu isyarat tersebut adalah disebabkan oleh isu vandalisme. Pihak JKR Sabak Bernam akan bertindak untuk mengaktifkan semula lampu isyarat tersebut sekiranya ada aduan dibuat. Maka Sekinchan kena bantu buat aduan dan juga membantu untuk kurangkan vandalisme.

Kota Damansara, projek menaik taraf sistem perparitan di Kampung Melayu Subang telah bermula pada 1 November 2016 dan dijangka siap pada 1 November 2017. Dengan tempoh kontrak selama 12 bulan. Bagi status semasa projek ini, kerja-kerja awalan seperti kerja ukur tanah dan kerja pemetaan utiliti bawah tanah sedang dilaksanakan di tapak. Untuk pengetahuan Kota Damansara. Berkaitan dengan jalan Atmosfera.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Tuan Speaker.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :Ya.

TUAN SPEAKER :Ya, Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Minta penjelasan sikit. Ok. Saya nak minta penjelasan sikit berkenaan dengan kerja-kerja tebatan banjir di Kampung Melayu Subang ni. Memanglah kerja-kerja (sebenarnya kerja-kerja ini dah dijalankan awal). Dah jalankan awal. Cuma apa yang saya nak minta Y.B.EXCO jelaskan pemilik-pemilik rumah di sekitar sungai tersebut telah diberi notis untuk mengosongkan tempat tinggal mereka. Saya tak faham sebab kebanyakan mereka itu setakat ini dah 10 orang yang mendapat notis ini dan mereka ini sebenarnya mempunyai geran tanah. So, saya nak minta penjelasan daripada Y.B.EXCO.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Kota Damansara. Berkaitan dengan notis pengosongan itu saya kira saya akan rujuk kepada pihak berwajib (Pejabat Tanah dan Daerah) yang berkaitan supaya dapat maklumat yang tepat.

Berkaitan dengan Jalan Atmosfera di Daerah Petaling adalah sebenarnya di bawah (masih lagi di bawah) pemaju Worldwide dan belum diserahkan kepada pihak Majlis

sebab ada beberapa rumah persendirian dalam simpanan jalan dan jalan ini di bawah tindakan Pejabat Daerah Petaling.

Seri Serdang ada membangkitkan persoalan dengan Jalan Lestari Putera 3 ke Desa Milenium. Beliau juga tidak ada di Dewan. Saya kira saya akan bagi jawapan secara bertulis. Y.B. Rawang pun tiada, jadi saya akan bagi jawapan secara bertulis. Y.B. Sabak pun tak ada. Ok, saya akan bagi jawapan secara bertulis. Y.B. Seri Andalas berkaitan (Andalas ada?). Ada. Ok.

TUAN SPEAKER : Taman Templer, saya bagi 10 minit lagi.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :Permohonan pemasangan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kebun – Sungai Kandis tidak disokong oleh pihak JKR Selangor disebabkan oleh beberapa justifikasi. Antaranya, dianya tidak menepati standard dan kriteria sebagai mana dalam arahan teknik jalan dan juga tiada *storage lane* bagi laluan terus susur kiri dan jarak yang dekat di antara cadangan lampu isyarat itu dengan lampu isyarat yang sedia ada. Jadi ia tidak memenuhi justifikasi untuk diwujudkan sebuah lampu isyarat yang baru.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Boleh saya tanya? Saya nak satu *solution* di sana. Ya, kawasan itu memang padat, kiri kanan ada tanam taman dan jalan-jalan di tepi. Macam mana kita nak atasi masalah? Walau ada alasan teknikal dan sebagainya, kita terimalah. Kita faham. Tetapi orang kampung dengan orang taman nak satu solusi untuk kawasan ini dimajukan dan baiki. Ada banyak projek-projek *development* yang sekarang akan timbul di dalam kawasan itu. Memang ramai lebih orang akan duduk dalam kawasan itu. So, macam mana kita nak atasi masalah? Itu saja saya nak tahu.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :Ok, terima kasih Seri Andalas. Saya hanya bagi jawapan berkaitan dengan cadangan untuk wujudkan lampu isyarat. Berkaitan dengan macam mana untuk penyuraian trafik itu saya kira perlu ada satu sesi yang lain bersama dengan Seri Andalas ataupun pihak-pihak yang berwajib untuk memikirkan cara dan kaedah yang terbaik untuk menyelesaikan permasalahan trafik di sana.

Tuan Speaker, saya perlu masa yang lebih sebab ada beberapa isu lain yang perlu dibangkitkan. Kuala Kubu membangkitkan berkaitan dengan persimpangan (menaik taraf persimpangan dan menggantikan jambatan di Jalan KualI Rasa ke laluan persekutuan 1). Bagi peringkat awal, sebarang perbelanjaan bagi projek ini akan ditempatkan di bawah butiran P12-01006 Kerja-kerja permulaan. Permohonan peruntukan bagi tahun seterusnya di bawah butiran projek P12-04801 akan dibawa pada tahun-tahun yang akan datang. Anggaran kos keseluruhan projek adalah RM20juta seperti mana telah dimasukkan dalam RMK-11.

Sabak Bernam, saya akan bagi jawapan secara bertulis. Teratai berkaitan dengan membaik pulih cerun seluruh Selangor. Begitu juga dengan memasang *hang railing* di kawasan cerun yang memerlukan pemakaian peruntukan di bawah P12-01001 boleh digunakan untuk memasang *hang railing* atas faktor keselamatan pengguna. Ini adalah untuk cerun-cerun yang di bawah tanggungjawab penyelenggaraan JKR Selangor. Di bawah peruntukan Butiran P12-02 membina jambatan jejantas boleh diperuntukkan untuk membina jejtintas dan jambatan di Jalan Negeri sahaja. Ini merujuk kepada jejtintas di Taman Selayang.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :Boleh celah?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Ya. Silakan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :Terima kasih Y.B.EXCO. Bagi Jalan Mawar, sebenarnya ialah di bawah penyelenggaraan JKR. Y.B.EXCO, bagi JD JKR Hulu Langat, sebenarnya beliau pernah telah turun padang dan permohonan ini telah Teratai kemukakan sejak 2 tahun yang lepas. Teratai rasa pelik kenapa jejtintas yang begitu penting untuk menjadi salah satu kemudahan keselamatan untuk pelajar dan penduduk sekitar tidak dapat dibina dengan tempoh masa yang pendek. Jadi dalam Sidang DUN ini yang merupakan kita kena kemukakan isu-isu berkenaan dengan bajet. Teratai memang berharap supaya Y.B.EXCO dapat mempertimbangkan berkenaan dengan pembinaan jejtintas ini yang merupakan satu infrastruktur yang sangat penting untuk penduduk-penduduk setempat.

Dan Teratai merujuk balik kepada isu cerun. Teratai difahamkan bahawa setakat masa kini, MPAJ masih mempunyai rekod yang mana sebelum ini kerajaan Selangor telah memberikan RM10juta sebagai geran pinjaman kepada MPAJ untuk menyelenggarakan cerun. Jadi bagi penyelenggaraan cerun memang ia melibatkan kos yang tinggi dan sebelum ini Teratai difahamkan bahawa kerajaan Selangor akan meletakkan satu garis panduan macam mana MPAJ boleh menukarkan geran pinjaman ini kepada satu geran Kerajaan Negeri. Teratai tanya sama ada garis panduan itu telah ditetapkan ataupun kerajaan Selangor boleh mempertimbangkan supaya geran pinjaman itu boleh ditukar kepada geran Kerajaan Negeri kepada MPAJ supaya rekod pinjaman itu dapat ditukarkan dan tidak merupakan beban kepada MPAJ. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :Terima kasih Teratai. Berkaitan dengan jejtintas itu, keprihatinan Teratai akan diambil untuk dilihat dari sudut prioriti pelaksanaan ataupun pembinaan jejtintas yang dimaksudkan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :Minta celah. Puan Pengerusi, sebab saya memang (Puan Speaker) yang ini memang sangat penting di kawasan Teratai dan sehingga masa kini sudah 2 tahun. Teratai tidak tahu mengapa permintaan Teratai atas kemudahan jejtintas ini boleh ditinggalkan ataupun apakah masalah kekangan

yang dihadapi oleh JKR ataupun oleh pejabat Y.B.EXCO sehingga bagi permohonan jejantas ini tidak boleh dipertimbangkan. Jejantas yang standard sahaja. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Teratai. Saya mengulangi jawapan yang disebutkan tadi. Memang benar dari sudut keperluan dan sebagainya tapi juga dilihat dari sudut prioriti ataupun keterbatasan peruntukan dan sebagainya. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Teratai, perkara ini akan disemak kembali dari sudut keutamaan untuk dilaksanakan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :Ingin mencelah. Y.B.EXCO, sebab di kawasan Jalan Mawar ini, dia selalunya berlaku kemalangan dan pernah berlaku beberapa kemalangan maut yang meragut nyawa pelajar dan penduduk. Adakah Yang Berhormat ini tidak diutamakan? Yang mana kerajaan Selangor (kita) ialah kerajaan yang prihatin, yang pedulikan rakyat. Memang Teratai berharap bagi permohonan jejantas yang merupakan (bukan satu jejantas yang mewah) tetapi satu jejantas yang standard saja. Teratai berharap supaya kerajaan Selangor boleh mengambil (meluluskan) permohonan ini yang mana telah dikemukakan 2 tahun yang lepas.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :Ok, terima kasih Teratai. Kita *take note* perkara itu. Saya beralih kepada Dusun Tua berkaitan dengan lampu isyarat di Taman Kota Cheras sebenarnya di bawah PBT bukannya di bawah JKR ataupun di bawah Kerajaan Negeri.

Sungai Pelek berkaitan dengan jalan Kampung Salak Tinggi ke Rancangan Tanah Belia (RTB) di Kampung Labuh Lanjut. Jalan ini telah dimasukkan dalam program pembaikan di bawah Central Contract tahun 2017 sepanjang 6.8kilometer penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, keperluan jalan untuk tujuan pelebaran dan naik taraf akan dipohon untuk tahun yang akan datang untuk 2018. Manakala jalan di Kampung Bagan ke Avani rosak. Pembaikan jalan ini akan dimasukkan di bawah peruntukan MARRIS tahun 2017.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Satu lagi soalan tambahan. Tentang itu jalan pertanian macam mana?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :Jalan pertanian saya akan jawab kemudian.

Sungai Burong, tak ada. Ok saya akan jawab secara bertulis. Seri Andalas ada bangkitkan berkenaan dengan masalah banjir kilat di daerah Klang dan perlukan kepada tumpuan. Untuk pengetahuan Seri Andalas bahawa dalam RMK-11, daerah Klang telah diluluskan syiling projek sebanyak RM108juta untuk kerja-kerja pembangunan projek tebatan banjir di mana RM36.5juta untuk menaik taraf saluran, RM7juta untuk kerja-kerja pembangunan pantai dan ini melibatkan kos keseluruhan

sebanyak RM151.5juta untuk kerja-kerja mengatasi masalah banjir kilat dan air pasang besar di daerah Klang. Ini melibatkan 23 projek yang akan dijalankan dalam RMK-11. Untuk projek yang akan dijalankan antaranya ialah untuk menaik taraf saliran utama, menaik taraf kunci air kepada pintu air pasang surut, pembinaan rumah pam, menaik taraf benteng pantai dan juga kerja penstabilan tebing. Dengan terlaksananya projek-projek ini diharap dapat mengurangkan kejadian banjir yang sering berlaku di daerah Klang dan apa yang saya ingin simpulkan di sini bahawa memang daerah Klang menjadi tumpuan untuk projek-projek tebatan banjir.

Sekinchan ada bangkitkan berkenaan dengan kerja-kerja menaik taraf palong. Kerja-kerja naik taraf palong sebenarnya dia di bawah federal (IADA Barat Laut). Untuk pengetahuan peruntukan RM300,000.00 telah siap dilaksanakan kerja-kerja naik taraf palong pada Oktober 2016. Manakala keseluruhan kos projek untuk menaik taraf keseluruhan anggaran 20km panjang palong yang kritikal RM12.9juta daripada peruntukan federal RMK-11 daripada Kementerian Pertanian (MOA) untuk kerja menaik taraf palong Skim Pengairan Barat Laut Selangor di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Kajian bagi menaik taraf sistem tersebut juga diuruskan di peringkat Kementerian.

Bagi benteng Sungai Labu, kerja-kerja pembaikan dan meninggikan benteng laut di Parit 6 bagi menghadapi air pasang besar telah siap 85% dan akan selesai sepenuhnya pada jangkaan 9 Disember 2016. JPS Selangor telah memohon untuk menaik taraf benteng-benteng laut di Selangor kepada pihak JPS Malaysia termasuklah benteng laut Sungai Labu Parit 6 dan benteng laut Parit 5 Sekinchan. Untuk tujuan rekreasi, memang kita tiada masalah dan mengalu-alukan.

Kota Damansara berkaitan dengan kelewatan pelaksanaan projek di Sungai Pelempas Kampung Melayu Subang. Ada beberapa punca. Antaranya adalah pencerobohan rizab sungai dengan pembinaan struktur seperti rumah, stor dan juga tempat letak kereta sebanyak 41 unit yang perlu penguatkuasaan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Bancian telah dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah dan notis sebenarnya pun telah dikeluarkan pada 9 Disember 2016.

Y.B.DATUKHALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Nak minta sikit penjelasan daripada Y.B.EXCO. Tapi ada di antara mereka mempunyai geran tanah jua di kawasan tersebut sebenarnya. Kena diambil kira juga mereka yang memang dah ada geran tanah di situlah.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Ok, terima kasih Kota Damansara. Saya kira di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah, mereka arif tentang perkara ini. Berkaitan dengan yang pencerobohan dan yang ada geran tanah. Berbeza dari sudut cara untuk kita menghadapinya. Pengambilan balik tanah yang melibatkan 20 lot tanah untuk pengetahuan Kota Damansara termasuk 3 lot rizab Melayu juga terlibat dan pelan pengambilan balik tanah yang dibuat oleh juruukur telah pun 95%

siap. Pelepasan satu lot tanah persekutuan yang melibatkan kawasan Lapangan Terbang Subang dan perbincangan teknikal telah dibuat pada 8 November 2016 dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membincangkan permohonan pelepasan hak milik tanah itu antara sebab mengapa sebab sedikit kelewatan. Pandamaran ada bangkitkan berkenan projek tebatan banjir. Sebenarnya di sana ada 2 projek dibangkitkan semalam kenapa ditulis RM7.5 juta tapi dimaklumkan sebenarnya RM3 juta sahaja. Di sana ada 2 projek. Projek tebatan banjir Pandamaran dengan kos syiling projek RM7.5 juta. Untuk RM11.00 dan juga projek menaik taraf Pintu Air Jalan Papan dengan kos projek sebanyak RM3 juta. Maka semuanya 10.5, maka Pandamaran tak perlu risau tentang RM7.5 jadi RM3 juta. Satu projek menaik taraf kunci air di 51 Jalan Papan Pandamaran ke pintu air pasang surut, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor adalah dalam proses reka bentuk terperinci juru ukur dan perunding telah dilantik dan dokumen tender telah siap pada bulan November iaitu bulan ini 2016 dan tender dijangka di iklan pada bulan Disember 2016. Rancangan bagi RTB Pandamaran pada tahun hadapan adalah untuk lantikan juru ukur dan perunding pada tahun 2017 peruntukan diluluskan hanya 500 ribu untuk reka bentuk.

Teratai berkaitan dengan pembinaan perangkap sampah di Sungai Kerayong. Untuk pengetahuan Teratai, sebahagian daripada Sungai Kerayong sebenarnya terletak di dalam Wilayah Persekutuan terdapat sebuah *log boom* bersekali dengan *Automated Trash Skrin* dengan izin dan sebuah loji rawatan sungai RWTP yang dibina di bawah projek *River Of Life* (ROL) yang selenggara oleh JPS Negeri Selangor yang bertujuan untuk memerangkap sampah-sampah dan merawat pulih kualiti air sungai. Memang terdapat perancangan untuk pembinaan lebih banyak perangkap sampah-sampah di sepanjang Sungai Klang untuk makluman kerja-kerja untuk reka bentuk terperinci sedang dilaksanakan untuk reka bentuk struktur sampah untuk setiap saluran masuk Sungai Klang yang melibatkan daerah Petaling daerah Klang dengan kos projek sebanyak RM25 juta dan kerja reka bentuk dijangka siap pada akhir tahun 2016. Seterusnya Ijok tak ada, saya akan bagi jawapan secara bertulis dan akhir Sungai Pelek bangkitkan tadi sebenarnya jalan yang dimaksudkan jalan pertanian sungai Belangan dan jalan Lapis Hulu Cucuh di Sungai Pelek itu sebagai di bawah pertanian dan pengairan di masih lagi di bawah Pejabat Tanah dan Daerah. Di mana tujuan jalan ini untuk pertanian bagi kegunaan 100 pekebun kecil dengan panjang 10 kilometer serta anggaran kos RM1.5 juta. Pihak Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian tentang perkara ini untuk diselesaikan. Sebelum ini cuba diselesaikan oleh Pejabat Tanah Daerah Sepang masih lagi belum sampai kepada sampai satu keputusan yang membawa kepada penyelesaian permasalahan ini. Pengumpulan ikan di bagan Sekinchan, susulan lawatan Dato' Menteri Besar ke bagan Sekinchan yang lalu, pihak Persatuan Nelayan telah memohon agar Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan tapak cadangan baru untuk dijadikan pusat pengumpulan ikan. Jadi pihak UPEN Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam serta Majlis Daerah Sabak Bernam kini dalam sedang kajian semula pembinaan

pusat tersebut yang dianggarkan menelan belanja sebanyak RM1.2 juta. Manakala pihak Lembaga Urus Air Selangor dalam proses lantikan perunding untuk menjalankan kajian secara menyeluruh kawasan hakisan dan kaedah kawalan hakisan serta pemecah ombak yang sesuai setelah mengambil kira kesan hidraulik dan alam sekitar. Kos pelaksanaan kajian pemuliharaan muara sungai dan kawalan hakisan pantai serta kerja-kerja berkaitan di bagan Sekinchan Daerah Sabak Bernam ini dianggarkan RM800 ribu. Kajian ini juga akan lokasi penempatan bot-bot ikan yang dibangkit oleh Sekinchan yang sesuai untuk dibina manakala jika penambakan di persetujui dan pembinaan pusat pengumpulan ikan dibenarkan dia atas tambakan tanah berdasarkan hasil kajian tersebut, tempoh masa diperlukan pusat pengumpulan ikan berkenaan adalah 2 tahun.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang begitu prihatin dan kerajaan membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk kemudahan infrastruktur dan kemudahan untuk pada nelayan ini satu bukti bahawa Kerajaan Negeri cukup prihatin terhadap masalah nelayan, dan saya nak tanya soalan mengetatkan *parking* bot itu tersebut. Adakah kerajaan bercadang untuk buat kajian dan sampailah ke Taiwan untuk buat apa rujukan supaya apa yang kita nak buat di seperti di Taiwan dapat dijayakan seperti di Sekinchan ini?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sekinchan seperti yang saya sebutkan tadi bahawa masih dalam proses kajian termasuk juga mengambil *reference* atau rujukan seperti mana dimaklumkan oleh Sekinchan, Taiwan dan sebagainya, yang telah pun menunjukkan keberhasilan dalam menjayakan program atau projek sebegini. Bagi pengurusan jeti kerajaan Negeri Selangor merasakan perlu diwujudkan satu bentuk pengurusan yang berkesan terhadap jeti-jeti yang terdapat di negeri Selangor supaya aktiviti jeti dapat dijalankan dengan selamat dan tidak memberikan impak yang besar kepada sumber air dan alam sekitar. Secara amnya pengurusan *charge* jati yang dicadangkan tersebut untuk mengurus tadbir jeti memberikan kemudahan melalui bantuan kepada nelayan di jeti berdaftar memudahkan pengawalan kerja-kerja infrastruktur melibatkan sumber air dan memelihara sumber air seiring dengan keperluan ekonomi setempat dan negeri. Walau bagaimanapun pandangan nelayan-nelayan hasil daripada sesi bincangan oleh LUAS yang telah selesai bagi daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat maka cadangan-cadangan sebarang *charge* itu perlu dinilai disemak kembali berdasar pada nilai kategori- kategori tiada bersifat individu,, komersial, tradisional dan sebagainya. Melalui mesyuarat Jawatankuasa Jeti Negeri Selangor pada 25 April 2016 yang lalu diputuskan bahawa pendaftaran jeti-jeti ini akan dilakukan bagi kawasan Sekinchan sebagai permulaan, sebagai pilot, pilot projek sebanyak 89 jeti di kawasan Sekinchan telah dikenal pasti dan kerja-kerja ukur oleh pihak berkuasa sedang dilaksanakan. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) telah dihantar kepada Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dengan sedikit pindaan dan TOL ini akan diberikan sementara proses pajakan di bawah Seksyen 63 Akta

Kanun Tanah Negara 1965 telah dilaksanakan. Jadi kita mengharapkan supaya ia nya dapat dijayakan. Dan yang terakhir berkaitan dengan pertanian. Bukit Mealawati ada membangkitkan berkenaan dengan kelapa ya. Mengapa tanam semula kepala tiada peruntukan untuk tahun 2017? Untuk makluman Bukit Melawati kekurangan benih kelapa Matag, menyukarkan perancangan bagi tanam semula kepala. Kelapa Matag menjadi pilihan walaupun Jabatan sering mencadangkan untuk tanam kepala pandan, sebagai alternatif variasi alternatif tetapi petani masih mahu tetap menanam kelapa Matag. Keperluan benih kelapa Matag adalah sebanyak 17 ribu anak pokok setahun bagi Negeri Selangor sedangkan bekalan hanya sekitar 2800 anak pokok kelapa Matagsahaja. Jadi pada tahun 2017 Jabatan akan memfokuskan baki bekalan yang belum dibekalkan. Untuk makluman, bekalan benih kelapa Matag diperolehi daripada *United Plantation* Bagan Datoh dan pusat pengeluaran kelapa Jabatan Pertanian Pagoh Johor. Dijangka bekalan benih akan stabil pada 2018 apabila pusat pertanian Lekir Perak dan Pusat Pertanian Sekendi Sabak Bernam boleh mengeluarkan benih kelapa Matag. Berkenaan dengan SGG benih Sungai Gulang-Gulang benih ini masih lagi di peringkat penilaian Jabatan Pertanian. Permintaan awal mendapati hasil benih ini masih belum konsisten dan Jabatan akan terus membuat penilaian walaupun dimaklumkan oleh Bukit Melawati negeri lain ada mengguna pakai benih ini. Untuk pengetahuan Bukit Melawati bagi tahun ini sahaja Jabatan Pertanian telah membuat perolehan sebanyak 1000 anak pokok kelapa SGG untuk penilaian dan percubaan dan tanaman di Sekendi Sabak Bernam. Bagi tahun 2017 Jabatan Pertanian akan memfokuskan kepada pemulihan tanaman kelapa yang melibatkan peruntukan RM160,000.00 dan melaksanakan pembekalan benih yang masih tertunggak. Bagi pengurusan perosak serpadu masalah monyet, kera yang menimbulkan kacau ganggu kepada tanaman akan menjadi fokus dalam pengurusan perosak bersepadu. Untuk pengetahuan Bukit Melawati, pada tahun ini Jabatan telah membekalkan 4 perangkap monyet bersaiz besar di kampung Jenderam Hilir Daerah Sepang dan 5 buah perangkap monyet bersaiz kecil di Parit Baru Sabak Bernam, Jabatan akan bekerjasama dengan Jabatan PERHILITAN dan JKKK untuk pemasangan perangkap dan pemindahan monyet ke lokasi lain. Untuk makluman Jabatan Pertanian telah memindahkan lebih daripada 1200 ekor monyet ataupun kera dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN sejak 3 tahun lalu. Berkaitan dengan pembangunan tanaman buah-buahan yang dibangkitkan oleh Dusun Tua sebenarnya kaedah cantuman pokok dewasa pokok durian terutamanya sekali daripada klon durian jenis Musang King D197. Untuk makluman semua D197 dinamakan raja kunyit bahkan dalam bahasa cina sebagai Moh Zang Kunyit, makan durian Raja Kunyit lebih dikenali sebagai Musang King. Untuk makluman teknologi cantuman dewasa sedang giatkan dimajukan dan dikembangkan oleh Jabatan Pertanian. Cantuman dewasa masih boleh mempercepatkan pengeluaran buah durian berbanding dengan tanam anak benih yang kecil. Jabatan Pertanian daerah akan menemui petani yang berminat untuk cantuman dewasa dan membantu mereka dari segi teknikal. Masalah tanaman pisang Dusun Tua. Kawasan tanam pisang Negeri Selangor 1124.57 hektar yang tertumpu di Daerah Hulu Selangor, Sabak Bernam, Hulu Langat dan daerah Sepang.

Penyakit utama yang menyerang pisang adalah penyakit Moko. Yang menyebabkan penyakit pisang menjadi keras dan hitam. Bagi mengatasi masalah ini Jabatan Pertanian telah mengesyorkan beberapa langkah kawalan seperti penggunaan benih tisu kultur, membuat saluran pada ladang, membersihkan peralatan dan kenderaan dengan menggunakan nyah kuman, menghapuskan pokok terkena penyakit dengan membakar atau menanam dalam tanah bagi kawasan yang diserang dengan serius. Jabatan menasihati petani untuk tanaman lain selama tempoh 3 tahun sebelum ditanam semula dengan pisang untuk mengurangkan jumlah bakteria pembawa penyakit Moko dalam tanah. Plot pemerhatian penyakit Moko yang dibuat oleh Jabatan Pertanian mendapati penggunaan probiotik seperti Bokashi dan MIO boleh digunakan melawan bakteria Moko. Bagi tempoh 2010-2014 memang diakui bekalan pisang amat kurang disebabkan oleh masalah penyakit. Tanah terbiar saya kira dijawab oleh Bukit Antarabangsa. Sri Andalas ada kaitan ada bangkitkan dengan masalah ternakan lembu. Untuk pengetahuan Kerajaan Negeri sekarang di peringkat pelaksanaan penyediaan kawasan khusus untuk program translokasi. Ini program translokasi program ternakan lembu secara berkelompok di Olak Lempit Kuala Langat. Projek telah pun bermula pada tahun 2016 dengan keluasan 120 ekar. Apabila siapanya projek translokasi tersebut ia akan dapat menyediakan sejumlah 24 lot ruang yang berkeluasan 5 ekar setiap satu lot di mana setiap penternak akan diberikan satu atau dua lot bergantung pada jumlah populasi ternakan mereka. Status terkini pelaksanaan ialah peringkat pewartaan tanah sebelum kerja-kerja fizikal dilaksanakan. Ini khusus kepada mereka yang telah pun mendapat arahan kompaun oleh PBT untuk tutup kandang-kandang mereka. Maka sebagai alternatif kita minta mereka pindah ke tempat-tempat yang telah disediakan selain daripada Olak Lempit yang dalam proses kerja-kerja fizikal ini kita juga ada di Sungai Nilam yang keluasan hampir 100 ekar dengan sejumlah 10 lot setiap satu berkeluasan 10 ekar.

Y.B. TUAN DR A. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM : Boleh saya tanya EXCO. Bagus akan adakan 100 lebih ekar . Cara untuk memberikan lot-lot ini kepada mereka ialah adakah mereka adakah mereka belikan lot Translokasi ataupun di sewa dari Kerajaan Negeri Selangor untuk ternakan ini. Beli ataupun disewa dan kalau sewa apa-apa harga dia?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Seri Andalas. Pertama saya ingin memberikan pencerahan bahawa tempat-tempat ini adalah untuk translokasi jadi kita tak mahu memberikan *message* yang silap kepada golongan penternak di luar bahawa mereka ini menternak maka Kerajaan Negeri ini menyediakan tempat. Ini ialah merupakan translokasi sekiranya ada tempat-tempat yang terpaksa kandang mereka ditutup atas disebabkan oleh kesan tanah maka PBT mengeluarkan kompaun minta mereka tutup kandang mereka dan sebagainya maka mereka ditawarkan untuk memohon kedua tempat yang saya maksudkan tadi dan di sana ada sedikit *charge* yang dikenakan kepada mereka. Saya tidak mempunyai

maklumat dalam tangan satu ketika ini tapi lebih kepada penyewaan sekadar harga yang kira sangat ...

TUAN SPEAKER :Taman Templer, satu minit sahaja boleh.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Saya kira itu sahaja terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa menurut Seksyen 9 Sub Seksyen 43 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak satu bilion lapan ratus juta ringgit yang dinyatakan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan yang di bentang di hadapan dewan mengikut Seksyen 41 Akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual Anggaran 2017 maksud

P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri RM1,107,877,500.00 (Ringgit Malaysia: Satu bilion satu ratus tujuh juta lapan ratus tujuh puluh tujuh lima ratus ribu)

P04 Perbendaharaan Negeri Selangor -RM2,050,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua juta lima puluh ribu ringgit)

P08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor - RM18,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan belas juta)

P10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor - RM7,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh juta)

P12 Jabatan Kerja raya Negeri Selangor - RM390,000,000.00(Ringgit Malaysia: Tiga ratus sembilan juta ringgit)

P13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor – RM135,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus tiga puluh lima juta)

P14 Jabatan Agama Islam Selangor – RM128,000,500.00 (Ringgit Malaysia: Seratus dua puluh lapan lima ratus ribu)

P16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor –RM4,097,500.00. P. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor RM7,475,000.00. Jumlah 1,800,000,000.00

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 13 Tahun 2016, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor. *Special Select Committee On Water Resource Management of The State of Selangor*, (JPK-SAS).

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Ng Sze Han, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kinrara di lantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama dan Yang Berhormat Tuan Hasnol bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Andalas.

Dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor, dengan izin *Special Select Committee On Water Resource Management of The State of Selangor*, (JPK-SAS).

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian penggantian ini perlu dilakukan kerana kedua-dua Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin dan Yang Berhormat Tuan Dr. Xavier Jayakumar telah pun dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Air Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Cuma ada satu persoalan. Minta kepada Yang Amat Berhormat tentang Usul ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Lembaga Pengarah Air yang mana kedua-dua Wakil Rakyat ini telah menduduki adakah EXCO Infrastruktur juga duduk dalam Lembaga yang sama?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras. Perkara ini telah pun saya bincang dengan EXCO yang berkenaan dan sekarang dalam pertimbangan MMKN dan kertas akan diangkat dalam masa yang terdekat.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Ng Sze Han, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kinrara dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Yang

Berhormat Puan Yeo Bee Yin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama dan Yang Berhormat Tuan Hasnol bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa menggantikan Yang Berhormat Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Andalas dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor. *Special Select Committee On Water Resource Management of The State of Selangor*, (JPK-SAS).

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 14 Tahun 2016, Usul di Bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan, JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan penjaja tanpa lesen di Petaling Jaya Selatan, PJS 1, 2 3 dan 4 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2016.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan yang telah ditubuhkan oleh Dewan ini telah meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini.

Sehubungan ini penyata jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti perniagaan tanpa lesen di lokasi-lokasi larangan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan hubungannya jika ada dengan masalah kemiskinan.

Seperti mana yang kita ketahui, keadaan sekarang kebelakangan ini dengan kenaikan harga barangan dan juga kos sara hidup maka telah banyak menimbulkan masalah kemiskinan khususnya di bandar. Jawatankuasa ini berpendapat bahawa permasalahan ini berlaku di kebanyakan kawasan PBT di Negeri Selangor. Jadi siasatan ataupun penyata ini bertujuan untuk memahami apakah punca sebenar di kalangan rakyat yang menjalan aktiviti berniaga tanpa lesen di lokasi-lokasi di bawah pengawasan PBT di Negeri Selangor ini dan apakah ia ada hubungan, ada kaitan dengan kesempitan ekonomi dan kemiskinan di Negeri Selangor ini dengan cara berniaga seumpama ini.

Jadi untuk menjalankan kajian ini jawatankuasa telah menggunakan dua pendekatan. Satu tinjauan dan kajian di lokasi di PJ Selatan dan kedua mempunyai

ataupun menjalankan pendengaran tertutup mengenai penjaja tanpa lesen ini bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang khususnya untuk kes ini ialah Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan Negeri. Jadi penemuan secara umumnya telah ditemui di lokasi yang dikenal pasti terdapat gerai-gerai tanpa lesen ini menjalankan aktiviti perniagaan sebagai aktiviti utama untuk menjana sumber pendapatan. Mungkin ada seorang sahaja peniaga yang didapati aktiviti perniagaannya sebagai sumber pendapatan sampingan ya bukan untuk sumber, satu-satunya sumber pendapatan untuk keluarga.

Yang keduanya, apa yang jawatankuasa ini temui adalah aktiviti perniagaan yang dijalankan di lokasi-lokasi itu didapati tidak mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan kerana mereka tidak memohon lesen ya walaupun pada tahun 2016 ini Fee lesen telah dikecualikan tetapi mereka yang berniaga tidak sah ini tidak juga memohon lesen.

Seterusnya, kita juga dapati keadaan gerai yang tanpa lesen ini tidak diuruskan dengan sempurna dan keadaannya juga tidak bersih dan mereka mengubahsuai tempat yang mereka duduki seperti laluan pejalan kaki dengan apa tu, meratakan permukaan dengan konkrit yang mereka beli sendiri dan mengubahsuai mengikut keselesaan yang mereka perlukan.

Seterusnya, kita juga dapati di lokasi yang kita lawati ada juga kios yang menjual barangan ataupun produk mereka dengan mengupah warga asing dan warga asing ini tidak ada pas pekerjaan yang sah juga saringan kesihatan yang diperlukan untuk pekerja-pekerja asing. Jadi bayaran gaji yang dikenakan juga adalah sangat minima dan ini, pemilik kios itu sebenarnya mempunyai tiga lagi kios-kios yang lain ya tanpa lesen di lokasi yang berasingan.

Dan seterusnya, kita juga dapati ada peniaga tempatan yang menyewa tapak-tapak yang tidak sah ini ataupun alat-alat perniagaan mereka kepada warga asing untuk mendapat keuntungan secara pantas dan mudah dan kebanyakan peniaga yang kita temui yang tanpa lesen ini juga tidak tahu berapa banyak ataupun keuntungan yang mereka perolehi dan tidak tahu bagaimana cara mengira ya modal yang dikeluarkan, berapa yang mereka perolehi setiap hari mereka berniaga.

Jadi jawatankuasa ini memanggil Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk mendengar dari pihak yang berkuasa apakah usaha-usaha yang telah dilakukan setakat ini bagi menangani isu peniaga-peniaga tanpa lesen ini. Jadi apa yang kami perolehi ataupun penemuan yang didapati dari sesi pendengaran tertutup tersebut, MPPJ memang telah menjalankan *survey* ya *survey* berapa ramai peniaga yang berniaga tanpa lesen, apakah alasan mereka berniaga tanpa lesen dan mengapa mereka memilih tapak-tapak tersebut untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan kita juga dapati bahawa MPPJ memang menjalankan temu duga ya pada semua pemohon yang ingin yang buat permohonan

untuk berniaga tetapi tidak ada disediakan kuota khusus kepada kuota khusus ya terhadap permohonan untuk mendapatkan kios ini untuk golongan miskin ataupun berpendapatan rendah.

Jadi hanya itu salah, mungkin salah satu soalan yang ditanya berapa pendapatan yang mereka perolehi dan seterusnya perkara yang kita temui juga dalam pendengaran tertutup tersebut, MPPJ juga menawarkan sebenarnya lokasi perniagaan yang baru kepada penjaja tanpa lesen ini tetapi kebanyakannya, tidak semua tapi kebanyakan penjaja bersetuju tapi ada juga yang tidak sebab mereka memberi alasan ini tidak memberi pulangan seperti mana mereka perolehi di tapak yang asal iaitu tapak yang tidak dibenarkan.

Jadi Jawatankuasa Pilihan Khas membuat beberapa rumusan daripada penemuan tersebut pertamanya kita dapati memang wujud *kordasi* ataupun hubung kait yang kuat antara bertambahnya bilangan peniaga dan penjaja tanpa lesen ini dengan berniaga di tapak yang tidak sah ini disebabkan masalah kemiskinan dan kesempitan hidup. Memang ada kaitan. Namun ada juga peniaga yang sengaja tidak memperolehi lesen untuk mengurangkan kos ya kos operasi. Sengaja mereka tak dapatkan lesen.

Dan keduanya kita juga dapati tiada tumpuan khusus oleh mana-mana agensi ataupun jabatan kerajaan yang berusaha untuk mengatasi peniaga tanpa lesen ini bersekali dengan rancangan untuk mengatasi kemiskinan, tidak ada ya secara sedar tidak ada.

Jadi kita mengemukakan beberapa saranan kepada pihak kerajaan bagi menangani isu ini seterusnya juga isu kemiskinan di negeri ini, pertama Kerajaan Negeri hendaklah mengujudkan satu pelan induk dan strategi bersepadu melibatkan program pemutihan tapak perniagaan tidak sah ini dengan mengatasi masalah kemiskinan, itu tidak boleh dipisahkan. Kalau tidak, kita akan mendapati aktiviti perniagaan ini akan dimonopoli oleh pihak yang mungkin nak mendapat keuntungan yang lebih.

Kedua, kita juga menyarankan supaya setiap PBT memperuntukkan kuota. Kuota bagi pemohon yang berada di bawah paras garis kemiskinan jadi ini memberi peluang kepada mereka untuk keluar daripada kemiskinan sebab apa yang berlaku sekarang ramai juga peniaga yang berniaga di sesebuah tapak itu turun temurun, maknanya dari datuk kemudian kepada anaknya kemudian kepada cucunya dan sebagainya.

Jadi perlu ya memastikan tempoh PBT ya kita syorkan PBT menguatkuasakan dasar tempoh sewaan yang maksimum, tempoh dia lah tidak boleh satu-satu peniaga itu dia menurunkan tapak itu disewakan antara ahli keluarganya jadi orang lain tidak ada

peluang. Bagi peniaga yang mungkin baru ingin memulakan perniagaan tidak ada peluang untuk berniaga.

Seterusnya kita juga menyarankan mereka yang berniaga secara kecil-kecilan ini diberi latihan pengurusan perniagaan jadi aktiviti berniaga tu ada memberi pulangan tidaklah seperti mana kita temui di tapak mereka tak tahu untung hanya menjalankan aktiviti berniaga untung atau rugi tu mereka tidak mengambil kira sangat ya jadi ini tidak akan mengubah keadaan. Kalau mereka terus menerus dalam keadaan demikian.

Dan seterusnya jawatankuasa ini juga mencadangkan ya supaya kadar pendapatan pemohon itu juga menjadi salah satu syarat untuk memperoleh tapak yang murah ya sebab tapak-tapak perniagaan ini dia ada pelbagai jenis ada yang mungkin fee nya agak rendah berbanding dengan yang lebih tinggi ya jadi bagi tapak yang rendah fee nya tu dikhususkan ataupun diberikan lebih kepada mereka yang, pemohon-pemohon yang mempunyai pendapatan yang lebih rendah. Jadi ini, jawatankuasa melihat ini lebih adil daripada segi pengagihan tapak-tapak perniagaan yang begitu terhad.

Dan seterusnya Kerajaan Negeri disarankan ya sebab ini sebenarnya cadangan ini datang daripada peniaga di tapak juga kalau sistem permohonan ini boleh dilakukan secara *online* ataupun secara talian jadi dia memudahkan bagi mereka tidak perlu berulang-alik ya ke pejabat-pejabat majlis dan akhir sekali PBT perlu kenal pasti ataupun iklankan kios-kios yang ada ini supaya peniaga-peniaga terpaksa pindah ke tempat yang baru ini tidak menggunakan alasan bahawa ini tidak mendatangkan keuntungan seperti mana yang mereka lakukan di tapak-tapak yang tidak sah dan rungutan-rungutan yang mengatakan mereka akan tetap berniaga di tempatnya itu tidak boleh dipakai lagi lah boleh ditolak. Jadi itu saranan daripada jawatankuasa dan jawatankuasa melihatnya sebagai satu yang perlu dilaksanakan segera kerana memandangkan aktiviti perniagaan ini ditapak-tapak tidak sah ini menimbulkan kacau ganggu kepada masyarakat sekitar. Jadi Taman Medan dengan ini mohon mencadangkan Usul yang dikatakan tadi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada penyokong.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang, ya Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN : Tak apa, saya singkat sahaja. Saya nampak, ambil perhatian kepada saranan-saranan jawatankuasa ini 8.3 yang saya kena suarakan lah bahawa saya tidak setuju lah bahawa Kerajaan Negeri hendak lah memastikan setiap PBT menguatkuasakan dasar tempoh sewaan maksimum kepada

peniaga-peniaga. Ramai peniaga-peniaga ini tidak ada sumber pendapatan yang lain jadi saya rasa membuat satu tempoh untuk mereka macam dua tahun ke tiga tahun ini tidak sesuai dilaksanakan mungkin apa yang lebih penting ialah majlis PBT-PBT menguatkuasa kepada mereka yang menyewa lesen-lesen penjaja ini seperti di pasar malam, pasar pagi, medan selera dan sebagainya. Itu saya rasa ada *priority* yang lebih tinggi daripada mengehendkan daripada satu dasar yang mengehendkan peniaga berdasarkan tempoh.

TUAN SPEAKER : Ya Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Ya Speaker, mungkin itu atas *point* yang sama juga saya nampak bukan sahaja tempoh tetapi saya rasa dari semasa ke semasa sebab tujuan lesen ataupun premis Kerajaan Negeri ataupun Pihak Berkuasa Tempatan sebenarnya kita nak kita faham nak bantu dan kurangkan beban mereka yang mungkin dari golongan yang pendapatan rendah jadi saya rasa adalah sesuai kalau ada satu tempoh kita kaji tiga tahun dan sebenarnya kalau perniagaannya sudah bertambah daripada kecil kepada besar patutnya premis itu diberi kepada orang lain yang kita rasa lebih layak jadi saya rasa yang kita kaji tu bukan sahaja dari segi tempoh tetapi juga dari hasil perniagaannya sama ada dia masih tergolong dalam kategori peniaga kecil, penjaja kecil ataupun sederhana dan sebagainya. Kalau dah besar saya rasa memang sudah tiba masa lah untuk mereka itu pindah ataupun keluar dari premis tersebut dan beri peluang kepada orang lain. Itu sahaja yang saya cadang.

TUAN SPEAKER : Baiklah pihak kerajaan jika ingin memberi maklum balas. Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih atas cadangandari pada jawatankuasa dan juga Rawang dan juga Bukit Gasing dan kita ambil maklum tentang cadangan tersebut dan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya mohon pihak EXCO memberi tarikh yang spesifik sebab saya nampak perkara ini agak perlu disegerakan sebab kita perlu tangani isu peningkatan kos sara hidup yang akan menjejaskan kehidupan ramai keluarga yang tidak mempunyai punca pendapatan yang lain selain daripada berniaga di tapak-tapak ini.

TUAN SPEAKER : Taman Medan mengikut Peraturan Tetap Pihak Kerajaan ada sehingga tempoh sehingga Mesyuarat yang akan datang untuk memberi maklum balas ya. Seri Kembangan nak habiskan? Itu sahaja.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Ya, itu sahaja dan saya Kerajaan Negeri akan memberi satu maklum balas tentang laporan yang dibentangkan oleh jawatankuasa.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan penjaja tanpa lesen di Petaling Jaya Selatan. PJS 1, PJS 2, PJS 3 dan PJS 4 telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2016.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 15 Tahun 2016, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam, *Public Account Committee* (PAC) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2016 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bilangan 36 tahun 2016.

Tuan Speaker, memandangkan saya kita pihak PAC telah mengadakan mesyuarat dan mengadakan semua penemuan-penemuan daripada yang ditegur oleh Ketua Audit Negara. Ketua Audit Negara soal isu-isu yang disentuh dan kita telah buat semua telah tersedia dalam penyata ini maka saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membuat rujukan dan penelitian dengan itu saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam, *Public Account Committee* (PAC) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2016 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bilangan 36 tahun

2016. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 16 Tahun 2016, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah JP Padat berhubung status tanah PKNS dan tanah di Taman Permata Dengkil di kawasan Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 35 tahun 2016.

Tuan Speaker, isu yang dibangkitkan dalam penyata ini izinkan saya terangkan sedikit sebanyak ada tiga tanah yang terlibat. Pertama, tanah di Taman Permata Dengkil yang dibangkitkan oleh ADN Dengkil. Tanah PKNS 100 ekar di Setia Alam yang diusahasama dengan Syarikat Paksi Gagah dan tanah PKNS juga 159 ekar di Seksyen 13 Shah Alam. Kedua-dua tanah PKNS ini dibangkitkan oleh ADUN Pelabuhan Klang dan ketiga-tiga isu tanah ini dibangkitkan semasa Sidang Dewan pada tahun 2015 dan Jawatankuasa Pilihan Khas ini telah pun meneliti isi kandungan dan memutuskan untuk meminta penerangan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Ini menunjukkan bahawa jawatankuasa dalam Dewan ini berjiwa besar. Kita memerhati segala isu yang ditimbulkan dalam Dewan ini khususnya yang dibangkitkan oleh pembangkang dan kita telah menjalankan sedikit sebanyak siasatan. Saya kira saya tidak perlu pergi ke isu PKNS di Setia Alam dan Shah Alam memandangkan ADN yang membawanya tidak ada di sini.

Memandang Dengkil ada saya rasa mungkin saya boleh terangkan sedikit apa yang telah dilakukan sekarang mengikut apa yang dibangkitkan dimaklumkan kepada kami ialah dokumen bagi hak milik *block title* Taman Permata Dengkil telah pun didaftarkan oleh pihak PTGS pada 13 Julai 2016 dan dokumen hak milik telah pun dikemukakan ke pentadbiran tanah Sepang pada 15 Julai.

Seterusnya PTG Sepang akan menyediakan Notis 5F untuk sebagai pemakluman kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk mengambil hak milik tanah tersebut. PTGS juga telah menulis surat bertarikh 15 Julai memaklumkan kepada telah menyatakan bahawa pihak KPKT masih belum memulakan projek pembangunan di Taman Permata Dengkil dan apa yang kami dimaklumkan ialah sebabnya adalah anggaran kos bagi projek tersebut telah meningkat kepada RM76 juta berbanding kos siling yang ditetapkan sebelum ini iaitu RM56 juta.

Dan apa yang boleh dilakukan oleh Pejabat Tanah adalah untuk membantu KPKT sekarang ini KPKT merupakan pemilik tanah tersebut. Jadi tugas dan beban kepada KPKT untuk menjalankan projek pembangunan rumah seperti yang dijanjikan. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan maka saya rasa perlu diberi penjelasan oleh pihak KPKT.

Tuan Speaker, walaupun saya kata ADN Pelabuhan Klang tidak ada tapi ada isu yang dibangkitkan agak serius tapi ringkasan ataupun *reply* ataupun maklum balas yang kami terima daripada PKNS juga agak munasabah iaitu berkenaan dengan beberapa projek usaha sama yang ditandatangani oleh syarikat Kerajaan Barisan Nasional dahulu yang telah pun di mana kontrak usaha sama telah pun lupus pada tahun 2015.

Rundingan semula telah pun dijalankan dan telah diputuskan projek berkenaan diteruskan tetapi atas terma yang baru dan saya kira ini adalah sesuatu yang harus kita bentangkan kepada Dewan ini. Ini adalah satu perkembangan yang positif kepada kerajaan di mana untuk projek di Setia Alam, Syarikat Paksi Gagah setuju untuk menaikkan, menaikkan pulangan kepada PKNS daripada RM101.9 juta kepada RM227 juta. Ini adalah kenaikan lebih dua kali ganda. Itu juga berlaku untuk tanah di Shah Alam di mana Lebar Daun kita selalu cakap dengan Lebar Daun, projek sebenarnya telah pun bermula tetapi pulangan telah dinaikkan dari 190.7 juta kepada RM310 juta.

Yang Kedua, berkenaan dengan pembangunan rumah yang akan dibina untuk projek di Setia Alam ini rundingan semula telah dijalankan di mana fasa pertama yang dibahagikan kepada fasa 1A, 1B dan 1C akan dibina Rumah Selangorku, rumah dan Kedai Mampu Milik. Tahun ini tidak ada, jadi sekarang ini saya rasa jawatankuasa telah pun menerima baik maklum balas daripada PKNS dan kami bersetuju bahawa kerajaan perlu terus memantau perkembangan kesemua isu-isu tanah ini. Satu perkara yang saya rasa agak terkilan Tuan Speaker ialah kehadiran ADN Pembangkang dalam jawatankuasa sangat-sangat mengecewakan. Sebenarnya isu ini dibawa oleh ADN Barisan Nasional ADN Pembangkang, ADN Dengkil, ahli BN dalam jawatankuasa ini bukan Dengkil tetapi Sungai Panjang. Sungai Panjang hari ini pun tiada ada, tidak tahu pergi ke manalah. Mesyuarat JP PADAT bukanlah banyak sangat saya rasa tahun ini mungkin lima keenam tetapi tidak sekali pun dia hadir. Tahun lepas pun sama apa yang sudah berlaku kepada Sungai Panjang 5 kosong. Apa yang sudah berlaku kepada Sungai Panjang saya tidak tahu tapi apa pun sekali saya rasa fenomena ini tidak akan berlaku kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang lain. Tadi saya sempat baca mesyuarat PAC, ahli daripada pembangkang, ahli dewan dari BN juga tidak hadir. ADN kawasan Jeram yang ada di dalam dewan sekarang ini dan Sungai Burong. Saya tidak pastilah apa yang sudah berlaku kepada mereka tetapi saya memohon walau apa pun yang berlaku, kami sebagai ADN kerajaan di jawatankuasa ini tetap akan menjalankan tugas kami

dengan adil dan saksama dan kami akan mengemukakan teguran kami kepada masa dan tempat yang diperlukan. Sekian, terima kasih mohon menyokong.

TUAN SPEAKER: Penyokong. Ya Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini, ialah satu usul yang berbunyi bahawanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah JP PADAT berhubung status tanah PKNS dan tanah di Taman Permata Dengkil di kawasan Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 35 tahun 2016.

Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya. YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA: Usul seterusnya usul nombor 17 tahun 2016, usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Terima kasih Tuan Speaker dan ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 33 tahun 2016. Tuan Speaker menurut Arahan Dewan yang mulia ini pada 1 Ogos 2016, jawatankuasa telah diarahkan untuk mengkaji 3 peraturan iaitu Peraturan 13(1) Peraturan yang baru iaitu Peraturan 14A dan satu lagi peraturan iaitu Peraturan 70(3). Saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa cadangan berkenaan dengan Peraturan di 70(3) itu masih, sedang dipertimbangkan, dikaji dan diperhalusi jadi ia tidak akan dilaporkan. Tiada cadangan yang dibuat pada hari dan jawatankuasa hanya ingin melaporkan tentang 2 peraturan iaitu Peraturan 13(1) dan Peraturan baru iaitu 14A. Cadangan pemindaan terhadap peraturan 13(1) iaitu menambah satu perenggan kecil iaitu perenggan Q dalam aturan urusan mesyuarat iaitu ucapan Ketua Pembangkang. Tuan Speaker itu peraturan baru, peraturan baru ini membolehkan ucapan Ketua Pembangkang disertakan dalam kandungan aturan urusan Mesyuarat Peraturan Tetap dan buktinya telah dinyatakan dalam satu peraturan yang baru yang dicadangkan iaitu Peraturan 14A. Izinkan saya bacakan 14A ini di bawah tajuk ucapan Ketua Pembangkang yang (1) Ketua Pembangkang boleh pada waktu yang

ditetapkan menurut Peraturan Tetap 13 berdiri di tempatnya dan memberikan ucapan beliau kepada dewan mengikut teks ucapan yang telah dihantar terlebih dahulu kepada Speaker tidak kurang daripada 2 hari sebelum persidangan mesyuarat yang hendak dikeluarkan perkara itu. Teks ucapan itu tidak boleh melebihi 2,000 patah perkataan dan hendaklah berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir dalam tanggungjawab Menteri Besar dan perkara itu belum dibincangkan dalam mesyuarat yang sama dan Menteri Besar bolehlah menjawabnya. Yang kedua Menteri Besar hendaklah memberikan jawapan atau maklum balas kepada ucapan Ketua Pembangkang tersebut secara lisan dan hanya Ketua Pembangkang boleh bangun untuk mendapatkan penjelasan jika ada. Yang ketiga setelah tamat perjalanan mesyuarat menurut perenggan dua usul menanggungkan dewan akan dikeluarkan.

Tuan Speaker dengan peraturan yang baru ini Ketua Pembangkang diberikan ruang yang cukup untuk membangkitkan isu yang tidak sempat disentuh dalam sesuatu sidang dan Menteri Besar turut diberikan ruang yang secukupnya untuk menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang. Satu isu saya rasa, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker kerana satu perintah Speaker telah dikeluarkan pada 1hb November 2016 melalui perintah Speaker nombor 1/2016 yang telah melaksanakan kuasa di bawah Peraturan 88 untuk mendapatkan definisi Ketua Pembangkang. Izinkan saya bacakan perintah Speaker itu Nombor 1 berkenaan dengan Peraturan Tetap 68, satu Ketua Pembangkang ertinya ahli dewan Negeri yang dinamakan oleh pihak pembangkang untuk menjadi Ketua Pembangkang dan perkara ini dimaklumkan kepada Speaker secara bertulis oleh parti bukan kerajaan yang terbesar iaitu UMNO dalam Dewan yang mulia ini. Yang kedua jika berbangkit apa-apa keraguan atau pertikaian tentang siapakah yang sedang atau yang telah menjadi Ketua Pembangkang pada bila-bila masa yang mantan masalah itu hendaklah diputuskan oleh Speaker dan keputusannya diperakui secara bertulis di bawah tandatangannya adalah muktamad dan konklusif dan saya percaya dengan itu telah mengatasi masalah yang sentiasa dibangkit oleh pihak Barisan Nasional yang menyatakan bahawa mereka enggan menerima ataupun mencadangkan pelantikan Ketua Pembangkang disebabkan ia tidak didefinisikan dalam peraturan tetap. Ada alasannya untuk definisi Ketua Pembangkang tidak didefinisikan dalam atau tidak dinyatakan dalam, tidak didefinisikan dalam peraturan tetap dalam sebab peraturan tetap cuba menganggap semua ahli dewan secara adil. Dia tidak membahagikan mengikut parti jadi adalah sesuai untuk Speaker melalui Perintah Speaker untuk mengatasi isu itu. Jadi saya rasa ini adalah berkaitan dengan cadangan yang dibuat dalam Peraturan 13 dan 41. Jadi saya nak menasihatkan Barisan Nasional kena beranilah untuk mengambil cabaran ini jangan duduk sahaja harap dalam pilihan raya akan datang menjadi kerajaan. Saya itu selagi isu kuat 1MDB masih ada Najib Tun Razak masih ada Rosmah masih ada saya rasa mimpi sahaja boleh dapat Kerajaan Negeri Selangor dalam pilihan raya akan datang. Saya dengar itu *statement* yang sangat menarik pada pagi ini. Dia kata Amerika memilih seorang *billionaire* menjadi pemimpin tetapi Malaysia memilih

seorang pemimpin menjadi *billionaire*. Saya rasa ini kita sedunia tahu apa masalah dengan negara kita jadi saya rasa Ketua Pembangkang ini adalah penting untuk menjaga kepentingan pembangkang. Jadi saya rasa pihak Barisan Nasional perlu bersedia bukan sahaja di Dewan Negeri Selangor tetapi di Parlimen mungkin pun dia akan terus menjadi Pembangkang dalam pilihan raya akan datang. Itu sahaja cadangan saya, saya mohon mencadangkan, terima kasih.

TUAN SPEAKER:Terima kasih Pandamaran, penyokong.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Taman Medan mohon menyokong.

TUAN SPEAKER:Ya Taman Medan, baiklah usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Kajang.

Y.B. DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:Terima kasih Tuan Speaker, berikan peluang saya untuk membahaskan usul ini. Saya kira bahawa Tuan Speaker lebih baik diadakan dalam peraturan mesyuarat sebagai termaktub dalam cara-cara kita mengendalikan dewan untuk timbang tara yang baik antara kerajaan dan juga pembangkang. Kerana apa yang kita lihat apa yang ada sekarang adalah lazimnya ataupun konvensyen dan kalau konvensyen ini boleh sahaja dijadikan ditukar-tukar cara-caranya kalau hanya ikut Konvensyen. Saya nak juga menyatakan kalau juga dibandingkan dalam persekutuan dalam parlimen apabila urusan pembangkang itu diberikan budi bicara oleh Yang Dipertua dan ini kadangkala menunjukkan bahawa ada tidak adilnya apabila Ketua Yang Dipertua memberikan ruang tidak memberikan ruang. Kalau saya nak berikan sedikit *example*, contoh bahawa dalam parlimen sekarang ini semenjak Perdana Menteri yang baru telah mengambil alih daripada yang lama itu, begitu ramai ahli Parlimen yang telah dikeluarkan daripada Parlimen. Yang digantung enam bulan, saya sebut sedikitlah sebagai contoh yang betul-betul bukan saya kata ini sebagai salah satu daripada hujah sahaja tetapi adalah Anwar Ibrahim, Nurul Izzah yang terpaksa apabila dia bercakap tidak ada imuniti dalam Parlimen kena dikeluarkan dalam satu malam di lokap. Kapal Singh mendiang, Lim Kit Seng dan Menteri Besar kita sendiri Y.A.B. Azmin Ali pun terpaksa digantung hari itu, Siva Rasah, Gobind Singh dan Surendran. Jadi ini kalau kita tidak ada termaktub dalam kita nak bagikan peluang untuk Pembangkang. Di dewan Selangor ini kerana Selangor sebagai kerajaan memberikan ruang, kita hendakkan satu keadaan demokrasi yang apabila Pembangkang memberikan peranannya yang termaktub bukan secara Konvensyen, budi bicara. Speaker rasa tidak elok, boleh keluar ditinggal, digantung tetapi kalau termaktub bahawa Pembangkang mempunyai peranan yang begitu penting untuk membahaskan dan membawa kepada timbang tara cara mana demokrasi kita dijalankan dengan ada *check* dan *balance*. Itu saya mohon menyokong Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER:Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker setelah Pakatan Rakyat mengambil alih Negeri Selangor banyak perubahan kita buat dalam dewan ini. Antaranya ialah kita mengiktiraf Pembangkang berbanding di Parlimen dan kita beri kemudahan kepada Pembangkang dan malangnya Pembangkang yang ada hari ini dia tidak mahu mengambil jawatan tersebut dan tidak bertanggungjawab secara demokrasi. Kali ini kita bagi ruang lagi sekali kepada pembangkang supaya mana-mana isu tidak dapat dibahaskan dalam dewan ini diberi ruang kepada pembangkang untuk memberi pertanyaan yang dijawab oleh Dato' Menteri Besar. Seterusnya inisiatif ini satu inisiatif yang baik untuk memberi ruang demokrasi dan inilah bezanya kerajaan Pakatan Rakyat berbanding kerajaan Barisan Nasional.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta pencerahan sedikit.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat Kota Anggerik, saya nak minta kita dah bagi banyak ruang Ketua Pembangkang sekarang bagi ucapan Ketua Pembangkang sebagainya. Kalau mereka masih tidak nak ambil tugas itu, ini apa yang boleh kita buat Yang Berhormat Kota Anggerik, bagi pencerahan sedikit.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Mudah sahaja Yang Berhormat kita kosongkan tempat ini daripada Pembangkang penuhkan semua kerajaan. Jadi tidak ada Pembangkang sebab dalam dewan ini Ahli-Ahli Dewan diberi ruang untuk bertanya kepada EXCO-EXCO yang ada, bahkan boleh tanya kepada Menteri Besar. Saya difahamkan dahulu mesyuarat tiga hari sahaja.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Tuan Speaker, saya ingin mencelah.

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Saya rasa saya masih ada lagi di sini. Ya kerajaan ada membuat mesyuarat dua hari sahaja janganlah pertikai yang lama dan yang baru. Satu lagi semasa Sungai Pinang jadi Speaker pun berlaku kena kita apa ini ahli-ahli dewan pun ada yang kena buang. Apa masalahnya bermakna bila cakap itu biarlah pada landasan yang betul. Jangan asyik yang tidak betul sahaja, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik boleh habiskan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Itulah saya rasa wajar untuk dipinda Peraturan 14A ini memberi ruang kepada Ketua Pembangkang untuk memberi

pandangan di akhir daripada persidangan supaya boleh dijawab oleh kerajaan. Saya menyokong.

TUAN SPEAKER:Baiklah pihak kerajaan Bukit Antarabangsa nak memberi maklum balas.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi pihak Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh Jawatankuasa ini bagi meminda Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor kerana hasrat dan cita-cita kita semenjak tahun 2008 ialah untuk menjadikan Dewan Negeri Selangor *World Class*. Class bertaraf dunia yang dapat menyembur Demokrasi dan kita memberi pengiktirafan bahawa Pembangkang sebenarnya ada peranan dalam sistem demokrasi Negara atau pun Negeri. Sebab itulah di dalam Dewan Negeri Selangor ini kita mengiktiraf peranan Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli Pembangkang supaya mereka menjadi timbang tara seperti yang diujahkan oleh Y.B. Kajang tadi. Namun kita rasa teramat malang kerana Pembangkang di Selangor hari ini tidak berupaya, jangan kata nak mentadbir Putrajaya, nak pilih Ketua Pembangkang pun gagal sehingga hari ini. Sebenarnya kita mahu memberi ruang ini supaya kita dapat membincangkan isu-isu pembangunan dan isu rakyat secara telus dan terbuka. Baru-baru ini ketika saya memberikan hujah dalam penggulungan tentang dalam sikap Y.B. Pelabuhan Klang yang tidak bercakap benar di dalam Dewan dan diulang di luar Dewan. Kalau ikut kamus Dewan Bahasa kalau tidak bercakap benar, berbohong tapi saya gunakan istilah yang lebih lunas, tidak bercakap benar dan Y.B. Permatang mencadangkan supaya kita mengambil tindakan terhadap Y.B. Pelabuhan Klang. Tapi saya tidak mengambil jalan tersebut kerana sepatutnya Y.B. Pelabuhan Klang datang untuk kita sama-sama membincangkan perkara bagi kepentingan negeri dan kepentingan rakyat, tapi ini tidak berlaku. Sebab itulah saya cadangkan kalau Pembangkang tidak dapat calon untuk ditonjolkan sebagai Ketua Pembangkang setakat penyelaras dia tak jadi, jadilah UMNO melantik wakil bebas sebagai Ketua Pembangkang mereka dalam sesi yang akan datang. Jadi Y.B. Speaker, bagi pihak Kerajaan Negeri saya selaku Menteri Besar bersedia untuk berdiri tegak di sini. Saya masih ada tulang belakang dan tulang belakang saya masih kuat dan saya bersedia untuk menjawab semua penggulungan perbahasan dan pertanyaan oleh Ketua Pembangkang. Sebab itu saya mendukung usaha Dewan untuk meminda Peraturan 13 dan menambahkan Peraturan dan *queue* supaya kita memberi ruang kepada Pembangkang untuk bangun dan bertanya kepada Kerajaan Negeri dan saya bagi pihak Kerajaan Negeri akan memberikan jawapan yang tepat dan berfakta bagi kepentingan negeri dan juga rakyat, terima kasih Y.B. Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian ada pun masalah di hadapan Dewani ini adalah Satu Usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76.5 Peraturan-Peraturan Tetap Negeri Selangor Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia Ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 33 Tahun 2016”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No. 18 Tahun 2016 Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) di bawa oleh Y.B. Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawa Dewan Negeri Selangor menggesa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui Agensi masih mengambil tindakan segera untuk memastikan isu pencemaran air sungai yang mengganggu bekalan air tidak berlaku lagi kerana kegagalan ini akan terus mendatangkan kesusahan kepada rakyat Selangor.

Tuan Speaker, kejadian pencemaran sungai sebanyak 3 kali kebelakangan ini sehingga pihak Syarikat Pengurusan Air Selangor terpaksa memberhentikan operasi Loji Rawatan Air Langat , Loji Rawatan Air Cheras Batu Sebelas dan yang paling teruk sekali ialah rawatan loji air Semenyih kerana mengalami henti tugas sebanyak 3 kali. Penutupan tersebut telah mengakibatkan lebih daripada 1.5 juta pengguna menderita kerana bekalan air melalui terganggu. Ini merupakan suatu kejadian yang tidak diingini dan kerajaan mahu pun Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Pusat wajib memastikan kejadian tidak berulang lagi bagi memastikan kesejahteraan rakyat Selangor. Seperti yang semua Ahli Dewan yang mulia sedia maklum Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan serta merta setiap kali berlakunya pencemaran air sungai.

Pegawai-pegawai dan kakitangan daripada semua pihak telah seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Air Selangor, MPKj, PBT-PBT yang lain, JAS Selangor dan Unit Bencana telah bertungkus lumus bagi mengatasi masalah tersebut. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka atas usaha-usaha yang telah dilakukan. Walau bagaimanapun saya berasa amat kecewa dengan tindak balas pegawai-pegawai daripada negeri lain, negeri jiran kita iaitu pegawai JAS Pahang dan Negeri Sembilan yang seolah-olah sengaja mahu melengahkan masa semasa berlakunya pencemaran air sungai. Apa yang lebih mengecewakan ialah sikap dan kenyataan Menteri-Menteri seperti Menteri Besar Negeri Sembilan yang menyatakan tidak ada bukti pencemaran berlaku dalam sempadan Negeri Sembilan.

Menteri KPKT pula, sudahlah tak beri bantuan, pandai sahaja keluar kenyataan, kuat memebel, tak membantu. Adakah kita mahu Menteri sedemikian untuk mentadbir

kita? Polis Negara menurut laporan *Oriental Daily* yang bertarikh 4hb November dia mengatakan pencemaran di Lebuhraya Elite KM 45.9 adalah berpunca daripada kemalangan jalan raya. Saya rasa dalam Dewan ini tidak ada sesiapa yang tidak pandai. Kita fikirkan sebagai Ketua Polis Negara adakah kamu perlukan dua minggu untuk mengetahui berlakunya kemalangan jalan raya di tempat tersebut. Kamu siasat sahaja, kamu akan tahu sebab semua ada rekod. Kalau ada kemalangan jalan raya mesti ada laporan polis kerana ia membabitkan lebuhraya dan ada bahan kimia tertumpah dan tambahan juga tapak pencemaran tidak ada sebarang kesan kemalangan semasa saya membuat lawatan tapak.

Tuan Timbalan Speaker, menurut indeks kualiti air, *water quality* indeks yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dari tahun 2005 sehingga tahun 2015 kualiti air sungai di dalam Negara kita terdapat penurunan terutamanya pada tahun 2015. Bilangan sungai yang telah dikategorikan sebagai bersih telah menurun dari 58% daripada tahun 2013 52% daripada tahun 2014. Bilangan sungai yang dikategorikan sebagai tercemar telah meningkat daripada 50% pada tahun 2013 hingga ke 90% pada tahun berikutnya.

Laporan yang dibuat melalui pengawasan 473 sungai menunjukkan hanya 186 atau pun 39% daripada sungai di Negara ini mempunyai kualiti air sederhana tercemar. Pada tahun 2015 walaupun terdapat peningkatan itu 276 daripada 477 sungai yang diawasi menunjukkan dan indeks kualiti air bersih, 168 sederhana tercemar dan 33 iaitu 70% menunjukkan indeks sungai tercemar. Laporan tersebut menganggarkan bahawa beban pencemaran diseluruh negara adalah sebanyak 68,455 *tonnes* setahun di mana Selangor menduduki tempat pertama dengan anggaran beban pencemaran tinggi 114,463 *tonnes* setahun. Diikuti oleh negeri jiran kita Perak 106,733.4 *tonnes* setahun dan Negeri Johor 103,441 *tonnes* setahun. Pengiraan beban pencemaran bagi laporan ditumpukan kepada 5 jenis pencemaran iaitu industri pembuatan, loji kumbahan termasuk tangki septik individu, tangki septik berpusat, aktiviti penternakan khinzir, industri berasaskan pertanian dan bazar-bazar. Tiga parameter utama yang memberi kesan dan ketara ke kualiti air yang sungai dan delah kepada peluang oksigen bio kimia, terampai dan ammonia nitrogen.

Tuan Timbalan Speaker, saya tidak akan berulang untuk bertanyakan kepada Kerajaan Negeri apa yang mereka akan buat, apa mereka sedang lakukan kerana sudah banyak kali jawapan telah berulang dan saya hanya memberi beberapa, hanya ingin memberi beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah ini. Pencemaran sungai merupakan suatu perkara yang bukan luar biasa kepada keseluruhan rakyat Malaysia. Ini adalah kerana kebanyakan rakyat melakukan pencemaran bukannya sekali sekala, kemungkinan ada yang melakukannya tiap-tiap hari terutamanya mereka yang tinggal berdekatan dengan sungai. Ini adalah satu tabiat yang sangat buruk dan kini sampailah masanya untuk bersama mencegah kegiatan pencemaran. Banyak yang berpendapat hukuman yang lebih berat perlu dikenakan ke atas pihak yang didapati melakukan yang mencemarkan air sungai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini hukuman yang boleh dikenakan ke atas pihak pencemaran sungai mengikut undang-undang yang sedia ada pada saya adalah cukup berat contohnya Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1974 iaitu denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Denda tambahan juga pada kadar tidak lebih daripada RM1,000.00 bagi tiap-tiap hari Teruskan. Selepas waktu notis yang menghendakinya menghentikan perbatuan tersebut disampaikan kepadanya. Contoh kedua Seksyen 121(2) Akta Industri Perkhidmatan Air Tahun 2006. Seseorang yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan di bawah Subseksyen (1) apabila disabitkan:-

- a) Jika kematian adalah akibat perbatuan itu hendaklah dihukum dengan hukuman mati atau penjaran selama tempoh yang boleh melanjutkan sehingga 20 tahun dan jika hukuman itu bukan hukuman mati dia boleh dikenakan sebatan.
- b) Jika kematian bukan akibat perbuatan itu tetapi bahan yang digunakan untuk mencemarkan alor air atau sistem bekalan air atau mana-mana bahagian alor air dan sistem air adalah radioaktif atau *toxic* boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau disebat atau ketiga-tiganya sekali.
- c) Apa-apa kes lain boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

Walau bagaimanapun, apa yang rakyat Selangor mahukan bukan hukuman atau menghukum sesiapa. Apa yang rakyat Selangor mahu adalah jangan peristiwa pencemaran sungai berulang sehingga mengakibatkan gangguan bekalan air. Ramai terutama kawan-kawan dari Barisan Nasional suka menunjuk jari kepada PBT dengan mengatakan punca pencemaran adalah dari kilang haram terutama kilang-kilang haram yang terletak di sepanjang sungai. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan Ahli-Ahli Dewan pencemaran boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja tak kira kilang haram atau pun kilang berlesen. Kerajaan Persekutuan melalui JAS perlu mempertingkatkan Penguatkuasaan Peruntukan Undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling untuk memantau pelepasan *effluent* oleh kilang-kilang dan mengumumkan keberkesanannya untuk mencegah pencemaran sungai kepada orang awam. Saya berpandangan sistem yang digunakan sekarang kurang berkesan kerana laporan pelepasan *effluent* oleh kilang-kilang boleh dalam bentuk tulisan tangan, yang saya tidak yakin. Kita perlukan ada satu sistem untuk mengawal. Adakah laporan itu, laporan yang benar ataupun ditulis mengikut sesuka hati pekilang masing-masing. Balakong ingin mengucapkan tahniah kepada MKPJ dan juga Pejabat Tanah Hulu Langat. Dah ada tindakan yang telah diambil terhadap sebuah kilang di tebing Sungai Semenyih. Yang telah melakukan pencemaran pada

bulan September yang lalu. Saya difahamkan pihak MPKJ, telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap 58 kilang haram di sepanjang Sungai Semenyih. Saya harap supaya tindakan usaha ini akan berterusan. Dan ia perlu diperluaskan pada semua PBT yang lain dan Kerajaan Negeri sepatutnya memberi satu tempoh kepada PBT dan Pejabat Tanah untuk menuju ke arah sifar kilang haram. Terutamanya kilang haram yang berada ataupun terletak di sepanjang sungai.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat sekalian, pencemaran bukannya sekadar, berpunca daripada kilang sahaja. Apa yang kita telah menyaksikan ketika berlakunya kes pencemaran di Sungai Buah, pada hujung bulan Oktober yang lalu, telah membuktikan ia berkemungkinan ia berpunca dari mana-mana sahaja dan juga boleh dilakukan oleh siapa-siapa sahaja. Sumber air di dalam negara kita terdedah kepada pelbagai ancaman kerana tidak dijaga oleh mana-mana pihak dengan cara yang berkesan. Justeru saya ingin mencadangkan supaya Lembaga Urus Air Selangor ataupun mana-mana jabatan memohon kepada pihak kementerian untuk kebenaran menggunakan perkhidmatan polis bantuan bagi tujuan menjaga ataupun meronda di keseluruhan sumber air mentah kita. Iaitu bukan sahaja sungai, tetapi tapak-tapak Projek HORAS juga, kerana dengan berlaku kejadian sabotaj baru-baru ini, saya bimbang akan keselamatan semua sumber air mentah di Negeri Selangor. dan saya menegaskan bahawa ia, keselamatan sumber air mentah di Negeri Selangor perlu dipertingkatkan lagi dan saya rasa, polis bantuan merupakan salah satu cara untuk menyelesaikannya. Kejadian pencemaran Sungai Semenyih dan Sungai Langat baru-baru ini, telah memberi satu mesej yang kuat pada negeri Selangor. Kita perlu lebih bersedia untuk menghadapi cabaran yang berpunca daripada ketidakberkesanan ataupun *inefficiency* kerajaan negeri-negeri jiran kita, seperti Pahang dan Negeri Sembilan baru-baru ini. Walau bagaimana pun efektif pasukan Kerajaan Negeri Selangor, kita masih hadapi ancaman kemungkinan pencemaran dari negeri jiran berulang lagi. Ini adalah kerana Kerajaan Pahang dan Kerajaan Negeri Sembilan sanggup menggadaikan kesihatan rakyat Malaysia demi berpolitik. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengkaji kemungkinan membina pintu-pintu air di semua muara sungai, yang terletak di persempadanan Selangor dengan negeri jiran. Ini adalah untuk persediaan supaya kita boleh menghalang ataupun memberhentikan air yang tercemar mengalir masuk ke sungai kita, sekiranya pencemaran berlaku di negeri-negeri jiran dan tidak menjejaskan pengoperasian loji-loji rawatan air kita. Cadangan membina *off river storage* seperti yang dicadang, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama, saya memang sokong dan saya harap Kerajaan Negeri boleh memberi tumpuan kepada loji, ketiga-tiga loji inilah. Loji Semenyih, Loji Langat dan Loji Cheras Batu 11 untuk pembinaan *off river storage* ini.

Yang Berhormat sekalian, sebagai sebuah negeri peneraju di negara kita dan juga sebuah negeri yang pintar, iaitu *Smart* Selangor, kita harus menangani masalah pencemaran sungai ini dengan cara yang *smart*. Saya memahami bahawa sehingga

hari ini, tidak ada sebarang peralatan yang dicipta untuk mengukur ataupun menyukat kadar pencemaran bau. Ini mungkin adalah kerana definisi bau memang sukar, kerana tiap-tiap individu mempunyai tahap penerimaan bau yang berlainan. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji pemasangan penderia perkadaran bahan kimia dan toksik. Di lokasi-lokasi sekitar *intake point* kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MIMOS, telah berjaya mencipta alat penderia untuk membaca kadar pencemaran bahan kimia dan toksik untuk kegunaan industri pertanian. Balakong yakin dengan pemasangan penderia-penderia ini bersama dengan satu *apps* yang khusus untuk pemantauan pencemaran air sungai, kerja-kerja pemantauan akan menjadi lebih mudah dan efektif. Akhir sekali saya ingin menegaskan, saya dan penduduk-penduduk menderita akibat gangguan bekalan air yang berulang-ulang, memahami segala usaha-usaha dan inisiatif yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Air Selangor. Kami juga memahami bahawa berikutan kegagalan pihak pengurusan lama SYABAS, pembina infrastruktur-infrastruktur ini perlukan masa. *Its wont happen over night*, okey, dengan izin. Walau bagaimanapun saya harap supaya pihak Air Selangor boleh meningkatkan *efficiencynya*, ketika menggerakkan operasi air dengan lori *tanker*. Jadual pergerakan harus dikeluarkan serta-merta. Setelah pihak operasi mengesahkan gangguan bekalan air. Dan ia wajib sampai ke destinasi masing-masing pada masa yang dijanjikan. Tangki-tangki statik yang mencukupi, bukan septik ya, statik, perlu disediakan di lokasi-lokasi yang sesuai, sekiranya pihak Air Selangor dapat mengesahkan gangguan akan melebihi 8 jam ataupun 6 jam, supaya penduduk-penduduk yang kebetulan tidak ada di rumah, ketika lori tanker sampai, boleh mengambil air dari tangki-tangki tersebut. Dan dengan itu, sekian, Balakong mencadang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

Y.B TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian, usul telah disokong, saya buka untuk perbahasan. Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Meru ingin mengambil bahagian sikitlah, pendek jer, Meru pun pendek. Sebelum ini, Alhamdulillah, 5 kali saya bangun, orang tak nampak-nampak juga. Hari ini, Alhamdulillah, nampak. Tentang kes pencemaran di Selangor ini, dah banyak dah pun. Y.B.-Y.B. yang telah mencadangkan banyak perkara. Cuma saya nak bagi dua, jer, yang paling, mungkin, ini *my fifty two sense opinion* lah. Yang pertamanya, sepatutnya, pendapat saya sepatutnya, saya cadangkan Kerajaan Negeri ini, menawarkan ganjaran RM52,000.00 ataupun RM80,000.00 kepada sesiapa sahaja. Hatta orang awam, yang boleh memberi maklumat sehingga tertangkapnya pesalah itu. Yang pergi buang, apa nama, sama ada tepi sungai, ataupun seperti yang disebut Bukit Lanjan, di kilang-kilang di dalam ini pun. Sepatutnya ada begitu. Minta

maaf nak kata, bila kita serahkan kepada penguat kuasa, minta maaf, dia kata tak cukup kakitangan. Ada orang jaga siang saja. Malam tak ada. Dia orang buang ni, malam. Kebanyakan kes-kes, malam. Sepatutnya kita buka, *offer*, sesiapa sahaja, *even individual*. Yang boleh, ialah masa untuk buang, tangkap gambar ke, lori *number* ke, *what ever* dan bagi tahu kepada kerajaan. Sampai tertangkaplah siapa yang buang tu. Sama ada individu ataupun kilang. Selalunya, kilanglah. Maka, dia boleh bagi, RM52,000.00 itu ataupun RM80,000.00 itu, makna kita boleh buat sesuatu. Yang keduanya...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta pencerahan sikit.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Ya. Sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kenapa, ganjaran. Saya setuju dengan kita beri ganjaran nak tangkap orang nak buat sabotaj, buat pencemaran air itu. Tapi kenapa mesti RM52,000.00. bagi satu logik, saya nak tahu.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Sebab aku kumpulan lima puluh dua. Tapi itu contoh, contohlah. Kemudian, yang keduanya, minta maaf, *sorry to say, until now*. Sampai sekarang. Saya tak tahu, mungkin dapat, saya rasa sampai sekarang, kita tak tahu lagi, walaupun kita dapat, saya hantar jawapan bertulis yang telah dibagi kepada Y.B. sebelah saya ni, ni apa nama, Lembah Jaya ni, bahawa katanya Y.B. EXCO pemutihan kilang-kilang, akan berikan senarai kilang-kilang yang diputihkan ini, sampai Disember 2015. Tapi saya, *sorry to say*, saya tak tau apa kriteria sebenarnya yang dikatakan kilang itu, dah diputihkan ataupun tidak. Jadi dah sepatutnya, kalau ada, betul ke telah diputihkan. Tak tau, di Meru ni, saya minta kalau boleh di *up to date* kan, mana, siapa, kilang-kilang yang telah ini. Kita di bagi tahu. Sebab di bagi tahu, dah di *highlight* kan oleh Bukit Lanjan juga, Y.B. EXCO. Kalaulah ada kilang-kilang sendiri yang buang, yang di longkang ataupun saluran, boleh bawa ke sungai juga, yang akan menyebabkan pencemaran. Sepatutnya, kilang-kilang ini, diambil tindakan yang tegas. Saya setakat itulah, apa yang disampaikan, *Insyah-Allah*, saya mohon untuk menyokong Usul ini. *Insyah-Allah*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kata pendek, panjang pula. Kinkara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Kinrara ingin turut serta dalam perbahasan yang, Usul yang dibawa oleh Y.B. Balakong. Pendek saja. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekalian. Dalam konteks pencemaran air di Selangor, kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri perlu bekerjasama bagi memastikan tiada lagi kemelut air. Kinrara ingin mengemukakan cadangan agar Kerajaan Negeri

Selangor perlu menggesa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mendedahkan laporan mengenai hasil pemantauan pembuangan *effluent* perindustrian dan *effluent* bercampur kumbahan. Maklumat-maklumat yang berkenaan tersebut seharusnya diterbitkan secara umum supaya ketidaksempurnaan dalam kerja pemantauan boleh dibaiki dari semasa ke semasa. Sekali gus mengatasi masalah pencemaran sungai. Sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan permasalahan sama berulang. Sumber pencemaran perlu sentiasa diteliti dan di pantau di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling bagi *effluent* perindustrian kumbahan. Jadi Jabatan Alam Sekitar mempunyai laporan pembuangan *effluent* yang lengkap termasuk di mana kedudukan kilang-kilang loji rawatan kumbahan dan punca-punca pencemaran telah di tandakan di peta GIS untuk tujuan pemantauan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kinrara minta duduk sebentar. Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana Dewan, urusan masih panjang, maka Dewan perlu disambung, saya persilakan Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul, yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga semua aturan urusan mesyuarat selesai.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli Yang Berhormat sekalian, usul telah disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli Yang Berhormat bersetuju, sila katakan YA, Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila katakan TIDAK. Dipersetujui. Saya persilakan Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, seharusnya membuka satu ruangan untuk membolehkan orang awam untuk mengakses laporan bulanan pembuangan *effluent* yang dikemukakan. Jabatan Alam Sekitar juga perlu memuat naik peta kedudukan pencemaran untuk pemantauan oleh orang awam secara *real time*. Pelaksanaan ini bertujuan untuk mengenal pasti Jabatan Alam Sekitar mengumpul maklumat tersebut dari semasa ke semasa dengan mengikuti piawaian dan peraturan-peraturan yang ditetapkan selain, yang ditetapkan. Selain itu, dengan adanya pelaksanaan ini, PBT dan agensi-agensi yang berkenaan boleh mendapat maklumat tentang manakah kilang yang berlesen atau kilang tidak berlesen dengan laporan bulanan, bulanan, pembuangan *effluent* yang dikemukakan sebagai rujukan semasa menjalankan sebarang tindakan. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam Bajet Negara 2017, Kerajaan Pusat telah melakukan pengurangan peruntukan kepada Jabatan Alam Sekitar dari RM105 juta pada 2015 kepada RM76.5 juta pada tahun 2017. Kinrara melihat dalam tindakan Kerajaan

Pusat dalam mengurangkan peruntukan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk kerja pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang satu tindakan kurang bijak dan tidak profesional. Di saat rakyat dilanda permasalahan pencemaran bekalan air peruntukan untuk kegunaan pemantauan dan penguatkuasaan sepatutnya dinaikkan bukannya di sebaliknya. Pemotongan dengan jumlah yang besar tersebut akan menjejaskan keupayaan agensi berkenaan untuk menjalankan pemantauan terhadap kegiatan pencemaran oleh pihak tidak bertanggungjawab. Nampaknya banyak lagi Kerajaan Pusat / Barisan Nasional perlu mencontohi Kerajaan Negeri Selangor. Jaga udang dia gagal, jaga duit rakyat dia pun gagal. Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang kan sudah lama duduk di sana. Dah lama duduk, ada telah lapan tahun duduk di sana. Ada yang tiga tahun, macam Dengkil telah lebih tahun duduk di sana bersama Kerajaan Negeri Selangor. Dah banyak kali, satu bajet demi satu bajet Kerajaan Negeri membentangkan. Saya pasti, saya pasti Ahli-Ahli Yang Berhormat Pembangkang di sana telah rasa kehebatan bajet yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi, saya hendak cadangkan kepada Ahli-Ahli Berhormat sebelah sana, kongsi ilmu ini dengan rakan-rakan di Kerajaan Pusat untuk menyatakan satu bajet yang mesra rakyat ya. Kota Damansara.

Y.B.DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Boleh sedikit.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ok.

Y.B.DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Kota Damansara tidak ada rasa. Kita pun tidak dapat apa-apa.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Yang tidak rasa yang duduk 12 di sana sahaja. Yang dapat rasa seluruh rakyat di Selangor. Satu *point* lagi Tuan Timbalan Speaker, projek HORAS telah membantu kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran air dari Empangan Sungai Selangor. Selepas HORAS siap sepenuhnya ia mampu membekalkan 600mld air untuk Kinrara dapat melihat eloknya projek seperti HORAS di Selangor dapat diperkasakan lagi. Kinrara mencadangkan bekas lombong di kawasan Puchong dan Dengkil dapat dikenalpastikan dan dijadikan sebagai projek HORAS kerana memandangkan Puchong dan Subang Jaya dan juga Seri Kembangan merupakan antara kawasan yang paling teruk apabila bekalan air, apabila ada gangguan bekalan air semasa pencemaran air Sungai Selangor. Saya rasa ini sahaja, sekian. Kinrara menyokong usul yang dibawa oleh ADN Balakong, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Semenyih ingin juga sama dan ingin menyokong usul yang dibawa oleh Balakong, di bawah nombor 18 usul di bawah Peraturan Tetap 26.1 bagi Yang Berhormat Balakong, tentang mengganggu bekalan air yang ingin saya sentuh. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Balakong cuma ayat ada tergantung sedikit tadi, baru tiga kali berlaku loji ditutup. Ia nya bagi tempoh satu bulan.

Bulan September hingga Oktober, ini saya menambah sedikit sahajalah. Saya ingin menyentuh isu ini. Ini sering kita perkatakan air tiada, dia banyak sebab saya setuju bahawa ia nya berpunca daripada banyak faktor. Tapi apa yang lebih keluh resah lagi bukan kadar pencemaran bila isu air tiada iaitu loji tutup, tiada air, itu satu bab. Tapi loji tidak tutup, tapi tiada air juga. Ini saban hari. Saya ingin bagi satu fakta ini, satu perkara tangki-tangki yang wujud. Saya kira contoh di Taman Tasik Kesuma, saiz taman hampir melebihi 500 ekar, tangki itu saya ingat seperti dewan ini besarnya tapi tidak berfungsi sudah cukup lama dah. Dan Bangi Jaya begitu juga. Saya rasa fakta-fakta tangki yang tidak boleh digunakan ini SYABAS ada. Cuma yang saya hendak sentuh, apakah tindakan Kerajaan Negeri bila tidak ada bekalan air ini, paip pecah. Waktu paip pecah, saya hendak bagi tahu, hari ini sahaja paip pecah setiap minggu ya, dah saya ingat satu tempat ini 5 kali. Di Kajang Height Scholl hari ini tiada, 23 taman terlibat. Saya rasa SYABAS ada fakta ini. Di Kampung Susupan Batu Minangkabau paip HPE 6 inci semalam, 7hb.11 pecah di Taman E'Ann kali ke-9, 6hb.11 pecah 6 inci HPE Seksyen 5 Bandar Rinching, kali ke berapa saya tidak pasti. Banyak kali. Dan ini tidak tahulah ini sabotaj ke tidak. 6 inci HPE lagi di Seksyen 5, Bandar Rinching, 4hb.11 Kampung Sungai Burut. Jadi isu ini bukan pencemaran tetapi paip pecah sudah cukup lama. Terima kasihlah bajet ada, saya harap dapat tumpukan bajet ini untuk menggantipaip-paip ini dengan seberapa segera. Dan jika loji ditutup, kita tahu ada jangka masa saya pasti SYABAS ada jangka masa dan notis. Jika kes pencemaran ammonia berbau mungkin ambil masa lama. Ada Bandar Tasik Kesuma berlaku sampai 4 hari. 4 hari tiada air. Hari ke-5 baru ada. Apakah langkah? Adakah ingin menambah atau membagi bantuan seperti tong-tong air dan juga tangki statiknya, bila dilebihkan sedikit di pintu-pintu taman. Dan juga tambahan lori tangki ke. Saya mengucapkan terima kasih dan saya rasa bersyukur kepada Menteri KPKT yang setuju membagi tangki bomba sebanyak 20 000 liter, sebanyak 5 buah kepada Semenyih sewaktu 5 hari tiada air. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan menghantar 2 tangki daripada Port Dickson untuk membantu Semenyih. *How serious* (dengan izin). Adakah Kerajaan Negeri tiada waktu semalam saya berharap sangat satu tindakan segera. Satu jawatankuasa bertindak dengan segera untuk memastikan tentang isu tidak ada air ini. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dapatlah satu jawapan dan tidak perlulah. Saya sokong sangat, menggemblengkanlah keadaan Kerajaan Pusat untuk membentuk Jawatankuasa ini daripada kementeriannya, mahupun diperingkat negeri nya disegerakanlah. Tolong. Kita mampu lagi mendengar tuding jari, tidak perlulah, jadi saya harap sangat-sangat kerana di Semenyih ini bukan bulan September, bukan bulan Oktober, dah mencecah 2 tahun lebih penderitaan rakyat di Semenyih ini. Jadi itu yang ingin saya sampaikan Tuan Speaker. Terima kasih beri peluang kepada Semenyih untuk membahaskan untuk usul nombor 18. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya sila pihak Kerajaan jika ada penjelasan.

Y.B.PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Isu pencemaran air sahaja.

Y.B.PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya. Tapi saya juga ingin sentuh tentang isu pengedaran air secara *emergency* juga, saya bermula dengan perkara itu. Untuk makluman Yang Berhormat Semenyih, semalam kita telah ada mesyuarat khas dengan Air Selangor di mana ada beberapa, satu senarai panjang untuk menambahbaik lagi pengedaran air dalam keadaan seperti paip pecah, ataupun air tercemar, loji terpaksa berhenti dan sebagainya. Kita harap selepas mesyuarat semalam kita akan dapat satu sistem yang lebih efisien supaya pengedaran air kepada kawasan perumahan itu lebih baik. Saya hanya hendak sentuh satu dua perkara, yang dibangkit oleh Balakong, Meru dan Kinrara. Kota Anggerik ada hadir, bagus. Boleh tanya juga nanti.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Timbalan Speaker saya hendak buat penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tadi ada peluang untuk

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI: Sedikit. Sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Belum *start* lagi ni.

Y.B.PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya belum jawab.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Ketika, ketika EXCO memberi penjelasan saya ada dalam dewan cuma dia menghadap sebelah sana. Saya di belakang dia tidak nampak.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ok saya terima alasan Kota Anggerik. Penjelasan dan juga ulasan. Ok. Saya, pertamanya saya ingin sentuh dengan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Meru tentang ganjaran. Kita memang sedang mengkaji adakah ini satu langkah yang bagus untuk Kerajaan Negeri mengambil keputusan tersebut dan kita akan maklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini. Kinrara bangkit tentang maklumat yang pada pendapat Kinrara sepatutnya diedarkan ataupun dibuka untuk orang awam iaitu maklumat berkenaan tentang pembuangan *effluent* ataupun *effluent discuss* hasil daripada kilang-kilang yang dikawal ataupun di pantau oleh Jabatan Alam Sekitar. Malangnya. Saya ada hadir satu sesi di Kamar Khas di Dewan Rakyat, di Parlimen di mana jawapan bila soalan ini kemukakan oleh Yang Berhormat Serdang kepada Kamar Khas di Dewan Rakyat, jawapan daripada pihak NRE pada ketika ini maklumat tersebut dijustifikasikan sebagai maklumat 'Rahsia' di bawah Akta Rahsia Rasmi. Maka maklumat tersebut tidak boleh di edar sebab ketika ini tetapi kita dalam, masih ada ruang untuk berbincang hasil dengan Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli. Saya tidak mahu berulang alik khasnya apa yang telah terjadi antara Jabatan Alam Sekitar Pahang dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan. Saya hanya hendak pandang ke depan saya rasa ini adalah ketetapan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Penjelasan.

Y.B.PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya belum habis.Tunggu. Selepas Mesyuarat khas Menteri Alam Sekitar dan juga, Alam Sekitar dan Sumber Asli bersama Dato' Menteri Besar maka kita ingin bekerjasama dengan erat dan ada berita baik juga kerana selepas mesyuarat tersebut kita dapat sokongan yang sangat bagus daripada pihak kementerian khususnya daripada Jabatan Alam Sekitar. Kita telah hantar *simple* dan juga maklumat daripada kajian *laboratory* kita ke jabatan alam sekitar di Putrajaya dan mereka menerima. Selain daripada itu, kita juga ada bincang tentang penambahan parameter untuk mengesan khasnya bau. Sebelum ini memang tidak ada orang yang menganggap *indicator* bau sebagai satu parameter. Tapi kita dalam perbincangan di mana kita, menggunakan bau, pencemaran bau sebagai satu *indication* ada *solvent* ataupun bahan-bahan ataupun kompaun yang ada air mentah . jadi ini adalah perbincangan yang saya rasa sangat bagus bukan sahaja untuk Negeri Selangor tetapi untuk semua negeri-negeri yang lain. Di mana isu air memang satu isu sangat-sangat penting. Untuk makluman semua juga, kita dapat perbincangan dan sokongan yang sangat bagus daripada Kementerian KeTTHA, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) jadi ini adalah saya rasa satu langkah yang bagus di mana hubungan kita semakin lama semakin erat dan kita adalah bekerjasama demi kebaikan rakyat. Cuma saya hendak katalah, pihak KPKT saya rasa banyak main politik kalau betul-betul bantu Kerajaan Negeri sepatutnya perkara ini boleh dibincangkan dengan Dato' Menteri Besar seperti Dato' Menteri Besar ya, secara peribadi menelefon Menteri Pertahanan untuk meminta bantuan. Kita tidak malu, kalau perlu bantuan kita akan mohon pada pihak berkenaan. Jadi kalau memang ada keikhlasan daripada Menteri KPKT sepatutnya perkara ini boleh diselesaikan secara baik bukan melalui media ataupun TV3 dan sebagainya. Saya juga mengambil maklum tentang isu beban isu pencemaran yang disenaraikan oleh Yang Berhormat Balakong dan ini sebenarnya boleh dikatakan dengan izin iaitu pencemaran yang kita biasa melihat hasil di Negeri Selangor adalah dari segi perindustrian, *industrial waste*, *sewerge* ataupun kumbahan, ternakan dan juga pasar ataupun warung dan sebagainya. Dan kita juga ada beberapa kes di mana kita dapat menyelesaikan masalah tersebut sebagai contohnya dan ini sudah dilaporkan atau direkodkan dalam Dewan ini di mana dua tahun yang lalu Langat dan juga Cheras Batu 11 Bukit Tampoai ada pelbagai masalah khasnya berkenaan tentang *ammonia*. Maka penyelesaian yang kita telah cadangkan dan juga telah laksanakan termasuk mengambil air daripada Sungai Semantan. Keduanya kita menambah baik lagi loji-loji rawatan air di situ dan juga kita mengimplementasikan ORS (*Off River System*)supaya kita ada alternatif di mana kalau air ada sedikit kenaikan *ammonia* maka kita boleh menangani isu tersebut dan untuk sebuah negeri yang maju kita akan memang dicabar dengan pelbagai cabaran biasanya *manganese*, *ammonia*, kekeruhan dan sebagainya. Ini yang *standard*, yang sangat biasa. Tapi sekarang kita telah lihat beberapa *trend* yang terbaru ini ada beberapa *solvent* ataupun pencemar yang kita tidak ada dalam ujian yang biasa. Jadi ini adalah cabaran yang perlu kita tangani dan kita juga bekerjasama dengan beberapa *laboratories* supaya kajian dapat diselesaikan secepat mungkin. Akhirnya sebelum saya habiskan satu perkara yang dibangkitkan oleh Balakong iaitu mendapat alat pengukur bau dan sebagainya.

Perkara ini sudah lama dibincangkan dengan izin *our noses are still the best indicators or to smell* dengan izin.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya. Silakan.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Saya tadi ada mengatakan saya memang faham kalau nak alat ataupun *sensor* untuk bau memang belum ada teknologi sedemikian lagi, memang tak dapat dilakukan tetapi apa yang saya nak katakan adalah penderia untuk bahan toksik dan kimia. *Sensor for chemicals*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang Berhormat Balakong, ada satu penciptaan di mana secara automatik ada pengesanan bau tetapi itu masih dalam peringkat *experimental*. Jadi kita pada masa ini kita masih mengguna secara manual khasnya untuk bau.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Ya Yang Berhormat saya faham. Apa yang saya maksudkan ialah *sensor* untuk bahan kimia dan toksik bukan bau. *I think if you cannot measure the chemical in the water is it. Thank you.*

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kita yang biasa bau air *actually* kita boleh agak-agaklah apa yang dikeluarkan. Kita dah ada pengalaman yang boleh katakan yang kita ada pengalaman. So apa yang kita perlu yang saya telah ceritakan kita ada teknik atau pun cara untuk mengkaji untuk menganalisis kompaun-kompaun tersebut dan kita pun ada bincang antara beberapa ahli kimia termasuk ada yang pakar yang ada *laboratory* dan sebagainya dan kita dapat cara yang paling cepat tetapi yang paling cepat pun tidak boleh dikesan dalam satu dua jam. Speaker dengan izin *it depends on what is the compound*. So walau bagaimanapun, kita akan cari cara untuk menambah baik lagi supaya bila kita dapat kesan kita akan dapat merawat atau kita dapat mengenal pasti di mana puncanya. Setakat ini lah Tuan Speaker saya habiskan jawapan saya untuk perkara-perkara lain saya rasa yang dibangkitkan, pihak Kerajaan akan..

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ : Speaker, minta pencerahan sedikit boleh?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Semenyih minta.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ : Minta pencerahan. Tadi Yang Berhormat EXCO maklumkan semalam ada mesyuarat membincangkan cara sistem pengedaran bagaimana *tanker* ini hadir boleh di mana kita dapat hasil daripada keputusannya nanti supaya memudahkan penduduk Semenyih yang sentiasa ada

krisis ini dapat mengetahui dan kalau boleh minta Yang Berhormat EXCO tentang tangki yang rosak yang saya cakap tadi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ok, tangki yang rosak yang kita bincang semalam adalah pengedaran air ataupun *tanker* bukan tangki, *tanker* khasnya bila ada kecemasan. Jadi ada satu sistem untuk berkomunikasi khasnya dengan Ahli Parlimen atau pun Ahli Dewan Negeri atau Ahli Majlis supaya penduduk-penduduk tahu kalau dalam keadaan yang cemas di mana *tanker* itu akan berada dan sebagainya, termasuk komunikasi. Apa yang penting adalah kalau penduduk tahu di mana *tanker* berada ditetapkan secara statik ataupun ada yang bergerak, maka mereka boleh dapat air lebih senang lebih baik daripada duduk di luar berjam-jam dan *tanker* tak jumpa ataupun mungkin sudah lalu sebelum itu. Jadi maklumat terperinci Yang Berhormat Semenyih akan disampaikan kepada bukan sahaja Yang Berhormat Semenyih tetapi kepada semua Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ : Adakah tanggungjawab itu daripada SYABAS juga?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya, daripada Air Selangor, SYABAS.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ : Aduan semua kepada SYABAS, nak mengetahui juga pun daripada SYABAS?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Betul. Tuan Speaker untuk maklumat yang lain dengan secara terperinci, saya akan bagi pihak Kerajaan Negeri akan sampaikan kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat secara bertulis.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan Negeri Selangor menggesa Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan melalui agensi masing-masing mengambil tindakan segera untuk memastikan isu pencemaran air sungai yang mengganggu tidak akan berlaku lagi kerana kegagalan ini akan terus mendatangkan kesusahan kepada rakyat Selangor. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul nombor 19 Tahun 2016 Usul Di Bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut; bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk menarik balik cadangan persempadanan semula dan mengemukakan satu cadangan persempadanan semula yang baru, yang adil yang mencadangkan

kawasan pilihan raya yang seimbang dari segi bilangan pengundi selaras dengan Prinsip Satu Orang Satu Undi.

Tuan Speaker, antara tanggungjawab SPR adalah dalam membuat syor-syor berkenaan dengan persempadanan semula. SPR hendaklah dari semasa ke semasa biasanya sekali dalam sepuluh tahun sebagaimana yang difikirkan perlu mengkaji semula pembahagian kawasan Parlimen dan kawasan DUN negeri-negeri untuk tujuan pilihan raya. Saya ingin mulakan dengan merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Jadual Ketiga Belas Perkara 2 (C) yang menyatakan; Prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya menurut peruntukan perkara 116 dan 117 iaitu bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu negeri patut lah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya luar bandar ukuran kewajaran bagi kawasan patut lah diberi kepada bahagian-bahagian pilihan raya. Pada 15 September 2016 SPR telah memulakan proses persempadanan semula dan telah mengumumkan kawasan-kawasan pilihan raya yang baru tetapi kita juga ambil maklum SPR tidak mengemukakan satu peta khusus bagi setiap kawasan Parlimen dan kawasan DUN yang telah memberi kesukaran kepada semua penduduk semua rakyat Malaysia untuk mengenal pasti sempadan-sempadan baru yang dicadangkan, tetapi isu yang lebih serius, yang lebih besar adalah pembahagian yang tidak sekata atau dalam bahasa Inggeris yang lebih *common* ialah *melt rapprochement*. Perkara ini berlaku di Negeri Selangor walaupun kita kekal dengan 56 kerusi tetapi pembahagian pengundi jika kesemua 56 kerusi ni adalah tidak sekata. Sepatutnya terdapat 34,584 pemilih atau pengundi secara purata di setiap DUN. Jadi perkara ini haruslah hampir kepada nombor ini. Apabila SPR melakukan kerja persempadanan semula sepatutnya saiz-saiz DUN yang sangat berbeza daripada Seri Serdang hampir 70 ribu pengundi, Subang Jaya yang besar, Damansara Utama yang besar dan DUN-DUN yang kecil sepatutnya bergerak ke arah bilangan yang purata tetapi apa yang kita lihat ialah keadaan ini menjadi semakin teruk bukan semakin baik. Memang persempadanan semula diperlukan setiap kali setiap 10 tahun bilangan penduduk tidak bertumbuh dengan sekata di seluruh negeri Selangor. Ada tempat yang bilangan penduduk tidak bertumbuh dengan banyak, ada tempat yang baru seperti Puchong yang bertumbuh dengan pesat. Kita lihat beza antara DUN yang terbesar dan DUN yang terkecil adalah sangat besar. DUN yang terbesar Subang Jaya terdapat 66,059 orang pengundi. DUN yang kecil ialah Sungai Air Tawar terdapat 15,033 orang pengundi. Beza dia ialah 4.39 kali lebih besar. Ini tidak adil, jadi undi di Sungai Air Tawar nampaknya empat kali lebih berharga dari di Subang Jaya. Adakah ini betul? Adakah ini adil? Adakah UMNO akan bangkit dan membantah SPR yang tidak adil ini? Kita lihat DUN-DUN yang lain seperti Kinrara menjadi semakin besar. DUN saya di Bukit Gasing pun bertambah besar, dia menjadi 42,882 orang pengundi. Sepatutnya DUN Bukit Gasing tidak perlu bertambah besar sebab hampir kepada nilai purata tetapi

dijadikan lebih besar daripada nilai purata. Kita lihat untuk kerusi-kerusi Parlimen di negeri Selangor terdapat kerusi-kerusi yang terbesar di seluruh Malaysia. Nampaknya SPR tidak adil kepada rakyat Negeri Selangor. Kita lihat Damansara, kerusi yang terbesar adalah empat kali lebih besar daripada Sabak Bernam, kerusi terkecil antara semua kerusi Parlimen di Negeri Selangor. Terdapat banyak kerusi yang lebih daripada 100,000 orang pengundi. Untuk kerusi Parlimen iaitu Damansara, Bangi, Klang, Petaling Jaya, Subang, Gombak, Kota Raja dan Kapar tetapi kita lihat situasi di mana kerusi-kerusi yang secara kebiasaannya dipegang oleh UMNO, Barisan Nasional masih kecil seperti di Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjung Karang dan sebagainya. Saya ingin mengata di sini kalau nak kata pun luar bandar kenapa di Negeri Selangor yang hampir sama *excess* nya. *Excess* kepada tempat mengundi tidak menjadi cabaran seperti di Negeri Sarawak. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Kalau kita bandingkan di luar bandar seperti di Sabak Bernam dan Sungai Besar, Sabak Bernam hanya terdapat 37,126 orang pengundi dan Sungai Besar 42,833 orang pengundi. Jumlahnya 79,959 orang pengundi. Kalau dibandingkan dengan Hulu Selangor, 76,599 orang pengundi. Dua daerah ni daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor hampir sama bilangan pengundi. Kenapa daerah Sabak Bernam terdapat dua kerusi Parlimen? Dan daerah Hulu Selangor hanya terdapat satu kerusi Parlimen. Barangkali Batang Kali akan bangkit ke untuk membantah perkara ini yang tidak adil kepada semua penduduk di kawasan Hulu Selangor. Kita juga lihat perkara yang kedua selain perkara *melt rapprochement* dengan izin ialah perkara *Gerrymandering* iaitu persempadanan yang tidak adil. Kita lihat bahawa kawasan Parlimen Petaling Jaya, ia sangat besar sehingga terdapat sebahagian daripada kawasan pentadbiran Shah Alam yang termasuk dalam kerusi Petaling Jaya. Kita lihat kerusi Damansara yang lazimnya dikenali sebagai kawasan di Petaling Jaya terdapat sebahagian daripada Selayang menjadi sebahagian daripada kerusi Damansara. Parlimen Sungai Buloh adalah satu kawasan Parlimen yang merentasi tiga (3) kawasan pentadbiran PBT Shah Alam, PJ dan Selayang. Kawasan Puchong, kebanyakan daripada kawasan Puchong yang orang kenali sebagai Puchong terletak di luar Parlimen Puchong. Kawasan Seri Andalas dan Kota Alam Shah memberi satu lagi contoh di mana Seri Andalas mengelilingi Kota Alam Shah. Ini *Gerrymandering* yang dibuat khusus untuk membantu sesetengah kerusi ini tumbang kepada Barisan Nasional dalam Pilihanraya akan datang. Saya rasa perkara-perkara ini adalah serius dan patut diberi perhatian oleh Dewan yang mulia ini dan saya menyusul pada petang ini bahawa Dewan Negeri Selangor menolak cadangan SPR dan menggesa SPR untuk menarik balik cadangannya dan mengemukakan satu cadangan yang adil untuk semua rakyat Selangor dan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Menyokong?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku, bahas terus. Untuk rekod, Kampung Tunku menyokong dan terus bahas.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, terima kasih. Kampung Tunku juga berdiri menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing ini. Kampung Tunku menyokong atas beberapa sebab. Sejak tahun 2013, kita selalu bertanya bila Kerajaan Pakatan Rakyat pada masa itu menang dengan 53% majoriti undi dan Barisan Nasional 47% majoriti. Tapi kenapakah Kerajaan Barisan Nasional boleh diteruskan? Jawapannya adalah senang. Tuan Timbalan Speaker, ianya berpunca daripada persempadanan semula atau pun pembahagian sempadan kawasan yang tidak sekata seperti apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing tadi. Tuan Timbalan Speaker, perkara ini perlu ditangani. Saya memerhati bahawa semalam Kerajaan Selangor telah membuat satu sidang media dan mengumumkan bahawa Kerajaan akan membawa satu perbicaraan di Mahkamah melalui *Jurisdiction*, semakan Kehakiman terhadap apa yang dicadangkan oleh SPR ini dalam *exercise* persempadanan semula ini. Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong usul ini kerana perkara ini adalah sesuatu yang sangat mustahak untuk pembangunan demokrasi di negara kita. Saya ingin menarik kepada perhatian Dewan kepada satu fasal, satu artikel fasal di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Artikel 114. Bahawasanya keanggotaan SPR perlulah dilantik daripada mereka yang mendapat kepercayaan awam. Fasal tersebut menyatakan bahawa pada melantik anggota SPR, Yang Dipertuan Agong hendaklah mengambil perhatian tentang peri mustahaknya suatu Suruhanjaya Pilihanraya yang mendapat kepercayaan awam. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan dalam melantik anggota-anggota SPR ini telah pun melalaikan perhatian atau pun kriteria yang perlu diberi perhatian dalam fasal ini. Saya tidak perlu berpanjang lebar kerana Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar telah pun menyatakan bagaimana SPR selama ini dipergunakan sebagai satu alat oleh Barisan Nasional untuk memenangi Pilihanraya melalui cara yang tidak adil.

Tuan Speaker, saya kira kita juga perlu menarik perhatian bahawa apakah kita boleh lakukan selain daripada menggunakan melalui cara Kehakiman untuk mengharungi cabaran-cabaran ini. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan berhubung dengan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 yang memberi kuasa perundangan yang sama kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja. Tujuannya adalah untuk menyiasat bagaimana proses ini boleh dilakukan.

Tuan Speaker, Selangor adalah salah sebuah Negeri di dalam Persekutuan. Selangor dengan menyumbangkan lebih daripada 23% kepada KDNK dan mempunyai kepadatan penduduk yang paling tinggi di Malaysia. Saya beranggapan bahawa Kerajaan perlu bertindak pro aktif untuk menekan untuk mendesak SPR. Bukan sahaja persempadanan semula ini perlu dilakukan dengan cara yang adil tetapi kita juga memerlukan penambahan kerusi. Tidak adil bagi sesebuah kerusi itu

atau pun kawasan itu mempunyai saiz pemilih yang terlampau besar. Damansara adalah satu contoh yang ekstrem, 140,000 pengundi. Bagaimana dengan kawasan-kawasan seperti Puchong, Kelana Jaya. Saya kira saiz pengundi di kawasan ini melebihi 100,000 orang. Bagaimana Ahli Dewan Rakyat boleh berkhidmat dengan cekap di kawasan-kawasan yang besar seperti ini. Baik Pakatan Rakyat, Pakatan Harapan atau pun Barisan Nasional, dia tidak akan berfungsi dengan cekap. Saya memohon supaya Kerajaan menimbang semula pelbagai cara. Mungkin sekarang tidak boleh dilakukan tetapi sekiranya waktunya sampai kita perlu melakukan sesuatu selain daripada proses Kehakiman dan proses-proses yang tertera di bawah Akta Pilihanraya.

Tuan Speaker, satu perkara berkenaan dengan contoh yang kita boleh tengok di luar Negara. Peranan SPR sewajarnya lebih tertumpu kepada urusan pengendalian Pilihanraya dan tidak dibebankan dengan tanggungjawab untuk mengemukakan syor-syor persempadanan baru bahagian Pilihanraya kerana ianya menghasil kredibiliti dan kebebasan SPR. *Boundary Commission For England* diwujudkan bagi mengemukakan syor persempadanan baru bagi kawasan-kawasan Pilihanraya dalam tempoh setiap lima (5) tahun. Antara kriteria-kriteria yang menjadi pertimbangan adalah *electro quota and 5% rules, geographical size, special geographical consideration, local government boundaries, boundaries of existing constituency a localities*. Garis panduan ini terkandung dalam laporan *Boundary Commission For England 2013*. Saya memohon mana-mana Ahli Dewan yang berminat bolehlah melayari laman web untuk mendapat isi kandungannya. Banyak contoh kita boleh belajar dari luar Negara. Saya percaya dalam kita memperkasakan sistem demokrasi dan sistem Pilihanraya di Selangor dan di Malaysia ini kita perlu menimba pengetahuan yang lebih banyak. Saya memohon cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam ucapan saya, begitu juga ucapan Bukit Gasing dapat diberi pertimbangan serius dalam merangka strategi yang lebih menyeluruh untuk memaksa SPR melakukan sesuatu. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras, 5 minit.

Y.B. TUAN MOHD KHAI RUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam Usul yang di bawa oleh saudara Bukit Gasing berhubung dengan persempadanan semula. Kalau saudara baca, saudara buka internet. Kalau kita lihat, penulis-penulis blog, pemerhati-pemerhati, penganalisa politik, para akademik, maka nescaya kita akan dapati tidak ada komen yang baik tentang *exercise* yang dibuat oleh SPR tentang persempadanan ini. Kita bercerita tentang SPR, memang saya yakin UMNO akan cuba pertahankan tindakan SPR itu walaupun kita dapati SPR ini kadang-kadang berhadapan dengan krisis keyakinan rakyat. Bukan sahaja orang politik yang merasakan tindakan SPR ini tidak waras tetapi rakyat keseluruhan juga melihat bahawa ini adalah tindakan *desperate*, terdesak, busuk hati. Apa lagi? Jahat untuk merampas Selangor dan untuk mempertahankan kuasa Presiden UMNO di Putrajaya. Jangan cakap masalah SPR

itu telus. Tengok rekod 2004, apabila Selangor dilanjutkan 2 jam tempoh dalam waktu tempoh pembuangan undi sedangkan warta yang digazetkan atau gazet tempoh pembuangan undi hanya sehingga pukul 5.00, 2 jam. Kalau kita tengok sepanjang tempoh Pilihanraya 2004, saudara masuk dalam tempat mengundi, kerani SPR pegang daftar pemilih yang lain, kita pegang daftar pemilih yang lain. Tiga (3) daftar di Seri Andalas. Adakah ini dikatakan proses demokrasi di dalam negara yang membangun? Sudah tentu tidak. Kita lihat krisis-krisis, kita menerima aduan pada hari pembuangan undi. Orang mari pada kita, orang tanya macam mana nama saya dipindahkan ke Kuala Kubu Baharu, Kuala Selangor yang tidak ada kena mengena dengan daftar pemilih. Ini perkara rakyat melihat sebagai sesuatu yang serius yang kita kena ambil tahu. Saudara Bukit Gasing bentang, saudara Yang Berhormat Kampung Tunku juga membentang. Menyebut artikel-artikel, fasal-fasal. Ini semua teori. Ini teori yang

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Speaker, mohon penjelasan. Semangat betul Paya Jaras mengatakan SPR tidak telus, tidak demokrasi. Macam-macam disebut pasal SPR. Saya nak tahu, nak bertanya dengan Paya Jaras ini. Tahun 2008 menang Pilihanraya di Selangor, tahun 2013 menang Pilihanraya di Selangor. Pakatan Pembangkang Kerajaan Persekutuanlah. Sekarang ini menjadi Kerajaan Negeri Selangor. Adakah Kerajaan ini Kerajaan haram? Kerajaan yang apa nama dikatakan Pilihanrayanya tidak telus, Pilihanrayanya tidak disokong oleh seperti mana yang diucap oleh Paya Jaras tadi. Silakan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih, Dengkil. Saudara Dengkil, Yang Berhormat. Kalau SPR telus pada tahun 2008 dan tahun 2013, kita dah ambil Putrajaya dah, itu yang pertama. Yang kedua,

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Itu tak dapat ambil. Dapat ambil Selangor. Tapi Kerajaan Selangor ini Kerajaan yang tidak diiktiraf oleh Paya Jaras sendiri ke, Kerajaan haram ke?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Sebab pada waktu itu kalau saudara tengok, mengapa pengumuman keputusan tahun 2008 itu dibuat pada jam 3.00 pagi?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ada 40,000 Bangladesh kot ya?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Siapa bawa masuk Bangladesh tu? Siapa? Kalau saudara Dengkil Yang Berhormat mengakui. Saudara sebut tadi.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ada bukti ke? Itu yang dibuat oleh, yang dikatakan oleh pembangkang, Pakatan Harapan. Itu yang dikatakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Masuk bakul, angkat sendiri.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :Ada 40,000 Bangladesh tapi tak ada bukti.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Ada bukti. Saya tanya soalan kepada Paya Jaras.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Teruskan.

TUAN SPEAKER :Eh, siapa yang bahas sekarang? Paya Jaras.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Paya Jaras, laluan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Ya, saya beri laluan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Paya Jaras, bukannya benar bahawa pada tahun 2008. Kita berbekalkan dan bersyukur kerana sokongan rakyat yang begitu padu, kita dapat menang. Katakan, kalau kita menang hanya 10 undi, 100 undi, atau pun 500 undi. Dengan paling penting sekali, dengan pertukaran dua, tiga peti undi. Maka kerusi yang kita menang itu dengan mudah sahaja ditukarkan kepada kerusi yang kita kalah dan Kerajaan yang kita harus menang mungkin akan terlepas begitu sahaja. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Paya Jaras. Yang Berhormat Paya Jaras bertanding Pilihanraya 2008 di kawasan yang sama, kalah pada masa itu. Tetapi kerana berbekalkan sokongan yang kuat 2013, menang. Orang UMNO tidak boleh melakukan apa-apa pun. Kalau mereka nak mensempadankan semula kawasan itu. Sebelah sana pun penyokong Pakatan, sebelah sini pun penyokong Pakatan, sebelah utara pun penyokong Pakatan. Nak *cut* macam mana pun tak boleh jadi. Itu sebabnya kita menang di Selangor. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Paya Jaras

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :Saya tidak tahu apa soalan yang sebenar Yang Berhormat (Ketawa)

TUAN SPEAKER :Paya Jaras tolong jangan tanya lagi. Kampung Tunku tolong duduk

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :Tuan Speaker saya jelaskan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sama ada setuju dengan saya atau tidak

TUAN SPEAKER :Paya Jaras. Tolong teruskan, tolong habiskan dalam satu minit.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Saya teruskan. Terima kasih saya bersetuju dengan kawan saya daripada Kampung Tunku. Maka dengan itu saya sebut saya hendak *respond* sikit antara tanda-tanda SPR itu diperkuda-kuda di antara tandanya adalah kemasukan mantan Pengerusi Tan Sri Rasyid di dalam Bersatu. Ini adalah tanda-tanda bahawa SPR dipergunakan sebab itu ada timbul perkataan (dengan izin) *green my the dreem* perkara yang kita tidak pernah dulu. Wujud dalam negeri krato krisis macam-macam sekarang ini zaman UMNO. Ini tersirat yang tersurat tak sebutlah kononnya untuk memberi peluang mengundi membuat mudah pendaftaran dalam bahagian ini semua teori-teori yang tersurat yang tersirat itu yang tadi. Tuan puan apa buktinya jahat. Kalau kita ada 600 ribu pengundi dalam satu sepadanan Pilihan Raya tukar kawasan saya beri contoh. Kalau ada 400 ribu pengundi dan SPR katanya kononnya ini terlalu tinggi perlu diturunkan kepada 35 ribu pengundi. Kalau hendak turun 35 ribu ke 40 ambil keluar 50 ribu ke kawasan lain. Soalannya mengadakan dikeluarkan 100 ribu dimasukkan 50 ribu yang lain. Bagaimana kalkulator ini. Kalau saudara hendak imbang, kalau SPR hendak imbang dari segi bilangan keluaran 40 atau masukkan yang berpatutan. Tapi adakah cerita keluar banyak masuk banyak. Lambat masuk sebab itu saya kata ini ada niat yang tidak baik untuk berhadapan dengan suara rakyat dalam negara Malaysia di mana UMNO Barisan Nasional sedang diancam di Putrajaya. Ini niat jahat. Tuan-tuan dan puan-puan saya mengambil contoh minta maaf Yang Berhormat-Yang Berhormat ini sebab mungkin terkeliru dengan Kampung Tunku tadi sebentar. Minta maaf banyak. Bilangan kerusi DAP daripada 15 kerusi yang DAP menang 80% adalah berkesan dengan sempadan Pilihan Raya. Kerusi PKR daripada 14 kerusi yang dimenangi 100% terkesan dengan sempadan Pilihan Raya. Kerusi PAS yang kita menang 15 dahulu 87% terkesan sempadan Pilihan Raya. UMNO yang menang 12 kerusi hanya 42% sahaja sempadan Pilihan Raya itu pun konon-konon hendak ketulusan SPR. Ada sempadan Sungai Air Tawar, Sg Panjang, Hulu Bernam, Batang Kali, Dengkil langsung tidak ada kemasukan, langsung tidak dikeluarkan. Apa cerita.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mohon mencela. Sebab disebut Batang Kali. Minta maaf. Boleh saya terangkan apa yang berlaku.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Y.B. Tuan Speaker nanti selepas ini kamu boleh bahas. Sebab itulah Paya Jaras yang pertama menyokong sepenuhnya usul ini dengan harapan saya mohon Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk mengambil *injunction*. Bukan *injunction* terhadap persempadanan *injunction* untuk supaya tidak berlaku bantahan pendengaran bantahan ini. Jangan bagi proses pendengaran bantahan ini berlaku sekarang ini. Yang kedua kita menyokong cadangan Kampung Tunku bahawa minta maaf Kg. Tunku. Yang ketiga kalau berlaku proses bantahan ini kita mahu bantahan-bantahan ini tidak didengar oleh SPR itu sendiri. Mesti ada pihak ketiga yang bebas yang terdiri daripada Hakim-hakim atau orang-orang yang berlatar belakang undang-undang baru *gentlemen* SPR. Dia buat sempadan dia dengar, ditolak, ini demokrasi ini.

Sebab itu lah terakhir barangkali Y.A.B. Bukit Antarabangsa timbang-timbang, tengok-tengok kalau degil juga jalan juga boleh jadi kita berpilihan Raya bersendirian di negeri Selangor ini. Boleh timbangkan. Dengan sebab itu SPR jangan ambil mudah dibincang di dalam Dewan dan UMNO konon-konon tunjuk bahawa bersempadan itu telus kita telah buktikan Bukit Gasing telah bangkitkan dengan semua artikel lengkap. Bahawa bersempadan ini mesti ditolak dan kita berdiri tolak bersempadan ini yang ada di dalam Negeri Selangor ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER :Baiklah 2 lagi pembahas 1 pembangkang 1 lagi Seri Andalas. 5 minit seorang. Kota Damansara dulu.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabawabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Saya hendak merakam ucapan terima kasih kepada Tuan Speaker memberi ruang kepada saya untuk membahaskan usul yang telah dibawa oleh Y.B. Bukit Gasing. Saya tidak sihat Tuan Speaker. Suara. Berdasarkan Menteri Besar nak kena

TUAN SPEAKER :Teruskan Kota Damansara

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Nak kena ni..berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Bahagian 8 Pilihan Raya Perkara.113 Bulan 2 dengan jelas nyatakan bahawa maka hendaklah ada tempoh tidak kurang daripada 8 tahun antara tarikh siap satu kajian semula dengan tarikh bermulanya kajian semula yang kemudiannya di bawah fasa ini maka dengan peruntukan ini jelas SRP wajib melakukan kajian persempadanan semula selepas kali terakhir melakukan kajian ini pada Tahun 2013.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :Mohon mencela.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Iaitu 13 tahun yang lepas sepatutnya baru nak mukadimah duduklah dulu. Janganlah kacau..

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :Tak boleh sebab itu perkara itu semua orang tahu kita tahu

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Ya baru nak mukadimah duduk

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :Ya tapi *lane* yang hendak sepatutnya kita sudah tahu dah

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tuan Speaker tidak dibenarkan. Ini nak apa ni..jangan ganggu. Sepatutnya tiada persoalan dan pertikaian atas tanggungjawab yang dilaksanakan oleh SPR ini. Proses yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga merupakan proses yang tulus sah dari segi perlembagaan. Bermula ini salah satu daripada sakit mental ini orang cakap dia he...ini Menteri Besar ini sakit mental. Juga merupakan proses yang tulus dan sah daripada segi perlembagaan. Bermula notis sepadanan kajian oleh SPR pendengaran terbuka bantahan dan terlepas itu laporan akhir yang akan diserahkan kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan Dipertua Dewan Rakyat untuk dibahaskan dan dipersetujui di dalam Dewan Rakyat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :Kota Damansara.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Proses kajian sempadan tersebut dilakukan dan diteliti oleh-oleh mereka yang bertanggungjawab. Suka hati sayalah. Kota Damansara *the is my floor*

TUAN SPEAKER :Bukit Gasing duduk dulu.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :*The is my floor. So you see dont...*

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku, Bukit Gasing, Kota Damansara teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM :Kota Damansara ada sedikit kemajuan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:Ya..Terima Kasih Sekinchan. Dah basi bagilah saya ruang dan peluang. Betul tak dan kacau buat apa. Proses kajian sempadan tersebut dilakukan dan diteliti oleh mereka yang bertanggungjawab.

TUAN SPEAKER :Apa dia Kampung Tunku.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Mula saya hendak ingatkan semula.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Tuan Speaker...

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Atas lunas-lunas demokrasi

TUAN SPEAKER :Kota Damansara..Kota Damansara duduk dulu. kampung Tunku apa dia...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Masa bahas itu hari.

TUAN SPEAKER :Baiklah Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker...

TUAN SPEAKER :Baiklah Kampung Tunku duduk. Kota Damansara teruskan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih Tuan Speaker. Jadi sudah wajarlah SPR melakukan kajian sepadanan ini. SPR juga telah menyediakan ruang bantahan. Supaya pihak yang boleh membantah mengikut perlembagaan memberi kritikan, saranan dan juga pandangan. Kota Damansara juga melakukan bantahan, Kota Damansara juga tidak setuju dengan apa yang telah dilakukan ataupun sepadanan dibuat mula di kawasan Kota Damansara. Jadi apa masalahnya sekarang. Kalau apa yang diperkatakan oleh Paya Jaras saya nampak Paya Jaras ini dia ini berasa bimbang, takut, ragu kerana dia takut kalah kot lepas ini.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :Saya mohon penjelasan sikit.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya pun nak.

TUAN SPEAKER :Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : So maksudnya selepas apa yang dimaksudkan oleh Kota Damansara.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tuan Speaker bagi Paya Jaras duduk. Sebab Paya Jaras *is my neighbour* (dengan izin). Dan hari ini saya teruja kerana beliau pakai tie merah.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Habis Cempaka macam mana.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Cempaka.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :Sebab itu saya harap Cempaka jangan marah dalam hal ini ye (ketawa). Baik soalan saya kepada Kota Damansara

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Cempakatak pakai *tie* sebab pakai baju Melayu.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :(Ketawa) soalan saya kepada Kota Damansara di tempat luar ada keluar ada masuk. (Ketawa) ada pengundi dibawa keluar ada pengundi dibawa masuk diracik-racik tapi apa pasal Kota Damansara ini dibawa masuk tapi tak ada yang keluar-keluar lain daripada pada lain ini.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Itulah Paya Jaras kalau bercakap kena buat penyelidikan jangan cakap sebarang cakap ini tanda sakit mental ini ...cakap..cakap..cakap tak ada asas.. *don't* Kota Damansara kalau tak ada dibawa masuk itu tak ada dibawa keluar lagi ada.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :Ya betul-betul saya silap dibawa keluar tidak dibawa masuk.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta soalan. Tak boleh juga

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Dah duduk. Saya

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Apakah asas. Apakah sebab Yang Berhormat membuat aduan atau pandangan. Boleh terangkan di sini.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Heii kenapa saya yang hendak terangkan pada Dewan ini. Itu hak saya biarlah *this is my* rahsia. Terpulang kepada saya hendak bawa apa-apa pun..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Tuan Speaker....

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Ok. Saya tak nak share dengan Bukit Gasing *sorry* (dengan izin) dengan Kg. Tunku. *No way don't share you* (dengan izin)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya hendak tanya Y.B. Kota Damansara ada pandangan ada ke tidak...

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Ada. Saya ada hantar bantahan. Suka hati sayalah. Saya dah cakap saya hantar bantahan. Sebut-sebut kenapa.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :Kota Damansara berlakon membantah.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Paya Jaras...duduklah

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kota Damansara

TUAN SPEAKER :Kampung Tunku jangan ganggu.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :Jangan ganggu Paya Jaras. Dindaku Kota Damansara tak pernah tak pernah berlakon tak pernah kalau saya

katakan buat bantahan saya buat bantahan. Ok. Jadi tiada gunanya Dewan yang mulia ini membahaskan perkara yang bukan di bawah bidang kuasa negeri.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kekandaku saya hendak bertanya. Kalau tidak ada bidang kuasa kenapa Kota Damansara hendak berbahas.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Saya hendak berbahas sebab saya hendak menolak. Saya tolak. Sebab saya tidak setuju dengan apa yang dibawa usul ini oleh tadi Bukit Gasing. So saya hendak memperjelaskan apa yang sebenarnya yang hendak saya katakan ini.

TUAN SPEAKER :Kota Damansara. Morib

Y.B. TUAN HASNUL BIN BHARUDDIN :Mohon penjelasan. Terima kasih. Menurut Perkara 116-117 Perlembagaan Persekutuan, iaitu bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu negeri patutlah lebih kurang sama. Adakah Kota Damansara bersetuju?

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tak kuasa nak jawab. (Ahli dewan ketawa) Saya tak nak buang masa ok. Lepas ni saya tak benarkan sesiapa mengganggu saya sebab masa pun dah lewat ni kan. Ok, dalam erti kata lain mana mungkin kedai kopi boleh menyelesaikan isu ini. Jangan lah kacau Y.B. Shuhaimi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker, ini dewan yang mulia bukan kedai kopi. Tak boleh. Tarik balik.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tak faham. Dia tak faham. Tak faham tau.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara, tolong habiskan 1 minit.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Ok. Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga nak merujuk kepada kenyataan yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dewan yang mulia ini pada 3 November 2016 yang menyatakan seorang Setiausaha Sulit kepada Y.A.B. Menteri, Perdana Menteri diangkat untuk dilantik sebagai Timbalan Pengerusi SPR. Dari kenyataan media oleh Pengarah Media Pejabat Perdana Menteri dengan jelas menyatakan Kertas Cadangan bagi tujuan tersebut telah ditarik balik dan dia telah dimaklumkan..(Ahli dewan bersorak) dengarlah dulu, belum dengar..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Makna betul lah itu.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Telah ditarik balik DAN ia telah dimaklumkan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-raja sebelum mesyuarat Raja-raja bersidang. Maknanya, dia tak angkat pun *paper* itu ke atas Dato' Menteri Besar yang cun melecun.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kepada kakanda ku, nak tanya.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tapi dia ada cadangan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Jadi, sangat menyedihkan bila mana..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Niat ada tak? Niat ada kan? Niat ada kerana ada *paper* tapi ditarik balik. Itu benar atau tidak?

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Memanglah, *you* jawab lah. Biar MB yang jawab. You nak jadi Menteri Besar ke? Nak jadi Menteri Besar?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan saya berlandaskan kepada ucapan..

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Menteri Besar. Dia nak jadi Menteri Besar tau.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Dan juga kenyataan

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : So dia nak jawab. Dia tak sabar-sabar ni. Nak bagi laluan ke apa?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Pejabat Perdana Menteri.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tak ada. Duduk! Habis..itulah penganggur

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Sikit, sikit saja saya nak minta penjelasan Yang Berhormat.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Duduklah, dah lah tu. Dah.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Sikit. Bila tarikh, tarikh penolakan tu?

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : *You better concentrate at your* kawasan untuk menang pilihan raya Kampung Abbas. Duduk. (Ahli dewan ketawa) Kita mahu Yang Amat Berhormat..

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Bilakah tarikh..

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Di hadapan dalam dewan ini untuk menarik balik lah apa yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang cun melecun. Jadi, saya menolak usul ini.

TUAN SPEAKER : Pembahas terakhir, Sri Andalas 5 minit. Yang lain tolong jangan ganggu ya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Speaker. Saya nak mulakan dengan katakan dalam undang-undang ada yang katakan kita kena adakan proses untuk SPR melihat kerusi-kerusi di dalam negeri ataupun di Malaysia. Ada undang-undang? Tak ada. Dan kita alu-alukan. Kalau proses itu dibuat dengan adil, proses itu dibuat dengan *consultation*, proses itu ikut undang-undang yang ada ataupun proses itu ikut yang hendak oleh ADUN ataupun Ahli Parlimen ataupun orang-orang di luar. Tetapi, saya nampak pada tahun 2003, memang kita ada satu prosesnya di mana sempadan ini dibuat. Pada waktu itu, SPR buat apa? Dia nampak seolah-olahnya kalau lah kerusi-kerusi percampuran itu akan bagi kesan yang lebih berat kepada Barisan Nasional pada 2003 sempadan itu dibuat maksudnya, ada kerusi-kerusi yang ada berbagai-bagai kaum di dalam kerusi-kerusi itu sebab itu adalah *advantage* pada Barisan Nasional pada waktu itu untuk menang dan kita bukan di dewan pada waktu itu dan juga di Dewan Rakyat pun dia ada *2/3 majority*, dia ambillah, buatlah, apa pun orang kata tidak diambil kira, dia lulus, 2004 dia menang besar sebab ada kuasa-kuasa, tempat-tempat yang ada pengundi percampuran yang telah dimasukkan dalam proses *delineation* pada 2003. Apa yang berlaku di 2016? Dia nampak seolah-olahnya dia kalah di dalam kawasan-kawasan percampuran semua. Semua kawasan-kawasan campuran Barisan Nasional kalah. Sekarang di 2016 bila SPR nak buat *delineation* dia pecahkan kaum-kaum ini di dalam kawasan-kawasan ini. Terutama sekali di dalam negeri Selangor. Ada contoh, saya beri contoh Sri Andalas. Di Sri Andalas pengundinya ialah 56,000 orang. Apa SPR lakukan? Di sana ada 44% orang Melayu Bumiputera, ada 36% orang India dan 24% orang Cina. Itu ialah 60% bukan Melayu majoriti dan 40% Melayu. Fasal apa, tak boleh ke seorang ADUN yang beragama India ini berketurunan India ini tak boleh jaga kah kawasan itu? Boleh.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta penjelasan. Terima kasih Sri Andalas. Saya berminat dengan cadangan, pandangan Yang Berhormat tapi saya nak tengoklah yang mutakhir, yang terakhir pilihan raya di Malaysia ini ada 3. Negeri Sarawak, dan 2 pilihan raya kecil. Di Sarawak, kerusi-kerusi majoriti yang dimenangi oleh DAP pun kalah. Tak ada persempadanan semuladan kerusi-kerusi

yang DAP menang pun majoritinya turun 50%. Jadi, apa isu nak mengatakan bahawa itu sebagai seolah-olah sebagai satu *advantage* kepada Barisan Nasional?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tak. Fakta yang cakap itu ok.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu faktalah.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Fakta tau tak. Fakta yang menunjukkan pada 2016 bila persempadanan dilakukan oleh SPR mereka, konsentrasi mereka ialah bukan di kerusi Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjung Karang, Hulu Selangor..bukan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ataupun Hulu Langat. Ataupun Hulu Langat. Bukan. Dia..konsentrasinya..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Pilihan raya kecil, pilihan raya kecil Sarawak 2015.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tak, tak. Kita tumpukan, Sarawak sudah habis dah. Sebab dia berlaku ambil kepada Dewan Undangan Negeri dan telah diluluskan. Dia tau di Dewan Undangan Negeri dia, majoritinya ialah Barisan Nasional bila dia bawa kes macam ini kepada Dewan Undangan Negeri dia akan dapat kelulusan untuk dijalankan. Dia tak berani bawa kes ini ke dalam Dewan Undangan Negeri Selangor untuk diluluskan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Itu lah perkaranya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, boleh saya minta penjelasan sikit? Di Sarawak, kawasan-kawasan baru yang diwujudkan. Tapi kawasan lama masih kekal. Tak ada masalah pun.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ya. Saya setuju.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dan masih juga Barisan Nasional boleh menang.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya setuju. Saya minta SPR kalau telus dan bebas dan nak buat sesuatu yang baik, bawa kepada Dewan Undangan Negeri Selangor. Fasal apa takut untuk bawa kepada

Dewan Undangan Negeri Selangor? Dia di belakang. Dia ikut di jalan belakang. Nak pecahkan kawasan-kawasan dan sebagainya..tidak

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Dewan Undangan Negeri yang bawa.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Duduk, duduk. Tidak meningkatkan kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ha..itu pun. *That's the point.*

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Adakah Parlimen ataupun kerusi Dewan Undangan Negeri, so dia tak payah datang kepada dewan. Tetapi, dia kacau di bawah, dia pecahkan kaum, dia tolakkan orang keluar, dia buat segala-galanya. He is *circumventing the law*. Ini bukan undang-undang yang ada di dalam perundangan kita, di dalam kita punya Perlembagaan. Kalau berani, kalau SPR nak telus dan adil buatlah sesuatu. Ada perbincangan dengan kita? Tidak. Ada perbincangan dengan NGO di luar? Tak ada. Ada perbincangan dengan EXCO? Tak ada. Dia buat sendiri sahaja. Dan bila hari itu yang adakan bila pameran dia tunjuk, dia buat apa? Ada satu petak di atas sana, satu petak sahaja yang ada dan 2 buku di atas meja. Bila ADN datang pergi sana untuk dapatkan penjelasan, dia kata tak ada apa-apa. Ini sahaja, *you* boleh tengok sana sahaja. *What are you so afraid of if you are doing the right thing.* Untuk bagikan alasan kepada kita, apa masalah dia?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok. Boleh saya minta penjelasan. Yang Berhormat, negeri yang Pakatan Pembangkang menang 2, 3 termasuk Kelantan, yang Barisan Nasional menang lebih banyak. Pun tidak ada perundingan dengan Kerajaan Negeri. Sebab itu ada bantahan 800 lebih dan masuk negeri-negeri yang Barisan Nasional juga menang. Jadi, isu dia bagi saya seminit lagi kalau boleh Yang Berhormat bagi saya izin. Pada saya, kuasa SPR cadangan, kuasa kita untuk membuat bantahan. Kalau Yang Berhormat rasa membuat bantahan lagi ni..boleh..boleh buat bantahan dan proses bantahan dah selesai. Bila selesai habis bantahan akan bawa, kalau nak bawa ke mahkamah boleh bawa ke mahkamah. Dan akhirnya bawa ke Parlimen. Parlimen boleh bersidang dan boleh bahas lagi. Tak ada isu. Semua proses itu diikuti.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya tak ada masalah dengan prosesnya untuk bantahan dan sebagainya. Tetapi sebelum kita datangkan bantahan, fasal apa tak ada proses untuk ada komunikasi, ada proses untuk tanya-tanya dan sebagainya. Fasal apa tidak? *You* takut untuk datang kepada kita untuk tanya kita macam mana nak buat sesuatu yang adil, yang boleh diterima oleh semua orang. Kita tak payah buang masa di mahkamah dan buat bantahan dan sebagainya. Apa masalah dengan SPR? Ya, adakah dia adil ataupun dia adakah satu-satu yang dia nak buat yang diterima oleh semua di bawah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mohon mencelah. Nak tanya sikit saja. Apakah *statement* Yang Berhormat itu bermaksud bahawa RM1.2 juta lebih kurang harus berbuat seperti yang Yang Berhormat cakap?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Buat apa? Apa? Saya tak faham.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Maksudnya, 1.2 juta itu kena juga beri pandangan kepada SPR, setiap mereka harus bagi ataupun kita sahaja dalam dewan ini. Ini menunjukkan tidak adil juga. Kalau nak buat, semua orang kena buat. 1.2 juta juga kena buat.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya ingat, Batang Kali *is losing the whole argument* sini. Bukan 1.2 juta orang kena datang bagi nasihat kepada SPR. SPR ada kuasanya untuk panggil wakil-wakil di dalam kawasan-kawasan untuk bagi butiran dan keterangan. Itu pun tidak dilakukan oleh SPR. Tak payahlah panggil 2 juta orang. Kita ada 56 orang di sini. Ada Ketua Komuniti, ada Ketua Kampung, ada Ketua Bagan, ada NGO-NGO tertentu yang buat kerja-kerja ini di bawah. Panggillah mereka untuk adakan sesi. Ada ke tak ada sesi? Tak ada. Bila kita pergi kepada pejabat SPR, dia tak nak jumpa kita juga. Bukan saja di Selangor tapi kita pergi Putrajaya pun dia tak nak tengok kita juga. Apa? Contohnya saya bagi, bagi saya habiskan contoh Andalas, *you* boleh tengok, nampak 60..56 orang pengundi. Ribu. Apa dia buat? Kalau ini lah petak Sri Andalas, dia masukkan macam ini, dia tarik keluar orang-orang di dalam. Satu pulau, berapa orang dia keluarkan? 30,291 pengundi. Siapa dia? 95% orang India dan Cina. Keluar dari Sri Andalas. Sri Andalas itu menjadi majoriti Bumiputera Melayu dengan 86%. Tak ada masalah. Tak ada masalah.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Celahan. Sri Andalas, saya ingin penjelasan adakah proses yang dilakukan oleh SPR ini menunjukkan bahawa BN ataupun kerajaan Barisan Nasional itu menjarakkan tentang proses integrasi antara kaum?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Memang tidak ada untuk integrasi kaum. Tak ada. Pecahkan integrasi, pecahkan kaum. Itu sebab yang dia buat demikian itu, itulah Sri Andalas sekarang menjadi majoriti *Muslim*, tak ada masalah tapi di dalam Malaysia ini..

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Malaysia ini ada UMNO, ada MCA, ada MIC, ada Pakatan Harapan, ada banyak. Ini Malaysia ini, Perlembagaan kita menunjukkan Malaysia sebab apa? Sebab semua kaum ini ada

di dalam Malaysia. Bukan untuk pecahkan kaum dia. Ini yang masalah dengan SPR bukan saya katakan kita tak nak ikut apa SPR kata. Ada undang-undang dalam Perlembagaan untuk SPR ikut tapi adakah SPR di jalan yang *right*? Apa masalah dia untuk datang kepada Dewan Undangan Negeri untuk dapatkan kelulusan? Saya alu-alukan lebih kerusi di dalam Selangor. Tak ada masalah. Lepas kita ada satu perbincangan, kita boleh adakan. Tak ada masalah. Di Jeram ada 15,000 pengundi sahaja ataupun 16,000 ataupun 21,000

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : *Check* fakta dulu, *check* fakta dulu, jangan sebut.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ha, berapa?

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : 28,000

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Oh, 28,000. Bukan sama dengan kita? Separuh. Bukit Malawati 16,000 sekarang jadi 21,000 tapi di Andalas, di Kota Alam Shah, Kota Alam Shah pun, yang ada dia hilang kerusi ya,

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Speaker.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Sebab satu kawasan pun dalam Kota Alam Shah pun tak ada sekarang. Sebab semua masuk kepada Pandamaran. Pandamaran jadi besar. *Taukey*. (Ahli dewan ketawa). Kota Alam Shah yang dinamakan itu, Kota Alam Shah ialah semua daerah pengundi dari Sri Andalas dengan Pelabuhan Kelang. Tak ada kena mengena dengan nama Kota Alam Shah sekarang. Kota Alam Shah bukan lagi. Kalau berani tukar lah nama Kota Alam Shah. Buatlah Sentosa Jaya ke, apa ke lain ke. Berapa nama yang dia tukar? Fasal apa tukar nama? Ya, berapa kawasan yang telah tukar nama. Bangi, dulu Serdang, tukar ke Bangi, Kelana Jaya tukar ke Subang, Petaling Jaya Selatan tukar ke Petaling Jaya, Petaling Jaya Utara, Damansara. Subang dulu yang Karak, panggil Sungai Buloh. Batu Caves, satu nama sejarah *you* buang Batu Caves sekarang nama pun tukar kepada dari Batu Caves kepada Sungai Tua, Betul Batu Caves kepada Sungai Tua, Chempaka *sorry* Chempaka nama *you* tukar kepada Pandan Indah, Bangi tukar kepada Sungai Ramai, Damansara Utama. Sungai Ramai. Ini *wrong spelling* ke sini. Ramal. Damansara Utama kepada Bandar Utama, Sungai Pinang kepada Bandar Baru Klang dan Teluk Datok kepada Banting tapi Sabak Bernam tidak tukar, Sungai Besar tidak tukar, Hulu Selangor tidak tukar, Sepang tidak tukar, Hulu Langat tidak tukar, Tanjung Karang tidak tukar, itu Sepang lah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Dengkil ada 40 ribu saya alu-alukan kalau nak masuk lagi boleh.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Boleh tiada masalah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : *The more the merrier.*

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya tiada tukar tiada apa. Kalau lah UMNO melalui SPR nak menang di dalam Negeri Selangor ini memang dengan gaya yang betul dan baik dengan gaya dengan curi kawasan melalui SPR nak curi kawasan dan katakan nak menang itu pun saya *guaranty you* tidak boleh menang dalam pilihan raya akan datang.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Damansara.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak habiskan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Saya nak pencerahan sedikit.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya nak habiskan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Nak pencerahan sedikit sahaja. Jadi kalau betul kenyataan *you* kata *you* akan menang besar *why are you worry about.*

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Sebab *you dont understand the issue* sebab ini ialah satu isu ketuluan yang isu kebebasan satu isu yang adil untuk satu jawatankuasa yang di tubuh oleh kerajaan di bawah Yang Di Pertua Agong kena buat adil. Jangan lah *follow* proses yang kata-kata orang Putrajaya untuk buat demikian. Ini tidak nampak adil itu sebab kita *argue* di dalam Dewan ini. Kalau adil tiada sebab untuk *argue*. Tiada masalah.

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak betulkan sikit Tuan Speaker kenyataan dari ADUN Andalas tadi. Maknanya dia bukan masuk daripada pintu belakang lagi dia masuk dari pintu bawah tanah.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Betul lah dia tidak main belakang. Dia tidak main belakang betul lah itu. Saya ingat dia main belakang.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tidak boleh itu selalu sangat mengeluarkan kenyataan mempunyai maksud berbeza. Ini kena bawa kepada Jawatankuasa Khas Dewan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Wanita tidak patut macam itu.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya. Saya nak.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Adakah Andalus setuju, setuju bahawa SPR Malaysia ini ialah *rubber stamp* kepada UMNO.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Setuju. Setuju 100%.

TUAN SPEAKER: Sri Andalus *can you wrap up*.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Yes. So dengan itu saya minta untuk Dewan ini lepas kita buat kajian dan tengok macam mana cara SPR melakukan sesuatu. Lagi satu saya nak bawak Speaker. Di dalam pendengaran awam yang di lakukan oleh SPR kalau SPR adil pasal apa kita tidak boleh baya *lawyer* kita masuk. Apa masalah dengan SPR tidak bagi *lawyer* tapi saya nak rekodkan saya punya hujah di antara SPR dengan 3 orang itu.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : 3 orang . Boleh saya nak perjelaskan sedikit. Saya nak minta perjelaskan sedikit. Kenapa pula *you* tidak boleh bawa Sri Andalus kata tidak boleh bawa *lawyer* masuk, *you* masuk dekat dalam senarai 3 orang itu salah sorang *lawyer*.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tidak apa.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: *You can do that*.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Itu bukan alasan dia ada kita ada *lawyer* buak kita tiada *lawyer* kita ada. Fasal apa kita tidak boleh bawak *lawyer*. Nombor dua kenapa saya tidak boleh rekodkan saya punya perbincangan dengan di antara SPR dengan 3 orang yang buat bantahan itu. Apa takut sangat SPR dengan buat *recording* itu katakan itu *open discussion, open conversation* kenapa tidak boleh.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok maknanya Sri Andalus tidak cerdik. Kalau cerdik masukkan salah seorang daripada juru cakap itu seorang *lawyer* so boleh tiada masalah.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tidak payah cari jalan melalui belakang.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Bukan prinsip dia Kota Damansara Undang-undang menyebut tidak boleh. Minta laluan, minta maaf.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tidak apa. Memang di *lawyer*, undang-undang itu biarkan bawah *lawyer* tapi keputusan yang buat itu SPR takut apa bawa *lawyer*. Ini yang saya mintakan penjelasan dan apa beberapa kawasan-kawasan buat bantahan SPR telah tolak bantahan itu. Tidak diberikan alasan kenapa ditolak. Sri Andalus buat 11 bantahan, saya tengok berapa bantahan itu akan di panggil. Saya buat 11 bantahan untuk perkara ini. Tengoklah berapa nak panggil saya sedia tiada masalah so Tuan Speaker saya memang nak

bawa perkara ini dan saya setuju dan sokong usul ini sebab dibawa dan kita tolak menolak cadang rancangan yang dibuat oleh SPR untuk memecahkan kawasan-kawasan ini tanpa alasan, tanpa ada rujukan kepada Perlembagaan kita dan saya harap nanti datang nanti di dalam mahkamah dan juga di luar orang akan tolak isu ini sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER:Baiklah saya menjemput pihak kerajaan untuk memberi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Sikit. Saya minta sikit sahaja ruang.

TUAN SPEAKER:2 minit Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Boleh. Cukup sekadar itu. Terima kasih Speaker saya ingin membahaskan usul 19 ini yang berkaitan dengan bersepadan cadangan bersempadan baru. Saya nampak dua perkara SPR ini siapa pelanggan utama SPR dalam Dewan yang mulia ini. Saya nak tanya satu perkara kepada UMNO Barisan Nasional. Siapa pelanggan utama SPR sudah tentu rakyat, rakyat adalah pelanggan utama *customer* kepada SPR. Jadi kenapa ada wujud satu perkara di mana borang-borang yang kita minta kepada SPR suruh dia bawak untuk pendaftaran dia tidak mahu bekalkan borang kenapa Andalas dia tidak mahu bagi borang, borang hanya bawa 200 sedangkan yang datang nak buat anak muda 1,000. Dia bawa 200. Kenapa begitu susah SPR nak bagi borang nak sediakan borang yang lebih itu pun dia tidak boleh buat kenapa. Ada udang di sebalik batu kerana mereka takut anak muda terlalu ramai masuk *register* jadi pengundi dia tidak mahu. Ini satu ini semua ramai orang tahu ramai Yang Berhormat buat pendaftaran tidak ada borang. Datang dan ada kalanya kita *interview* minta pegawai datang dia *last minute* naik kapal terbang tidak datang Fang Wei Ze dengan izin. Dia tidak datang jadi kita tidak ada buat ramai berkumpul tapi tidak boleh. Kenapa begitu susah itu satu. Yang ke-dua sampai kita sekarang zaman globalisasi zaman internet. Kenapa SPR tidak boleh laksanakan implementasi pendaftaran secara *online*. Kenapa, kenapa tidak boleh buat. Persoalannya senang sahaja saya nak bagi tahu Dewan yang mulia ini Tuan Speaker ialah dia tidak mahu memudahkan kepada pelanggan beliau. Jadi gagal dalam konteks SPR ini. Jadi tidak mahu kalau bagi saya senang sahaja sekarang kita boleh beli barang dekat *online* semua *online* kenapa pendaftaran *enggak bisa dong*. Fasal apa.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Sekinchan boleh minta pencerahan. Ada komen.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bagi sikit llok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih. Saya nak beritahu kenapa Kerajaan Persekutuan boleh mendaftar anak-anak muda sampai umur 21 tahun mereka diwajibkan masuk mengundi sebab bila sampai 21 tahun mereka hantar surat mereka kena *attend* BTN punya kos. Itu boleh buat tapi secara mengundi

mereka tidak buat sepatutnya *this all automatic* tidak perlu sampai 21 tahun mereka automatik jadi pengundi di Malaysia.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Ijok kerana memberi pencerahan tersebut. Memang hendak seribu daya tidak mahu seribu kali maknanya ada sesuatu yang tersirat dan tersurat. Jadi sekarang ini saya nak bagi tahu UMNO nak menolak nak menafikan. Tidak mahu berlakon dan sebagainya. Sekarang ini rakyat di bawah mereka marah. Yang hanya boleh menang hanya UMNO untuk kekal di Putrajaya nak rampas Selangor dan sebagainya hanya satu sahaja talian hayat mereka. Satu sahaja senjata yang terakhir iaitu persempadanan semula oleh SPR yang itu sahaja tidak payah menafikan seluruh dunia pun tahu .

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Yang Berhormat minta penjelasan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi kita tahu.

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Tempat Yang Berhormat Sungai Besar pun kalah. Kalah baru ini. Baru kalah dengan Yang Berhormat Sungai Panjang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Kalah memang tapi saya nak bagi tahu.

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Tiada sempadan pun.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Saya nak bagi tahu Yang Berhormat Permatang dan sebagainya. Permatang jadi pembela tidak apa lah jadi panglima pun tidak boleh saya nak bagi tahu kenyataan rakyat di bawah pun hendak tahu, banyak bantahan kita buat sebab tiada lain kerja SPR adalah untuk menangkan UMNO Barisan Nasional itu sahaja. Jadi saya tidak mahu cakap panjang saya ucapkan terima kasih kepada Speaker. Saya sokong usul ini untuk ditolak. Terima kasih.

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Tuan Speaker boleh atau tidak saya minta pencerahan sedikit sebelum kerajaan buat penggulungan.

TUAN SPEAKER:Daripada siapa Sekinchan.

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Tidak, kepada Speaker. Kepada Speaker sendiri. Saya minta maaf saya terlewat masuk kerana tidak sempat daripada awal usul yang dibawa oleh Bukit Gasing sebab saya baca dari *handsard* Dewan, saya ambil daripada *handsard* Dewan saya tidak dapat tarikh dia Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut kepada Pandamaran bahawa pada 9 November maknanya 2 hari yang lepas akan hadir ke mahkamah kita untuk mengemukakan kes. Jadi pada saya pada pandangan saya dari *handsard* yang ada kalau semua perkara sudah dibawa ke mahkamah apakah wajar dibawa usul ini untuk di bahaskan. Tiada masalah untuk kita terima untuk kita bahas tapi daripada

segi peraturan sebab apa perkara yang di dalam tindakan mahkamah sepatutnya tidak di kemukakan sebagai bahan itu saya minta pencerahan daripada Speaker.

TUAN SPEAKER:Yang itu terkandung di dalam syarat untuk pertanyaan soalan mengenai isu mahkamah tetapi untuk kes ini dalam undang-undang Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa negeri ada kuasa untuk memfailkan bantahan dan saya terima banyak soalan bukan sahaja soalan, usul pun juga saya terima 2 Ahli Dewan Negeri nak tanya kepada Kerajaan Negeri apa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri sebagai salah satu parti yang boleh memfailkan bantahan itu sebab saya benarkan untuk perbahasan dan ADN-ADN Barisan Nasional sudah mengambil bahagian dalam perbahasan saya rasa tiada masalah kerana usul ini tidak akan menjejaskan kes ini di mahkamah kerana.

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Bukan di dalam peraturan mengatakan apa juga kes sekiranya.

TUAN SPEAKER:Dalam soalan tambahan. Soalan tambahan.

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Pada saya bukan soalan tapi apa juga termasuk usul sepatutnya dia mengambil kira.

TUAN SPEAKER: Tetapi dalam kes ini.

Y.B. DATO SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :Sebab dia kan bersifat *subjudise* dan juga saya fikir kalau siapa kemukakan kena jadi saksi di mahkamah.

TUAN SPEAKER: Permatang saya dah jelaskan dalam undang-undang Kerajaan Negeri mempunyai hak sebagai salah satu daripada parti yang boleh fail bantahan ok dan hak Kerajaan Negeri saya rasa perlu di bahaskan di dalam Dewan ini. Ini bukan seperti kes-kes mahkamah lain di mana *another party right is affected under the law the state government have the right to file the objection ok*. Bukit Antarabangsa 15 minit cukup.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: *Insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin menyatakan bahawa kita mengambil perhatian serius di atas usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing dan mendapat sokongan dan juga dukungan daripada ramai Ahli-ahli Dewan Negeri pad petang ini. Di mana usul ini menggesa supaya SPR menarik balik cadangan persempadanan semula dan mendesak Kerajaan Negeri untuk menolak cadangan yang dibuat oleh SPR untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing dan Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri memang mengambil pendirian menolak usul yang di bawa oleh SPR dan ini memang menjadi pendirian kita. Belum di usul sudah kita tolak. Tetapi saya juga ingin menjawab beberapa perkara berbangkit untuk makluman Yang Berhormat Kota Damansara khususnya. Saya nak menegaskan bahawa usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing dan mendapat sokongan majoriti daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah satu perkara yang di benarkan oleh perlembagaan dan peruntukan yang sedia ada dan

ianya bukan lah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti yang di nyatakan oleh Kota Damansara. Saya ingin menyatakan lagi sekali bahawa Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan merupakan pihak-pihak yang dibenarkan oleh Seksyen 5 Bahagian 2 Jadual Ke-13 Perlembagaan Persekutuan untuk menggemukkan representasi bantahan berkaitan dengan syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya oleh SPR. Jadi perlembagaan menyatakan dengan jelas Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan mempunyai bidang kuasa untuk membuat bantahan dan saya telah menyatakan baru-baru ini bahawa Kerajaan Negeri menggunakan ruang perlembagaan dan proses perundangan untuk membuat bantahan. Kerajaan Negeri juga berpendirian bahawa syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah yang dipamerkan pada 15 September 2016, khususnya berkaitan dengan Negeri Selangor oleh SPR telah mencabuli dan tidak konsisten dengan Perlembagaan Persekutuan terutamanya perkara 113(2) Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 2(c) dan 2(d) Jadual Ke-13.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing sebentar tadi, di mana Subseksyen 2(c) dan 2(d) Jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan menyatakan prinsip-prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya menurut peruntukan Perkara 116 dan 117 dan antara perkara substantif yang terkandung dalam bantahan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri yang pertama dalam mengemukakan syor ini oleh SPR. SPR telah gagal memelihara hubungan tempatan, ini salah satu perkara yang amat penting diberi jaminan oleh SPR. Perkara yang kedua seperti yang terkandung dalam usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing ialah isu *malappropriation* yang jelas menunjukkan pembahagian yang tidak sekata.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Mohon mencelah sedikit. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebelum pergi ke tajuk yang lain, saya hendak rujuk apa yang Kota Damansara sebut. Mengenai jawapan Yang Berhormat kepada soalan mulut yang dikemukakan oleh Hulu Bernam ok, saya hendak sebut ini *hansard* yang baru dikeluarkan ya. Yang Berhormat menyebut bahawa seorang pegawai kanan kepada seorang menteri UMNO dilantik Pengerusi SPR tiga minggu yang lalu dan saya ingin hendak beritahu kali pertama dan ketiga minggu yang lalu diangkat satu nama dilantik sebagai Timbalan Pengerusi SPR

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ada dalam jawapan saya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kalau boleh Yang Berhormat bagilah laluan sedikit, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat ini. Pertama saya hendak sebut ini kerana Tuan Speaker, saya lihat kepada Peraturan Dewan, Menteri Besar layak untuk dirujuk kepada Jawatankuasa dan Kebebasan Dewan.

Pertama dia menggunakan, saya menyebut Peraturan Tetap 367 menggunakan nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atau nama-nama Duli-Duli Maha Mulia Raja-Raja Melayu Yang Dipertuan Negeri Pulau Pinang dan Melaka maka tidak boleh digunakan dalam Dewan. Pada saya ucapan semasa menjawab Menteri Besar menggunakan kedudukan dalam Majlis Raja-Raja. Apa niat Menteri Besar ...?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya akan jawab, tunggu. Apa hak Permatang untuk menentukan bila saya hendak jawab.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok, tak apa saya tunggu jawapan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya ada dalam ulasan dan jawapan saya, tunggu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok, saya hendak tunggu jawapan Menteri Besar. Ok saya hendak tunggu jawapan Menteri Besar mengenai perkara tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tunggu dan duduk, duduk.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tunggu tak ada masalah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Duduk, duduk jangan tinggalkan Dewan seperti kawan sebelah Pelabuhan Klang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tak ada masalah, saya tunggu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Hah, tunggu... Biar saya yang menentukan bila giliran hendak menjawab soalan itu. Ini bukan hak Permatang untuk menentukan. Tunggu dan sabar. Antara perkara substantif ketiga yang kita membantah ialah soal *gerrymandering* yang juga telah dikupas panjang oleh Yang Berhormat Bukit Gasing dan rakan-rakan sebentar tadi. Sebab itulah Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah pun mengemukakan permohonan untuk semakan kehakiman kerana saya telah beri jaminan di mana Kerajaan Negeri akan menggunakan ruang Perlembagaan dan proses perundangan untuk membantah. Saya telah nyatakan sebelum ini di dalam Dewan yang mulia ini juga bahawa pengurusan kes tentang permohonan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri ini akan diadakan pada 9 November 2016. Dan ianya telah berlangsung 2 hari yang lalu di hadapan Yang Arif Hakim Dato' Hanifah binti Faridkhalah yang mendengar pengurusan kes ini. Tetapi yang menjadi persoalan yang perlu saya nyatakan kepada Dewan ini ketika pengurusan kes di depan Hakim untuk permohonan bagi semakan kehakiman kerana ia melibatkan isu-isu perlembagaan yang saya nyatakan tadi mencabuli

beberapa fasal dalam Perlembagaan Persekutuan yang anehnya pihak Kamar Peguam Negara telah tampil ke dalam mahkamah dan membantah permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk semakan kehakiman. Dan pihak Kamar Peguam Negara memaklumkan kepada Yang Arif bahawa Jabatan Peguam Negara akan hanya bersedia mendengar permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ini pada tahun hadapan. Sudah tentulah Kerajaan Negeri membantah keras di atas cadangan oleh Jabatan Peguam Negara kerana sekiranya permohonan untuk semakan kehakiman ini dibuat pada tahun hadapan dalam keadaan SPR dibenarkan untuk meneruskan proses siasatan tempatan yang telah pun bermula sekarang. Maka apa juga keputusan yang dibuat oleh mahkamah kemudian pada tahun hadapan untuk semakan kehakiman akan menjadi akademik. Sebab itulah Kerajaan Negeri pada 9 November membantah cadangan dan permohonan oleh Jabatan Peguam Negara dan kita mahu supaya mahkamah menggantung semua proses siasatan tempatan oleh SPR dan *alhamdulillah* Yang Arif Hakim telah bersetuju supaya Kerajaan Negeri memfailkan satu permohonan untuk menggantung proses siasatan tempatan yang dibuat oleh SPR sementara menunggu pelupusan kes ini dan Yang Arif Hakim telah menetapkan pendengaran untuk permohonan penggantungan pada 28 November 2016 inidan kita berharap dengan hujah-hujah yang ada di tangan Kerajaan Negeri dan kajian-kajian yang telah dibuat, mahkamah dapat mendengar permohonan ini supaya SPR mesti menarik balik cadangan persempadanan semula yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Tuan Speaker saya juga ingin respons kepada hujah Yang Berhormat Kota Damansara dan juga Permatang, pemakan-pemakan dedak Putrajaya ya. Ini seolah-olahnya dengan satu kenyataan yang dikeluarkan oleh

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh jelaskan apa yang dimaksudkan pemakan dedak itu Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Tunggu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Tak, cakaplah apa dia.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Definisinya itulah pemakan dedak. Itulah pemakan dedak.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Dedak itu makanan untuk haiwan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:Itu makanan binatang. Cuba jelaskan. Seorang Menteri Besar kena jelaskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Biar saya jawab ini dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Janganlah sedap cakap kalau tak boleh nak jelaskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kalau tak mahu makan dedak, ikutlah peraturan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:Boleh makan aiskrim tak...?

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Kalau tak nak makan dedak makan aiskrim boleh tak?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:Apa maksud dedak itu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ikut peraturan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tanya pada Speaker saya hendak tanya penjelasan minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Minta kebenaran untuk bangun.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, saya minta penjelasan daripada Bukit Antarabangsa. Apa maksud dedak yang dimaksudkan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Saya tidak memberikan laluan sehingga saya menjawab soalan ini. Sekarang inilah maha firaun dulu jilat tangan Tun Dr. Mahathir itulah kita tak pernah cakap. Itulah perangai UMNO yang hodoh, tak apa. Allah Hulu Bernam, ya Allah hodohnya perangai. Berhujah tak berani. Macam mana boleh jadi pemimpin Wanita UMNO ini.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:Tuan Speaker lagi teruk perangai, tak Tuan Speaker lagi teruk perangai, makan dedak ini, dedak ini dimakan oleh ayam, binatang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kalau rasa-rasa makanan ayam, makanlah ayam, makanan ayam hendak buat macam mana. Kalau itulah

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:Mintalah penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Jawapan hodoh tak berani nak jawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jadi saya hendak jawab janganlah kerana kenyataan seorang Pengarah Media hendak menafikan apa keterangan yang saya telah buat di dalam Dewan. Apa yang dibuat oleh Pengarah Media Perdana Menteri, dia tidak menafikan dia hanya menyatakan telah ditarik balik. Dia tidak pernah

menafikan bahawa Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri telah dicalonkan sebagai Timbalan Pengerusi SPR ada ke tidak dinafikan, tidak ada. Sekadar menyatakan telah ditarik balik. Bila telah ditarik balik maknanya pernah dimajukan betul atau tidak. Tak akanlah tak faham bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dia tak boleh tarik balik kalau dia tak kemukakan, itu yang pertama yang harus kita tegaskan di dalam Dewan ini. Di mana nama tersebut pernah dimajukan, nama tersebut pernah dikemukakan dan sekarang baru hendak mengaku ditarik balik. Itu yang pertama yang kedua yang harus kita tanya mengapa ditarik balik, mesti ada alasan mengapa nama ini ditarik balik. Sudah tentulah kerana kita tahu tekanan sekarang membuktikan bahawa UMNO cuba mempengaruhi SPR dengan mengemukakan nama-nama yang ada kepentingan dengan UMNO dan Barisan Nasional. Yang ini harus kita rakamkan di dalam Dewan ini di mana Perdana Menteri sendiri tidak pernah menafikan bahawa nama Ketua Setiausaha Sulit beliau dimajukan sebagai calon kepada Timbalan Pengerusi SPR.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kalau Perdana Menteri ada jiwa transformasi kononnya, jiwa reformasi jauh sekalilah kalau dia betul-betul hendak melakukan transformasi hendak menjamin kebebasan pilihan raya dalam negara kita, mengapa hendak kemukakan nama Ketua Setiausaha Sulit kamu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya hendak minta penjelasan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Apakah tidak ada seorang tokoh yang berwibawa yang bebas yang mampu mengendalikan SPR. Apakah rakyat hendak diperbodohkan lagi. Apakah rakyat hendak disumbat dengan dedak, cukuplah mendedak pemimpin UMNO, jangan dedakkan rakyat dalam negara ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker saya minta penjelasan, Tuan Speaker saya minta penjelasan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebab itu Tuan Speaker, saya mempertahankan keterangan saya dalam Dewan ini bahawa nama Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri telah diangkat untuk menjadi Timbalan Pengerusi SPR tetapi kalau ditarik balik mesti ada sebab mengapa nama diangkat, terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat kenapa takut, saya hendak minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya dah jawab.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat gunakan perkara 734 gunakan nama Duli Yang Maha Mulia. Sebab apa Yang Berhormat ada niat yang tidak baik, ada dua perkara. Yang pertama Yang Berhormat tidak ada integriti masuk dalam Mesyuarat Raja-Raja dan mengeluarkan kenyataan ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Bukan integriti sebab perangai UMNO memang hendak sengaja salahkan Raja-Raja Melayu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang kedua Yang Berhormat ada niat seolah-olah Majlis Raja-Raja menolak cadangan ini supaya Raja-Raja tak bersetuju dan memburukkan nama baik UMNO.

Pertikaman lidah daripada Permatang, Hulu Bernam, Kota Damansara, Dengkil dan Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Permatang, Permatang, Bukit Antarabangsa dah habis menjawab.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok, saya minta Peraturan Tetap 36.8.

TUAN SPEAKER: 36.8?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: 36.7 minta maaf.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak perlu layan lagilah Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bukit Antarabangsa takut hendak jawab. Gunakan nama Majlis Raja-Raja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dah gunakan Peraturan Tetap hendak menjerit hendak menyalak sebab itulah perangai, perangai kebinatangan.

Pertikaman lidah di antara Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Sungai Burong, Permatang, Kota Damansara, Sekinchan dan Hulu Bernam. Tuan Speaker menutup pembesar suara.

TUAN SPEAKER: Tolong duduk, tolong duduk, tolong duduk semua, tolong duduk semua, tolong duduk semua. 36 (7) tak relevan ya dalam perkara ini kerana semasa Menteri Besar menjawab perkara itu adalah dalam bentuk soalan dan dia (beliau) tidak menggunakannya untuk secara fakta. Perkara tersebut berlaku.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, sekarang saya bacakan jawapan Menteri Besar hujungnya. Menteri Besar kata apabila cadangan itu

diangkat kepada Majlis Raja-Raja menolak cadangan tersebut sedangkan penjelasannya memang tidak pernah diangkat/di tarik balik. Jadi Y.B. Menteri Besar

YAB DATO' MENTERI BESAR : Itu keterangan daripada BN Pro.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Duduk dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja

TUAN SPEAKER : Permatang.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Kalau nak cakap biar ada fakta. Kita boleh

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : mempengaruhi

YAB DATO' MENTERI BESAR : Ada fakta.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker

YAB DATO' MENTERI BESAR : Diangkat. Ada minitnya.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Patut diambil tindakan kepada Menteri Besar.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Ada minitnya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Memecahkan Kerahsiaan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang Menteri Besar hadir.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Itu bukan tujuan saya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Apa integriti Menteri Besar?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Untuk memecah, tetapi menjawab persoalan UMNO yang mengheret Raja-Raja Melayu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tidak. Menteri Besar Selangor sudah melanggar perkara 36(7)

TUAN SPEAKER :Permatang tolong duduk.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bawa ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan kerana boleh gunakan Majlis Raja-Raja.

TUAN SPEAKER :Permatang tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia (SPR) untuk menarik balik cadangan persempadanan semula dan mengemukakan satu cadangan persempadanan semula yang baru yang adil, yang mencadangkan kawasan pilihan raya yang seimbang dari segi bilangan pengundi selaras dengan prinsip satu orang, satu undi". Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN :Usul seterusnya usul nombor 20 tahun 2016, usul di bawah Peraturan Tetap 26(1)(P) oleh Y.B. Sungai Pinang.

TUAN SPEAKER : Baiklah Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut Bahawasanya Dewan yang mulia ini merujuk Y.B. Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Ahli Dewan Negeri kawasan Batang Kali) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan berdasarkan ucapan beliau di Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2016 seperti berikut "ada terdapat sebahagian daripada komponen dalam pentadbiran YAB Dato' Menteri Besar. Matlamat pertubuhan itu untuk menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia melalui perjuangan sistem parlimen berperlembagaan. Maknanya di sini ada isi ataupun niat barangkali untuk tidak mengiktiraf raja berperlembagaan. Ini mungkin institusi diraja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan saja mendukung dan menjunjung institusi diraja, malah bertanggungjawab bersepenuhnya membela Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri serta memastikan perkara-perkara tentang penubuhan dan fungsi institusi diraja dimasukkan serta dimartabatkan." Sekian.

TUAN SPEAKER :Ada penyokong? Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Tuan Speaker, saya menyokong dan saya nak bahas sedikit.

TUAN SPEAKER :Terus bahas.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Ok. Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyokong penuh usul yang di bawa oleh Y.B. Sungai Pinang untuk merujuk Y.B. Batang Kali ini ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana beliau telah mengeluarkan satu tuduhan di mana menuduh komponen di kerajaan ini tidak lain tidak bukan adalah DAP kononnya kita akan tidak menghormati, tidak mengiktiraf raja berperlembagaan dan sebagainya. Ini satu tuduhan yang cukup serius. Cukup serius. Perlu ditarik balik ya. Perlu ditarik balik kalau tidak mereka akan gunakan isu ini kononnya DAP kalau DAP memerintah esok tak ada lagi raja-raja, kita akan tak hormat dan sebagainya. Ini semua satu fitnah yang kuat kerana kita dah 8 tahun di negeri Selangor, kita bersama kerajaan yang ada sekarang, kita menjunjung kasih “daulat tuanku”, kita tak ada masalah. Kita bersama kerajaan tak ada masalah dan dalam perlembagaan DAP pun kita memperjuangkan/menerusi perjuangan sistem parlimen berperlembagaan dan kita hormat sistem kita ya. Parlimen berperlembagaan.

Jadi, ini adalah satu tuduhan yang cukup serius dan yang saya nak bagi tahu Dewan yang mulia ini ialah pada petang ini, yang betul-betul tidak menghakiskan kuasa-kuasa raja-raja bukan DAP, bukan DAP. Satu ketika tahun 90an yang menghakiskan kuasa raja-raja adalah UMNO (Barisan Nasional). Ini sudah terbukti bukan DAP. DAP tidak pernah menjadi kerajaan pusat tetapi dalam media-media UMNO, TV3 dan sebagainya DAP yang dipersalahkan kononnya DAP akan bersama pembangkang yang lain kononnya kita akan tidak mengiktiraf raja-raja dan sebagainya. Inilah wajah sebenar UMNO (Barisan Nasional) balik ke kampung hulu, hilir atau FELDA dia akan katakan ‘oh DAP lah esok akan menguasai Malaysia dengan cara sedemikian’. Maknanya yang sebenarnya yang sebenar-benar-benarnya ialah yang menghakiskan kuasa raja-raja adalah UMNO (Barisan Nasional).

Jadi dalam Dewan yang mulia ini, sudah terang lagi bersuluh UMNO boleh nafikan dia tak ada menghakiskan. Boleh dicerita dalam peringkat terakhir kononnya Barisan Nasional terbukti bukan saja mendukung dan menjunjung institusi diraja, malah bertanggungjawab. Dia kata bertanggungjawab untuk menghakis pada tahun 90an. Jadi saya cukup setakat ini. Saya ingin minta Batang Kali mesti tarik balik kalau tidak mesti dirujuk untuk jawatankuasa sebagai diberi penyiasatan. Jadi saya menyokong sepenuh usul ini. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER :Baiklah. Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan dan sebelum itu, saya nak bagi peluang kepada Batang Kali nak tarik balik atau tidak kenyataan tersebut?

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Saya nak bahas sedikit.

TUAN SPEAKER :Teruskan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Terima kasih Y.B. Speaker. Mengambil iktibar daripada interpretasi Peraturan 36(6) seperti yang dibuat oleh Tuan Speaker mengenai soalan Kota Anggerik yang mengakibatkan berlaku perbalahan dengan mengatakan “Y.B.-Y.B. bodoh” tadi pagi. Maka usul nombor 20 ini tidak ada kena mengena dengan mana-mana Ahli Dewan secara spesifik. Itu yang pertama saya nak katakan di dalam Dewan.

Yang kedua, saya nak katakan perenggan yang dimaksudkan dalam usul nombor 20, tidak boleh dibaca tanpa mengaitkan soalan saya kepada YAB Bukit Antarabangsa yakni bagaimanakah. Jadi saya ada soalan di situ. Bagaimanakah dengan pendirian politik dan rakan-rakan politik YAB Menteri Besar yang perlu menyatakan ikrar yang sama? Saya bertanya kepada Menteri Besar. Jadi, maksudnya di situ.

Yang ketiga, merujuk kepada perenggan dalam usul nombor 20 ini sekali lagi ucapan saya sama sekali merupakan satu anggapan yang perlu diberi penerangan dan jawapan oleh YAB Menteri Besar kerana dalam baris lima dan enam dalam usul ini terdapat perkataan “barangkali” dan “ini mungkin” diguna pakai. Jadi perkataan “barangkali” dan “ini mungkin” telah diguna pakai untuk memohon penjelasan daripada YAB Menteri Besar. Jadi ia bukan satu tuduhan.

Yang keempat, baiklah jika pencadang usul nombor 20 itu bermaksud ia dituju pada DAP bukan kepada parti-parti lain seperti Parti Amanah Nasional (PAN) atau PKR atau lain-lain komponen yang dimaksudkan oleh pencadang maka saya telah secara sendiri menyemak 18 matlamat dalam Perlembagaan DAP. Apa yang saya boleh fahami, ini saya faham dari apa yang boleh yang telah saya baca. Maka daripada apa yang saya fahami, tidak sepele perkataan atau ayat yang boleh membawa maksud mendukung semangat raja berperlembagaan. Selain daripada kenyataan yang banyak, yang boleh saya simpulkan kepada meritokrasi dan hak-hak hidup sama rata atau bukan hidup secara prinsip keadilan yakni mendahului mereka yang sangat memerlukan. Bukan agihan sama rata yang saya fahami sebagai ‘awak dapat satu, saya juga mesti dapat satu’ yang lebih mirip kepada sistem sosialis dan kapitalis.

Yang kelima, tanpa mahu memanjangkan isu ini saya serahkan kepada Dewan yang kita anggap mulia dan adil untuk membuat keputusan dengan baik agar rakyat di luar sana dapat saksikan sistem keadilan berdasarkan bijaksana bukan berlaku atau tidak berlaku di kamar ini. Kita saksikan. Terima kasih Y.B. Speaker.

TUAN SPEAKER : Ada lagi pembahas? Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker. Saya terpanggil dan teruja untuk membahas isu yang dibawa ataupun *point-point* yang di bawah oleh Batang Kali. Pertama sekali kita harus beringat bahawa usul ini hanya adalah untuk

membawa Y.B. Batang Kali ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jadi kepada Y.B. Batang Kali, jangan bimbang. Anda belum lagi dihukum. Belum tahu salah atau tidak. Tapi saya ingin meminta jawatankuasa ini untuk menyiasat perkara ini dengan lebih menyeluruh termasuk sama ada mungkin kesihatan ataupun kedudukan mental Yang Berhormat sama ada beliau menghadapi sindrom lidah bercabang dua termasuk kita perlu siasat Puan Speaker *posting-posting* Yang Berhormat dalam laman *facebook* beliau.

Saya berharap Y.B. Batang Kali mengakui apa yang anda *post* dalam *facebook* itu sebagai *posting* asal daripada kamu sendiri dan tidak bertindak seperti Jamal menafikan segala-galanya. Dalam *posting* bertarikh 26 September ada di sini. Saya rasa boleh serah kepada jawatankuasa nanti. Saya *code* dan saya petik *posting* oleh Y.B. Batang Kali. Baca baik-baik “di mana letak agama Islam di dalam perlembagaan DAP dan apakah teras perjuangan mereka?” dan beliau paparkan satu gambar yang meletakkan matlamat-matlamat dalam Perlembagaan DAP ini. Jadi adalah jelas bahawa beliau mempunyai maksud ataupun niat ataupun *mainstream* untuk melakukan satu tuduhan bahawa parti DAP ini

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Y.B. Speaker, mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Adalah sebuah parti yang tidak menjunjung sistem...

TUAN SPEAKER :Kampung Tunku, Batang Kali minta mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Saya tidak membenarkan.

TUAN SPEAKER : Tidak benarkan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sebab saya tengok dia menceritakan Hal Islam di dalam perlembagaan. Saya tak menyentuh Hal Islam di sini. Saya menyentuh Hal Raja di dalam sini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Jadi saya menganggap bahawa siasatan. Saya tidak memberi laluan. Saya tidak memberi laluan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Jadi itu memesongkan Dewan, mengelirukan Dewan tentang niat saya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Saya tidak memberi laluan. Y.B. Batang Kali boleh memberi penjelasan nanti di hadapan Jawatankuasa. Saya tidak memberi laluan. Jadi ini adalah satu niat ataupun *mainstream* di situ untuk melakukan tohmahan yang tidak adil kepada Parti DAP yang mana parti ini ada wakil rakyatnya di Dewan yang

mulia ini. Oleh sebab itu, melanggar peraturan mesyuarat seperti apa yang dituju dalam (di dakwa dalam) usul ini.

Yang kedua, saya menyatakan bahawa mengapa saya kata bahawa Y.B. Batang Kali, mengapa saya mengatakan bahawa kedudukan mental Y.B. Batang Kali itu juga perlu disiasat kerana saya baca dan tonton daripada video laman *facebook* beliau juga. Ada isu-isu yang saya rasa tidak masuk akal. Kalau di Dewan yang mulia ini, kita dengar Adun-adun daripada Barisan Nasional memperjuangkan hak Muslim, hak agama Islam, hak Melayu, tapi dalam satu video *facebook* beliau di Rasa agaknya beliau secara terbuka mengatakan bahawa kerajaan yang Smart Selangor ini, dia tidak memperjuangkan hak orang Cina pula. Jadi dia pergi ke Kampung Baru Cina, dia cakap satu. Dia pergi ke kampung Melayu, dia pergi FELDA, dia cakap lain.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Oleh sebab itu,

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Y.B. Speaker.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya dah kata. tak apa, tak apa.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Kampung Tunku, ini dah luar daripada tajuk.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ini adalah ini tidak.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Speaker, saya nak minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tidak perlu, tidak perlu. Duduk.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Saya nak minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Duduk, duduk, duduk, duduk, duduk.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Tak, saya nak minta penjelasan sebab dia menyentuh ucapan saya.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Saya nak minta penjelasan Y.B. Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Tak apa, tak apa. Duduk, duduk.

TUAN SPEAKER :Batang kali, beliau tak benarkan dan Kampung Tunku tolong habiskan. Satu minit.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : saya tak benarkan. Oleh sebab itu, saya memohon Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini untuk menyiasat secara seluruhnya khususnya *posting-posting* dan juga komen-komen yang beliau muat *upload* dalam *facebook* ini sebagai satu bahan bukti yang boleh diguna

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Untuk menyiasat.

TUAN SPEAKER :Kampung Tunku benarkan atau tidak?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Saya tidak, tidak, tidak.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Apa kena mengena *facebook* itu dengan Peraturan Dewan?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Saya tidak, saya tidak, saya tidak, saya tidak, saya tidak.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak relevan Y.B. Speaker. Suruh berhentilah Kampung Tunku ni.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Memberi laluan. Saya tidak memberi laluan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Ini mempengaruhi Dewan untuk membuat keputusan.

TUAN SPEAKER :Kampung Tunku, habiskan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Ini mempengaruhi Dewan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN :Saya nak habiskan. Ada gangguan. Jadi

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Y.B. Speaker, minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Untuk lengkapkan ayat itu supaya jawatankuasa

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Kita tak mahu Yang Berhormat untuk membuat

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Perlu disiasat dan *mainstream* itu boleh disiasat melalui bukti-bukti seperti apa yang saya katakan tadi itu. Baiklah saya memohon

TUAN SPEAKER : Baiklah Kampung Tunku tolong

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :Y.B. Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Apakah ini bermakna saya kena buktikan bahawa apa yang saya cakap di perenggan tiga tadi mengenai dengan DAP untuk mengatakan perkara saya ini benar apa yang saya cakap?

TUAN SPEAKER : Batang Kali, saya rasa yang itu biar Jawatankuasa Hak dan Kebebasan membuat keputusan bila dipanggil nanti jika usul ini diluluskan. Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :Satu minit. Terima kasih Tuan Speaker. Saya sokong dan saya ingin cadangkan supaya usul ini diperluaskan bukan saja hadkan kepada pernyataan yang telah dinyatakan oleh pihak Batang Kali. Saya rasa ini Usul kedua sebenarnya dalam sidang dewan ini untuk pohon merujuk Yang Berhormat Batang Kali dan saya rasa sepanjang masa persidangan ini sikap Batang Kali memang saya rasa kurang profesional dan itulah relevan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku kerana kita perlu lihat sikap sepanjang masa Persidangan Dewan yang mulia ini. Beliau memang saya rasa ada niat untuk memberi tuduhan yang tidak berasas jadi itulah saya ingin minta sekiranya Usul ini diluluskan Ahli-Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bukan sahaja hanya mempertimbangkan pernyataan ini sebagai *term of reference* dengan izin tetapi dia juga diluaskan supaya mempertimbangkan sikap sepanjang masa persidangan ini. Sikapnya ataupun kenyataannya boleh di dapat di dalam *hansard* dewan yang mulia ini. Itu sahaja saya ingin.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Satu minit sahaja Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Satu minit.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Ya, terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya ingin nak menyentuh dua perkara sahaja. Nombor satu adalah berkenaan dengan Perlembagaan DAP dan juga Perlembagaan Malaysia. Saya ingin menegaskan di sini bahawa di dalam Perlembagaan DAP memang merangkumi mengutamakan Perlembagaan Malaysia yang mana Institusi Di Raja telah dinyatakan dengan jelas bahawa di dalam Perlembagaan Malaysia. Kenyataan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batang Kali telah menimbulkan sikap ataupun perasaan kebencian dan juga perasaan kemarahan antara Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri di dalam dewan ini bersama-sama dengan ataupun kita katakan menimbulkan kemarahan mungkin daripada Institusi Di Raja. Perkara ini merupakan satu perkara yang amat serius dan saya mohon supaya perkara ini diambil serius supaya tindakan sebegini tidak patut diulang lagi.

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan tadi. Tuan Speaker saya hanya ingin mengulangi mengguna pakai hujah yang telah saya kemukakan semasa menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan apabila saya membangkitkan kenyataan dibuat oleh Yang Berhormat Batang Kali. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa adalah jelas yang dirujuk oleh Batang Kali dalam ucapan beliau adalah terhadap DAP kerana DAP adalah satu-satunya parti di dalam Komponen Pentadbiran yang mempunyai matlamat memperjuangkan demokrasi sosial jadi beliau tidak boleh menafikan itu. Kemudian apabila beliau membuat penjelasan membela diri sebentar tadi, beliau membela dan membangkitkan bahawa itu cuma pertanyaan tetapi beliau lanjut dan melihat keseluruhan matlamat DAP yang lain mengutuk DAP. Saya rasa ini adalah satu cara niat jahat yang jelas ini baling batu sorok tangan jadi saya kira kita dah dengar pun penjelasan saya ingin serahkan kepada dewan ini untuk membuat keputusan jadi saya rasa ini patut kita lihat sejarah. Dalam sejarah kalau sejarah saya dalam dewan ini selama 21 tahun tidak pernah pun saya menghadapi keadaan ini di mana parti DAP dituduh sebagai tidak mengiktiraf Institusi Raja. Kali pertama 21 tahun saya berada di sini saya berasa amat sedih dan saya rasa amat keberatan untuk membawa Usul ini. Tapi saya terpanggil kerana saya rasa politik mutu politik UMNO sekarang ini menakutkan, tidak pernah UMNO bila menjadi kerajaan pun tak pernah buat begini, sekali bila menjadi pembangkang ada perangai macam ini. Jadi saya kira adalah tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat. Kita memberi tanggungjawab untuk membina 1 Malaysia untuk anak cucu kita. Jangan bawa sejarah yang lama, jangan cerita yang bukan-bukan menyebabkan anak cucu kita bermusuhan. Kita sama ada orang Melayu, orang India, orang Cina, kita semua anak Malaysia.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker saya nak mohon penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tak payah, saya tak benarkan, duduk, duduk.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Sebab saya orang yang dihukum ini. Saya nak minta penjelasan sahaja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tak payah. Saya tak bagi laluan. Tanggungjawab kita bersama tidak guna kalau kita bermusuhan di sini dan mengakibatkan anak cucu kita bermusuhan. Itu sebabnya kita nak bawa ini untuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk mengadili perkara ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi,

Bahawanya dewan yang mulia ini merujuk Yang Berhormat Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan Ahli Dewan Negeri Kawasan Batang Kali ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan berdasarkan ucapan beliau di Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2016 seperti berikut.

“ Ada terdapat sebahagian daripada komponen di dalam pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar matlamat pertubuhan itu untuk menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia menerusi perjuangan Sistem Parlimen Berperlembagaan. Maknanya di sini ada isi ataupun niat barangkali untuk tidak mengiktiraf Raja Berperlembagaan. Ini mungkin Institusi Di Raja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan sahaja mendukung dan menjunjung Institusi Di Raja malah bertanggungjawab sepenuhnya membela Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri serta memastikan perkara-perkara tentang penubuhan dan fungsi Insitusi Di Raja dimasukkan serta dimartabatkan”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya adalah Usul untuk menangguhkan dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya dewan ini ditangguhkan sehingga sesuatu masa yang akan ditetapkan kelak. Yang Berhormat Tuan Speaker semalam dunia dikejutkan dengan keputusan pilihan raya

Presiden Amerika Syarikat yang bertentangan dengan segala ramalan dan tinjauan pendapat ataupun yang selama ini sangat dipercayai. Keputusan yang memeranjatkan tersebut perlu kita ambil iktibar sebagai negeri yang melaksanakan demokrasi. Meskipun Donald Trump menang dalam Pilihan Raya Presiden namun Hillary Clinton memperoleh 48% undi popular berbanding Trump yang hanya memperoleh 47%. Ini menimbulkan perbincangan mengenai isu pokok tentang mandat dan keabsahan sesebuah kerajaan dengan izin. Biarpun Trump terpilih sebagai Presiden namun tidak bermakna dia boleh membuat sesuatu dengan sewenang-wenangnya. Ini juga peringatan kepada saya dan pimpinan Negeri Selangor walaupun kita mempunyai keabsahan melalui mandat yang besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 namun jangan kita angkuh dengan kuasa atau *arrogant of power* dan terputus daripada denyutan nadi rakyat. Mandat ini harus dihormati dan diterjemahkan dalam bentuk kerja dan program rakyat. Inilah bentuk matlamat Belanjawan 2017 Membangun Bangsa dan Memakmur Negeri. Belanjawan 2017 memberi tumpuan kepada belanja pembangunan yang terbesar dengan fokus kepada pengupayaan golongan B40 yang merupakan kumpulan pekerja petani, nelayan, pemandu teksi, pelajar, peniaga kecil dan penjaja termasuk veteran angkatan tentera yang berhak mendapat pembelaan. Cabaran kita mulai hari ini ialah untuk segera turun ke lapangan dan melaksanakan tugas ini dengan jujur dan ikhlas dengan membingkai prinsip-prinsip nilai integriti dan kebertanggungjawaban. Percayalah rakyat akan menilai kita dari segi kerja, bukan kata-kata. Jangan paksa rakyat untuk ikrar taat setia kepada kita sebaliknya kita yang bertanggungjawab untuk berbakti demi kebajikan rakyat dan kemakmuran negeri. Kepada anggota penjawat awam, berpeganglah kepada budaya kerja belum dipanggil sudah datang, belum disuruh sudah dibuat, belum ditanya sudah terjawab. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan, pegawai-pegawai dan pelapor-pelapor yang telah membuat persiapan begitu rapi dan telah memberikan khidmat yang begitu baik untuk membolehkan mesyuarat kita berjalan dengan lancar mengikut peraturan mesyuarat. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya mencadangkan supaya dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini saya ambil peluang dan kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan dan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang telah diberikan. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas serta pegawai keselamatan yang telah terlibat secara langsung atau pun tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan

perjalanan mesyuarat berjalan lancar dan bajet kita diluluskan. Kepada semua Ahli Yang Berhormat sila semak draf penyata yang telah dan akan didedahkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi dapat disediakan dan didedahkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini, saya menangguhkan Persidangan hari ini hingga suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang)